

BAB 1: PENGENALAN

1.1.Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional bagi pengukuran variabel kajian dan rumusan

1.2.Latar belakang Kajian

Wawasan 2020 merupakan hala tuju negara yang jelas, yang telah diilhamkan oleh Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1991 (Unit Perancang Ekonomi, 2012). Penekanan terhadap kemajuan bersepadu negara mengikut acuan sendiri dititik beratkan di dalam pembentukan negara maju. Aspek pembangunan modal insan yang berjiwa bebas, berperasaan tenteram, sentiasa bersikap terbuka, berkeyakinan diri, bangga dengan apa yang dicapai dan gagah menghadapi pelbagai masalah. Hasrat ini di gariskan di dalam hala tuju Wawasan 2020.

Hasrat mencapai negara maju ini akan tercapai dengan penyediaan modal insan yang seimbang dan harmonis yang bermula di sekolah (Muhyiddin, 2011). Modal insan yang cemerlang dan berkualiti ini dapat memacu negara mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi (Muhyiddin, 2011; Najib 2011).

Modal insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek merupakan matlamat utama dan hala tuju di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang pada dasarnya harus disemai dan dipupuk di sekolah pada peringkat awal (Kementerian Pengajian Tinggi, 2012). Sekolah yang berkesan dapat melahirkan insan yang seimbang

dari semua aspek dan negara akan mempunyai warganegara yang berguna dan berkualiti (Najib, 2011).

Masyarakat masa kini berlumba-lumba untuk mendapatkan pendidikan terbaik bagi anak-anak mereka dengan mengantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah berasrama penuh dan berprestasi tinggi. Ibu bapa sanggup mengeluarkan kos yang tinggi semata-mata untuk mendapatkan pendidikan terbaik untuk anak-anak mereka. Pewujudan Sekolah Kluster adalah berdasarkan pendekatan kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu untuk mengembangkan sepenuhnya potensi sekolah dalam kluster kecemerlangan yang mekanismenya dinyatakan dalam Teras Strategik Ke-6; Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan.

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa amalan mengelompokkan sekolah dilaksanakan di luar negara adalah bertujuan untuk peningkatan kualiti pendidikan dan ia berasaskan lokaliti ataupun kecemerlangan (Ibrahim Mamat, 2001). Begitu juga Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang tergolong di dalam sekolah kluster dan menjadi alternatif dalam pemilihan pusat pendidikan anak-anak terutamanya bagi golongan bumiputera berpendapatan rendah dan sederhana.

Kewujudan MRSM bertujuan untuk melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia dan membangunkan taraf pendidikan bumiputera. Pelaksanaan sekolah kluster seperti MRSM adalah berasaskan proses desentralisasi yang melibatkan pengupayaan sekolah menerusi pemberian autonomi terpimpin. Selaras dengan prinsip asas sekolah kluster ialah mengelakkan *elitism* – dengan semua pihak akan berada dalam ‘padang permainan yang sama’. MRSM ialah sebuah sekolah yang diberi kuasa autonomi di dalam pengurusannya. Kedudukan MRSM sebagai sekolah kluster dalam hierarki sekolah sebagai ‘terbaik dalam kalangan yang terbaik’.

Falsafah Pendidikan kebangsaan menegaskan bahawa matlamat utama pendidikan adalah untuk melahirkan insan berketerampilan dan juga seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek pelajar. Kejayaan untuk membentuk sahsiah pelajar, kecemerlangan akademik dan proses kemenjadian pelajar berjalan dengan lancar bergantung kepada keupayaan guru untuk melaksanakan tugas sebagai seorang guru ‘murabbi’ ketika di sekolah (Muhammad Suhaimi, 2012).

Menurut Baharom, Mohamad Johdi & Che Noraini (2009), kepimpinan pengetua adalah faktor utama yang menentukan kecemerlangan sesebuah sekolah. Ini kerana sekolah yang cemerlang menghadapi pelbagai jenis cabaran seperti cabaran manusia, cabaran sumber, dan cabaran ekspektasi yang terlalu tinggi daripada pelbagai pihak. Oleh yang demikian, seorang pengetua hendaklah berjiwa waja dan dapat merangka strategi untuk mengekalkan pencapaian cemerlang dan mempunyai komitmen tinggi dalam melaksanakan setiap program dan projek yang dirancang. Selain faktor pengetua, faktor lain yang juga menyumbangkan kecemerlangan sekolah ialah faktor guru, kakitangan, murid dan masyarakat setempat (Baharom, Mohamad Johdi & Che Noraini, 2009).

Pengetua juga memainkan peranan dengan meletakkan penanda aras yang tinggi terhadap pencapaian pelajar. Melalui penetapan dan penanda aras yang tinggi ini dijadikan sebagai target usaha dan sasaran kerja yang akan membentuk nilai dan norma yang menjadi amalan serta panduan sikap ahli-ahli staf dan para pelajar.

Pembentukan kecemerlangan sekolah oleh seorang pengetua yang cemerlang bukan sekadar kecemerlangan akademik tetapi juga sahsiah. Kecemerlangan harus berlaku secara holistik dan terancang. Ini kerana, pengetua yang cemerlang mampu mengubah

sekolah mereka menjadi tempat yang lebih baik kepada pelajar sebagai tempat pembelajaran (Raihani, 2008).

Ini bersetujuan dengan hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud

Setiap daripada kamu adalah pemimpin, setiap pemimpin adalah bertanggung jawab di atas pimpinannya.

Hadis riwayat Bukhari dan Muslim: Hadis No. 479

Oleh yang demikian, tugas seorang pengetua adalah amat berat bagi memastikan guru-guru yang berada di bawah kekuasaanya menjalankan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan sebaik mungkin, selari dengan landasan syariah dan nilai-nilai agama yang tinggi. Ini kerana setiap pemimpin itu akan dipersoalkan tentang perihal kepimpinannya apabila mereka meninggal dunia kelak.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru juga bermatlamat ke arah pembentukan akhlak mulia, yang juga selaras dengan tuntutan firman Allah dan hadis berikut:

Dan sesungguhnya, kamu (Muhammad saw) benar-benar memiliki akhlak yang agung

Al-Qalam; 68:4

Telah menceritakan kepada kami ‘Umar bin Hafsh telah menceritakan kepada kami Al A’masy dia berkata; “Kami pernah duduk-duduk sambil berbincang-

bincang bersama Abdullah bin ‘Amru, tiba-tiba dia berkata; “Rasulullah shallallahu ‘alaihi wassalam tidak pernah berbuat keji dan tidak pula menyuruh berbuat keji, bahawa beliau bersabda: “Sesungguhnya sebaik-baik kalian adalah yang paling mulia akhlaknya.” Sesungguhnya aku telah diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia

Hadis Sahih Bukhari; Hadis No. 5575

Ini bermakna, proses pembentukkan akhlak generasi muda negara kita masa kini dan generasi masa depan terpikul di atas bahu para guru itu sendiri.

Kejayaan pengetua adalah menciptakan kualiti pendidikan dan penerapan nilai-nilai agama yang lebih baik daripada sebelumnya. Penciptaan kualiti pendidikan dan penerapan nilai-nilai agama bermula daripada seorang pengetua kepada guru-guru di bawahnya dan terus kepada para pelajar. Guru-guru merupakan pendidik yang mana tugas seorang pendidik adalah teramat penting dan mulia kerana ianya merupakan kesinambungan tugas Nabi Muhammad SAW.

Dalam dalam konteks sistem pendidikan MARA, Bahagian Pendidikan Menengah Mara (BPM) telah menggariskan Falsafah Pendidikan MRSM sebagai berikut;

Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kami percaya pendidikan adalah satu usaha yang berterusan, dinamik dan saintifik untuk mempertingkatkan kualiti kepada diri sendiri, masyarakat, negara dan tuhan. Kami juga yakin bahawa maktab yang berkualiti cemerlang sentiasa peka dan komited kepada uasaha-usaha meningkatkan kualiti, produktiviti, kecemerlangan, penyuburan dan pengembangan potensi, kepimpinan dan

kreativiti. Sesungguhnya setiap pelajar itu unik, istimewa dan berpotensi tinggi untuk terus maju dalam mencipta kecemerlangan. BPLM, MARA (hlmn.3)

Seorang pendidik haruslah sentiasa menonjolkan imej diri yang positif, beretika dalam kehidupan di mana juga mereka berada. Oleh yang demikian pengetua sepatutnya memainkan peranannya di dalam pembentukan guru (murabbi) di MRSM dan penghayatan nilai Islam dalam membentuk warga negara yang bukan sahaja menjadi teknokrat dan teknoprenuer, malah menjadi umat Islam yang mempunyai maruah diri dan jati diri yang mantap.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian yang dijalankan ini bertitik tolak dari kurangnya model kepimpinan yang berlandaskan kepimpinan Islam di dalam pendidikan negara kita yang boleh dijadikan rujukan. Model kepimpinan Islam adalah sangat penting di dalam membentuk kepimpinan pengetua dan guru. Ini kerana, faktor yang dianggap menjadi penentu dalam kejayaan sesebuah sekolah ialah kepimpinan. Di dalam kepimpinan melibatkan dua pihak iaitu orang yang memimpin atau disebut sebagai pemimpin dan orang dipimpin. Apabila berlakunya situasi mendorong, memujuk dan mempengaruhi orang lain untuk mencapai sesuatu matlamat atau objektif maka wujudlah situasi memimpin (Carter,2007). Menurut Cleland (2004), kepimpinan adalah sifat semulajadi di mana seseorang itu berkeupayaan memimpin sekumpulan manusia dan memastikan setiap pekerjanya bermotivasi. Ini menunjukkan, kepimpinan akan berlaku sekiranya melibatkan dua pihak dan saling bekerjasama bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Guru-guru dipertanggungjawab membangunkan dan membentuk akhlak pelajar yang berjaya di dunia dan akhirat. Ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

yang ingin membentuk pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Selain itu, dengan adanya model kepimpinan berlandaskan Islam, guru-guru terutamanya beragama Islam mempunyai satu pegangan yang jelas di dalam membentuk pelajar yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang terpuji. Ini kerana, setiap tanggungjawab guru tersebut akan dipertanggungjawabkan sama ada di dunia dan di akhirat. Tanggungjawab membentuk akhlak pelajar ini adalah selari dengan ajaran Islam dan seterusnya menjadi tanggungjawab kepada diri, masyarakat dan alam semesta (Abdullah Md. Din, 2011).

Masyarakat masa kini meletakkan harapan yang tinggi kepada sekolah dalam usaha melahirkan masyarakat berkualiti, berilmu, bermoral dan berkemahiran tinggi. Untuk mencapai harapan tersebut, pengetua dan guru-guru merupakan individu yang disifatkan mempunyai tanggungjawab yang besar di dalam memimpin sekolah supaya berfungsi lebih baik, teratur dan berkesan (Lokman, Robiah. 2008).

Pendidikan anak-anak pada asalnya adalah tanggungjawab ibu bapa, namun begitu, guru-guru mula mengambil alih tugas tersebut daripada ibu bapa di dalam membentuk pelajar yang berpendidikan dan berakhhlak mulia (Ab. Halim Tamuri, 2011). Ini dibuktikan apabila anak-anak lebih banyak masa mereka di sekolah berbanding di rumah (Noornajihan, 2014). Persoalannya, mampukah pengetua dan guru-guru menjalankan tugas tersebut tanpa satu panduan yang jelas berlandaskan kepimpinan Islam dan seterusnya memikul tugas ibu bapa di sekolah. Di samping itu juga, wujudnya dilema utama dalam kepimpinan sekolah adalah sama ada pengetua merupakan pengurus sekolah ataupun pemimpin berkesan dalam kecemerlangan sekolah. Keberkesanan amalan kepimpinan pengetua turut dinyatakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan

(KPM 2007). Realitinya, tanggungjawab dalam menguruskan modal insan dan sesebuah organisasi secara relatifnya bukanlah suatu perkara yang mudah.

Pembentukan suasana yang positif dengan mewujudkan budaya sekolah berkesan dan penyayang yang membolehkan guru menjalankan tugasannya dengan berkesan (Muhammad Suhaimi, 2012). Peranan pengetua dan guru-guru di dalam pembentukan budaya sekolah adalah sangat penting. Ini kerana gurulah yang akan mengembangkan dan memindahkan ilmu pengetahuan serta nilai-nilai kepada pelajar (H.M. Nurdin, 2010). Suasana dan budaya yang berteraskan nilai-nilai positif ini turut dikaji di dalam pembentukan Model Kepimpinan Murabbi berdasarkan empat dimensi utama iaitu tauhid, ibadah, syariat dan akhlak.

Di dalam sistem pendidikan MRSM yang telah berjalan sejak tahun 1972 dengan pembukaan MRSM Seremban, namun tiada kajian empirikal tentang sejauh mana sistem yang digunakan oleh pengetua itu berkesan dan mencapai matlamat yang diharapkan (Subri, 1997). Fokus utama MARA adalah untuk melahirkan insan yang unggul dan holistik. Di mana pembinaan dan pemantapan Program Ulul Albab telah diberikan perhatian dengan pemwujudan MRSM Ulul Albab di MRSM Kota Putra Terengganu dan MRSM Ulul Albab kedua di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan. Usaha ini dilakukan untuk mencanai modal insan unggul supaya mempunyai pengetahuan merentasi bidang (MARA, 2011). Oleh yang demikian, pemupukan pemimpin dan guru yang unggul berlandaskan kepada Model Kepimpinan Murabbi mesti dititik beratkan di dalam sistem pendidikan MARA, di mana setiap pendidik dihasratkan menjadi murabbi.

Sehingga kini, tiada kajian yang dijalankan di MRSM dan sangat kurang kajian dilakukan di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia berkaitan model kepimpinan

murabbi pengetua secara khusus. Kewujudan model Kepimpinan Murabbi ini masih menjadi kajian para pengkaji.

Sebagai peneraju sekolah, pengetua memainkan peranannya dan bertanggungjawab dalam mengurus dan memimpin sekolah. Guru-guru juga memainkan peranan dan tanggungjawab ini adalah sangat kompleks dan mencabar bagi melahirkan pendidikan berkualiti dan sekolah berkesan (Institut Aminudin Baki, 2010).

Sebagai pemimpin sekolah, pengetua harus mempunyai watak khas yang mengandungi ketinggian keperibadian, kemahiran asas, pengalaman dan pengetahuan profesional dan pengetahuan pengawalan dan pentadbiran (Wahjosumidjo, 2003). Pendapat ini selari dengan pandangan Owens (2001) yang menyatakan bahawa pemimpin sekolah harus memiliki kompetensi yang tinggi bagi mengembangkan teori dan amalan yang merujuk kepada apa yang diketahui tentang perilaku organisasi dalam pendidikan. Kompetensi yang tinggi dan watak khas pengetua ini mempunyai hubungkait dengan mereka yang dipimpin sama ada guru, kakitangan, pelajar serta masyarakat sekitarnya bagi melahirkan sekolah yang berjaya dan berkesan (Mustanim, M. Al Muzammil. 2013).

Menurut McGregor, terdapat empat faktor yang mempengaruhi perhubungan antara pemimpin dengan mereka yang dipimpinnya iaitu ciri-ciri peribadi pemimpin, sikap, keperluan dan ciri-ciri yang dipimpinnya, sifat-sifat organisasi yang dipimpinnya, dan persekitaran sosial, ekonomi dan politik yang ada (Ainon, 2011). Ini menunjukkan peranan pengetua dan guru sebagai pemimpin dipengaruhi faktor-faktor di atas di dalam membentuk murabbi.

Seorang guru yang cemerlang akan menerapkan nilai-nilai murni dan agama di dalam kepimpinannya. Guru sebagai pembentuk sahsiah dan peribadi di dalam membentuk ciri-

ciri murabbi yang dapat diterapkan kepada pelajar. Banyak kajian lepas yang menyentuh kepada beberapa kelemahan dalam sistem pendidikan di negara ini yang mana ia menyentuh berkaitan dengan isu keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Sistem negara ini lebih menjurus kepada pembangunan luaran sahaja berbanding dengan kekurangan dalam aspek kerohanian. Oleh itu, peranan guru di dalam pembentukan murabbi dengan berteraskan kepada nilai-nilai Islam adalah amat perlu sejajar dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) Teras 5.

Kita juga dapat lihat kesediaan pengetua sebagai role model kepada guru di dalam pembentukan murabbi adalah amat penting supaya peningkatan penghayatan akhlak dapat dilaksanakan. Ini adalah penting kerana pengetahuan dan sikap seorang guru mempengaruhi amalan aktiviti sekolah (Kashfi, 2011).

Kesediaan guru-guru bagi menghadapi cabaran dan tanggungjawab di dalam mendidik pelajar masa kini secara tidak langsung dipengaruhi oleh kepercayaan guru terhadap kemampuan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut. Justeru itu, Model Kepimpinan Murabbi ini dapat mempengaruhi amalan dan keyakinan guru terhadap pengajaran dan keperibadian. Ini turut disokong oleh Hassan Langgulung (1986) yang menyatakan akhlak dan sahsiah guru memberikan impak terhadap pencapaian akademik dan sahsiah pelajar.

Imam Al Ghazali (t.th) menyatakan bahawa guru yang profesional adalah guru yang mempunyai ciri-ciri keunggulan dalaman dan luaran, terlatih dan cekap serta sangat berilmu pengetahuan terhadap bidang masing-masing (Kamarul Azmi, Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Hamzah, 2011).

Dalam perspektif Islam guru dikenali sebagai *mu'allim*, *murabbi*, *muaddib*, *muddaris* dan *mursyid*. Secara *etimologi* istilah pendidik dalam Islam disebut juga dengan *muallim*, *murabbi*, dan *muaddib*. Islam tidak menetapkan kata mana yang harus dipakai dari ketiga-tiga kata tersebut untuk sebutan guru. Kepimpinan pengetua yang murabbi sebagai model ikutan guru-gurunya dapat membentuk budaya sekolah yang unggul.

Manakala Naquib al-Attas (1980), lebih cenderung memilih kata *ta'dib* untuk istilah pendidikan. Sementara yang lebih popular digunakan di dunia Islam sejak abad ke-17 untuk kata pendidikan adalah *ta'lim*. Bagi yang sering memakai istilah *tarbiyah*, maka kata *murabbi* lah panggilan yang tepat untuk guru. Manakala, bagi yang menggunakan istilah *ta'lim* untuk istilah pendidikan maka kata *muallimlah* yang tepat untuk panggilan kepada guru.

Perkataan *murabbi* berasal dari bahasa Arab, merupakan *masdar* dari kata *rabba* yang bermaksud mengasuh, mendidik, dan memelihara. Bila kata *Murabbi* dihubungkan dengan bentuk *madhi*-nya yang terdapat dalam Al-Quran (*rabbayani*), dan bentuk *mudhari*'nya yang terdapat dalam al-Quran surah 26:18 (*nurabbika*) yang artinya:...

"*Bukankah kami telah mengasuhmu di antara (keluarga) kami, waktu kamu masih kanak-kanak dan kamu tinggal bersama kami beberapa tahun dari umurmu*",

Asy-Syu'ara'; 26:18

dan ayat al Quran yang lain, ertinya:

Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah.

Al-Baqarah; 2:276

Maka kata *murabbi* bermakna mengasuh, bertanggungjawab, memberi makan, mengembangkan, memelihara, membesar, menumbuhkan, dan mengeluarkan serta menjinakkan, sama ada aspek jasmaniah maupun rohaniah. Imam Fahr al-Razy menyatakan bahwa kata *rabbayani* sebagai bentuk mendidik dalam makna yang luas, ia tidak saja merangkumi kognitif tetapi juga melibatkan afektif. Sayid Quthb menjelaskan sebagai keupayaan pemeliharaan jasmaniah para guru dan membantunya menumbuhkan kematangan sikap mental sebagai pancaran *akhlaq al karimah* pada diri guru.

Selain itu juga *murrabi* merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk menjaga, membesar, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi membentuk model kepimpinan murabbi yang berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar dari pelbagai aspek iaitu rohani, jasmani, intelek, emosi dan sosial agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhlak mulia menurut kaca mata Islam.

Kepimpinan pengetua dan guru yang berasaskan kepada prinsip ketuhanan mencetuskan rasa tanggungjawab bimbingan dan tanggungjawab persefahaman. Rasa tanggungjawab bimbingan akan menyerlahkan amalan pembinaan keupayaan guru dan rasa tanggungjawab persefahaman ini pula akan menyerlahkan amalan pembinaan kejeleketan (Hailan, 2010). Ini akan meningkatkan lagi amalan pembinaan budaya ilmu dan amalan pengurusan sekolah dengan lebih baik.

Kegagalan kepimpinan bermula dengan persepsi terhadap keperluan teori dan amalan pengurusan yang telah mempengaruhi kurikulum pengajaran di universiti, dan peraturan dalam badan-badan kerajaan (Sergiovanni, 1992). Ini di sokong oleh Hailan (2010) yang

menyatakan bahawa bidang pengurusan membawa imej profesional yang dapat menentukan apa yang baik dalam pengurusan pendidikan dan corak apakah yang harus ditonjolkan dalam kepimpinan pendidikan. Ini menyebabkan pengetua bukannya memainkan perananya sebagai pemimpin sekolah tetapi hanya melakukan sesuatu perkara dengan betul dan mengikut arahan.

Fatanah (2010) menyatakan kualiti persekolahan sangat dipengaruhi oleh kepimpinan terus daripada pengetua. Namun, kepimpinan pemimpin-pemimpin lain di dalam sekolah terutamanya guru-guru tidak dapat dinafikan dari segi pengaruhnya terhadap kepimpinan pengetua. Pengetua perlu memainkan peranannya membantu guru, pelajar, dan kakitangannya berfungsi dengan lebih baik serta membina daya kepimpinan dalam kalangan orang yang dipimpinnya kerana pengetua adalah pemimpin kepada pemimpin yang lain.

Sebagai seorang pemimpin yang baik, guru sebagai murabbi akan memastikan para pelajar akan mencapai kejayaan dari segi akademik dan akhlak. Di mana, keperluan pelajar akan dipastikan cukup agar tidak membantutkan pencapaian pelajar dan motivasi, memberi inspirasi, memandu, meraikan kecemerlangan hendaklah di lakukan (Fatanah, 2010).

Untuk menjadi kepimpinan pengetua yang cemerlang, Young (2004) telah menyenaraikan 101 tip menjadikan pengetua dan guru lebih cemerlang dan meletakkan fokus kepada pelajar sebagai tip nombor satu. Kesan terhadap pelajar hendaklah diambil kira dalam setiap tindakan pengetua kerana pelajar menentukan keberkesaman diri pengetua itu sendiri (Levin, 1994).

Jawatan seorang guru merupakan amanah tuhan dan sebagai seorang guru, perkara tersebut hendaklah sentiasa dipegang. Ini kerana seorang guru sebagai murabbi itu sanggup, redha dan rela dengan tugas dan jawatan yang diambilnya serta peranan yang harus dimainkannya. Seorang guru perlu jujur menilai kemampuannya dan di sinilah terletaknya konsep rezeki

yang halal dan jawatan sebagai amanah tuhan (Fatanah 2010). Perkara ini ditekankan di dalam kajian Model Kepimpinan Murabbi, di mana konsep tauhid, ibadah, syariat dan akhlak ditekankan bagi membentuk seorang guru yang unggul. Yang mana, konsep yang menyeluruh tersebut kurang dilakukan kajian oleh pengkaji-pengkaji terutamanya yang bukan beragama Islam. Ini dapat dilihat dengan beberapa jenis kepimpinan yang dibincangkan di bawah.

Terdapat beberapa jenis kepimpinan yang diamalkan pada masa sekarang. Yang pertamanya ialah kepimpinan atribusi. Kepimpinan ini menyatakan bahawa kepimpinan merupakan satu tanggapan yang dikaitkan oleh orang ramai terhadap individu-individu yang lain. Ini bermakna, teori kepimpinan ini adalah berasaskan kepada pemerhatian bahawa pengikut mempunyai persepsi tertentu tentang pemimpin mereka. Baharom, Mohamad Johdi & Che Noraini (2009) mendapati, orang akan menyifatkan pemimpin mereka sebagai cerdas, terbuka, petah bercakap dan sebagainya merupakan ciri kepimpinan atribusi. Antara hasil dapatan kajian mereka mendapati persepsi sifat pemimpin yang berkesan dan disegani ialah konsisten dalam membuat keputusan dan ketegasan. Pemimpin dianggap wira apabila dapat menyelesaikan dan menjayakan tugas yang rumit dengan jayanya.

Kepimpinan karismatik merupakan jenis kepimpinan yang sering digunakan oleh pemimpin sekarang. Terdapat beberapa ciri yang membezakan sama ada pemimpin tersebut karismatik atau tidak. Antara ciri-ciri kepimpinan karismatik tersebut adalah seperti keyakinan diri yang tinggi, berpengaruh dan kesungguhan (House 1971). Bennis dan Nanus (1985) pula mendapati seorang pemimpin yang berkarisma mempunyai ciri seperti berwawasan jelas dan menarik atau ada naluri perjuangan, boleh berkomunikasi tentang wawasan mereka kepada pengikut, menunjukkan konsistensi dan penumpuan, dan mengenali kekuatan itu sepenuhnya.

Manakala Conger dan Kanungo (1987) pula menyenaraikan tujuh ciri kepimpinan karismatik. Pertamanya, pemimpin karismatik mempunyai keyakinan diri yang tinggi terhadap penilaian

serta keupayaan diri mereka sendiri. Kedua, mempunyai wawasan dan matlamat yang ideal yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan pada masa hadapan. Ciri seterusnya ialah kebolehan untuk menyebarkan wawasan dengan jelas dan mudah difahami oleh pengikutnya. Pemimpin karismatik ini juga mempunyai keyakinan dan kesungguhan tentang wawasan mereka, rela mengambil risiko persendirian, mengeluarkan belanja, dan berkorban untuk mencapai wawasan tersebut. Pemimpin karismatik juga mempunyai perlakuan yang luar biasa tetapi tidak menimbulkan kontroversi, baru, tidak konvensional serta menentang kebiasaan. Ciri yang ke enam ialah mereka dianggap sebagai agen perubahan yang radikal. Ciri yang terakhir pula ialah peka terhadap persekitaran, di mana pemimpin karismatik ini hendaklah melakukan penilaian realistik tentang konstrain persekitaran dan sumber-sumber yang dilakukan untuk melakukan perubahan.

Kepimpinan transformasi turut diamalkan oleh pemimpin pendidikan. Pemimpin jenis transformasi ini memberi inspirasi kepada pengikutnya untuk mengatasi kepentingan diri sendiri demi mencapai kepentingan organisasi dan juga mampu memberi kesan yang mendalam dan luar kepada pengikutnya (Bass, 1990). Beliau juga menggariskan empat ciri pemimpin transformasi iaitu mempunyai karisma yang boleh membekalkan wawasan dan kesedaran wawasan, mananamkan perasaan kemegahan serta memperolehi penghormatan dan kepercayaan. Ciri yang kedua ialah inspirasi yang bermaksud, menyampaikan harapan yang tinggi, menggunakan simbol untuk memfokuskan daya usaha dan tujuan-tujuan yang penting dengan cara yang betul. Ciri yang ke tiga ialah mendorong kefahaman intelektual yang bermaksud menggalakkan, fikiran yang rasional dan cara penyelesaian masalah yang teliti. Ciri yang terakhir ialah pemimpin transformasi mempunyai pertimbangan secara individu, pemimpin transformasi akan memberi perhatian secara individu, melayan setiap pekerja secara individu dan melatih serta menasihati mereka.

Kepimpinan lain yang sering diamalkan oleh pemimpin pendidikan ialah kepimpinan jenis pelaksana seperti model oleh Fiedler iaitu teori jalan-matlamat dan model penyertaan pemimpin. Bass (1990) menyatakan terdapat beberapa ciri pemimpin jenis pelaksanaan iaitu ganjaran kontjen di mana kontrak yang menukar ganjaran untuk daya yang disumbangkan, menjanjikan ganjaran untuk perlaksanaan yang baik dan pengiktirafan pencapaian. Ciri yang kedua ialah pengurusan secara pengecualian (aktif) yang bermaksud memerhati, mencari penyimpangan daripada undang-undang dan ukuran tertentu serta mengambil langkah-langkah penyesuaian. Ciri yang ke tiga kepimpinan jenis perlaksanaan ialah pengurusan secara pengecualian (pasif) di mana pemimpin hanya campur tangan jika ukuran tertentu tidak dipatuhi. Ciri yang terakhir yang digariskan oleh Bass (1990) ialah kepimpinan berbentuk laissez-faire yang mana pemimpin meninggalkan tanggungjawab dan mengelakkan daripada membuat keputusan.

Robins (1998) mengemukakan tentang kepimpinan berwawasan. Kepimpinan berwawasan ialah kebolehan pemimpin menyatakan sesuatu wawasan secara realistik, munasabah dan menarik bagi masa depan organisasi yang dipimpin. Pemimpin yang berwawasan ini hendaklah mempunyai kemahiran mengenal pasti wawasan, menerangkan wawasan kepada orang lain, menyampaikan wawasan melalui pertuturan dan perilaku serta menyalurkan wawasan kepada konteks kepimpinan yang lain.

Kepimpinan lain yang sangat digemari oleh pemimpin pendidikan ialah kepimpinan instruksional. Kepimpinan instruksional ialah satu pendekatan kepimpinan yang memberi penekanan kepada tingkah laku guru dalam aktiviti-aktiviti yang secara langsungnya memberi kesan kepada perkembangan pelajar (Leithwood, Jantzi dan Steinbach, 1999).

Setiap jenis kepimpinan tersebut adalah dari barat dan ianya tidak berlandaskan kepada ketuhanan. Oleh yang demikian, kajian terhadap Model Kepimpinan Murabbi memberi penambahan dimensi kepimpinan yang merupakan pelengkap dan menjurus kepada konsep ketuhanan dan kepimpinan Islam. Ini disokong dengan pandangan Ab. Halim Tamuri (2003) dan Noornajihan (2014) yang menyatakan bahawa guru-guru kurang menghayati peranan mereka yang sebenar. Guru bukan sahaja sebagai pengajar tetapi juga pemimpin dan murabbi yang mampu membentuk generasi berakhhlak mulia.

Oleh yang demikian, kajian terhadap pembentukan Model Kepimpinan Murabbi ini adalah salah satu cara mengatasi ketidak upayaan guru dan kepimpinan sekolah di dalam membentuk satu generasi yang berakhhlak mulia bahkan Model Kepimpinan Murabbi ini diharatkan dapat melahirkan guru sebagai murabbi dan pemimpin yang unggul.

1.4 Kerangka Kajian

Teori dan model merupakan alat yang dapat menerang, meramal dan menumpukan kepada suatu kajian yang hendak di jalankan (Little John, 1996). Dalam kajian ini, berlandaskan kepada teori Al Ghazali (1982) dalam Ihya' Ulumu- ad din "Revival of Religious Science", Al Quran dan Al Sunnah, dan teori dan model kepimpinan instruksional oleh James & Balasandran, 2013; Cotton, 2003; McEwan, 2003, Hallinger dan Murphy, 1985; Murphy, 1990, dan Weber 1996

Kepimpinan Murabbi

Pembinaan akhlak dan keperibadian yang mulia ditekankan oleh agama Islam pada semua manusia. Akhlak dan keperibadian yang unggul ini adalah sangat penting pada seseorang murabbi. Imam Al Ghazali (1982) di dalam kitabnya Ihya' Ulumu- ad din menekankan keutamaan ilmu dan mengajar. Seseorang ditunjukkan ke arah jalan yang benar dengan

ilmu, dan penekanan terhadap ilmu dan kepimpinan guru atau murabbi ditunjukkan oleh Imam Al Ghazali seperti di bawah;

Kewujudan yang paling mulia di dunia adalah jenis manusia. Dan bahagian yang paling mulia dari hakikat manusia itu adalah hatinya. Guru bekerja menyempurnakan hati, membesarkan, membersihkan, dan menuntunnya dekat dengan Allah s.w.t. maka di satu pihak mengajarkan ilmu adalah satu ibadah kepada Allah, dan di pihak lain merupakan khilafah (jawatan khalifah) di sisi Allah s.w.t. Kerana manusia sebagai khalifah Allah, lalu Allah menolong hati orang berilmu ('alim) terhadap ilmu yang merupakan salah satu sifat-sifatNya yang paling khusus. Ilmu juga laksana bendahari bagi jiwa yang di simpannya

(Al Ghazali, 1982)

Ini jelas di dalam menunjukkan bahawa tugas seorang murabbi tersebut bekerja untuk menyempurnakan hati, mencorakkan akhlak pelajar dengan membesarkan, membersihkan serta membimbang pelajar hingga berjaya dengan berlandaskan niat untuk lebih hampir dengan Allah. Mengajarkan ilmu merupakan satu ibadah yang sangat dituntut dan seorang murabbi itu adalah sebagai pemimpin (khalifah) di sisi Allah. Menurut Al Ghazali (1982), mereka yang menyebarkan ilmu akan dibantu Allah kerana sifat Allah yang paling khusus adalah berilmu dan membuka hati orang-orang yang berilmu.

Ihya Ulummu- ad din menekankan betapa pentingnya akhlak dan keperibadian seorang guru. Menurut Al Ghazali, seseorang guru hendaklah mengamalkan ilmunya, jangan perkataan beliau membohongi perbuatan. Akhlak dan keperibadian seorang guru akan menjadi contoh dan diteladani oleh pelajarnya secara langsung atau tidak langsung.

Oleh yang demikian, Al Ghazali telah menggariskan syarat-syarat akhlak dan keperibadian yang harus ada pada seorang guru seperti di bawah;

1. Sabar menerima pelbagai masalah murid-murid dan menerima dengan baik.
2. Sentiasa bersifat kasih sayang dan tidak pilih kasih.
3. Jika dia duduk hendaklah bersopan dan tidak riak.
4. Tidak takbur kecuali terhadap orang zalim iaitu dengan tujuan mencegah tindakan orang zalim itu.
5. Bersikap tawaduk dalam perbincangan.
6. Sikap dan perbicaraan bersungguh-sungguh.
7. Menanam sifat bersahabat dalam hati terhadap semua muridnya.
8. Bersopan santun dan tidak mengherdik orang bodoh.
9. Membimbing dan mendidik murid yang tidak cerdik sebaik-baiknya.
10. Berani berkata ‘saya tidak tahu’ terhadap masalah yang tidak difahami.
11. Menampilkkan hujah yang benar apabila berada di pihak yang salah dan bersedia kembali kepada kebenaran.

Semua senarai di atas, merupakan pra syarat bagi seorang murabbi yang berkesan yang meliputi aspek tabiat dan tingkah laku. Setiap tingkah laku menjadi pengajaran yang lebih tepat daripada mengajar dengan lidah (Abdul Salam, 2010). Ini kerana selari dengan pandangan Al Ghazali, setiap insan yang dapat mendidik diri mereka sendiri lebih baik dan lebih berhak untuk dihormati. Ini dikukuhkan lagi dengan firman Allah s.w.t.

Apakah kamu menyuruh manusia melakukan kebaikan sedangkan kamu lupa ke atas diri kamu sendiri...

Al Baqarah: 2:44

Seperti yang di terangkan di atas, *murabbi* bermakna mengasuh, bertanggungjawab, memberi makan, mengembangkan, memelihara, membesarkan, menumbuhkan, dan mengeluarkan serta menjinakkan, sama ada aspek jasmaniah maupun rohaniah. Imam Fahr al-Razy pula, menyatakan bahwa kata *rabbayani* sebagai bentuk mendidik dalam makna yang luas, ia tidak saja merangkumi kognitif tetapi juga melibatkan afektif. Sayid Quthb menjelaskan sebagai keupayaan pemeliharaan jasmaniah para guru dan membantunya menumbuhkan kematangan sikap mental sebagai pancaran *akhlaq al karimah* pada diri guru.

Selain itu juga *murrabi* merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Murabbi itu sendiri berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar dari pelbagai aspek iaitu rohani, jasmani, intelek, emosi dan sosial agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhlak mulia menurut kaca mata Islam.

Menurut Al Ghazali (1982), seorang murabbi di dalam menjalankan tugas dan kepimpinannya hendaklah ikhlas terhadap Allah s.w.t. Seorang murabbi itu wajib menanamkan dan membetulkan niat pelajarnya belajar kerana Allah s.w.t. Seorang murabbi hendaklah membetulkan niatnya mengajar kerana Allah s.w.t. Murabbi hendaklah mengikut jejak langkah Rasulullah s.a.w. dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab. Menurut Al Ghazali juga, murabbi adalah wakil dan pengganti Rasulullah s.a.w. di dalam meneruskan usaha mendidik di dalam masyarakat. Oleh yang demikian, seorang murabbi yang sempurna menurut beliau mempunyai empat ciri yang utama.

Ciri pertama adalah murabbi itu hendaklah bijaksana. Tindakan dan amalan seseorang murabbi itu hendaklah selari dengan ilmu yang dimilikinya. Dengan ilmu seseorang itu dapat

membezakan antara sesuatu yang baik mahupun yang buruk. Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud;

“..... Sesiapa yang memperolehi hikmat ilmu, maka ini bererti mereka telah beroleh kebaikan yang berlipat ganda.”

Surah Al- Baqarah: 2:269

Ini memberi maksud bahawa, dengan ilmu dan kebijaksanaan dapat memberikan seseorang itu kebaikan yang berlipat kali ganda kerana kebijaksanaan mereka berfikir dan bertindak berlandaskan ilmu yang mereka ada.

Ciri yang kedua seorang murabbi ialah keadilan. Keadilan di sini yang di maksudkan oleh Imam Al Ghazali ialah jiwa yang dapat mencegah kemarahan dan hawa nafsu untuk mencapai hikmat tersebut. Murabbi yang mempunyai jiwa keadilan ini dapat membimbing manusia ke arah ketenteraman, keselamatan, kebahagiaan dan kedamaian. Seorang murabbi yang adil akan menunjukkan ciri kepimpinannya di dalam membentuk para pelajar ke landasan yang lurus dan membawa mereka ke arah jalan yang benar tanpa sifat pilih kasih.

Ciri yang ketiga ialah keberanian. Murabbi yang mempunyai sifat keberanian akan menegakkan kebenaran dan mencegah dari kemungkaran. Menurut Imam Al Ghazali, murabbi yang berani tidak akan berundur apabila di cela dan tidak akan mudah lupa diri apabila disanjung. Inilah sifat yang harus ada pada setiap diri murabbi di dalam melahirkan insan pelajar yang unggul.

Ciri yang terakhir ialah mencegah diri dari melakukan maksiat atau amalan yang negatif mengikut hukum agama. Seorang murabbi akan menjaga tingkah laku mereka bagi

mengelakkan diri dari melakukan maksiat sama ada kecil atau besar berlandaskan hukum dosa pahala dalam agama Islam.

Ke empat-empat ciri di atas dapat membangunkan dan membentuk kepimpinan seorang murabbi yang unggul menurut pandangan Imam Al Ghazali. Ini juga dapat memberikan pandangan yang tinggi masyarakat kepada murabbi.

Selain dari ke empat-empat ciri yang dinyatakan di atas, murabbi juga, menurut Imam al-Ghazali hendaklah menyayangi pelajar dan memperlakukan mereka seperti anak sendiri, sentiasa menasihati pelajar dalam segala hal termasuk pembelajaran dan perlakuan mereka, dan menjaga disiplin pelajar dengan menggunakan Pendekatan Mencegah dan Menegur Secara Baik terhadap perlakuan maksiat dan juga menggalakkan perlakuan makruf secara kasih sayang.

Murabbi tersebut berperanan di dalam merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar dari pelbagai aspek iaitu rohani, jasmani, intelek, emosi dan sosial agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhhlak mulia menurut kaca mata Islam. Selain dari empat ciri utama seperti yang dinyatakan di atas, murabbi menurut Al Ghazali juga hendaklah mempunyai kesan-kesan dan ciri-ciri seperti di bawah:

1. Melaksanakan kewajipan syar'i.

Menuntut ilmu wajib hukumnya dalam Islam. Apalagi jika yang dituntut itu ilmu Islam. Cara yang paling efektif menuntut ilmu Islam adalah dengan *halaqah*, seperti yang dicontohkan Nabi Muhammad saw. Menuntut ilmu Islam itu adalah wajib dan cara yang paling efektif menuntut ilmu Islam adalah melalui *halaqah*, maka *halaqah* menjadi wajib untuk diadakan. *Halaqah* tidak akan berjalan efektif tanpa adanya dua pihak, iaitu

pembina (*murabbi*) dan peserta (*mad'u*). Ini kerana, menjadi *murobbi* dan *mad'u* adalah juga wajib. Allah berfirman :

“....Hendaklah kamu menjadi orang-orang robbani, karena kamu selalu mengajarkan Kitab dan disebabkan kamu tetap mempelajarinya”

Ali Imran; 3 :79.

Pada ayat tersebut, Allah menyuruh setiap muslim menjadi murabbi (mengajarkan Al Quran) dan menjadi *mad'u* (mempelajari Al Quran). Tidak boleh hanya mahu menjadi *mad'u* saja, tapi tidak mahu menjadi murabbi. Kesimpulannya, setiap muslim wajib mengupayakan dirinya untuk menjadi murabbi.

2. Menjalankan sunnah rasul.

Rasulullah saw telah membina sahabat-sahabatnya dalam majlis zikir atau *halaqah*. Rasulullah membina *halaqah* selama hidupnya, baik ketika di Mekah (contohnya di Darul Arqom) mahu pun di Madinah (contohnya majlis ta'lim di Masjid Nabawi). Oleh itu, menjadi murabbi bererti melaksanakan sunnah rasul (kebiasaan Rasulullah saw).

“Sebagaimana (Kami telah menyempurnakan nikmat Kami kepadamu) Kami telah mengutus kepadamu Rasul di antara kamu yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu dan mensucikan kamu dan mengajarkan kepadamu Al Kitab dan hikmah (Sunnah Rasul), serta mengajarkan kepada kamu apa yang belum kamu ketahui”

Al-Baqarah; 2 : 151

3. Mendapatkan pahala yang berlipat ganda.

Barangsiapa yang mengajarkan Islam kepada orang lain maka ia akan mendapatkan pahala. Semakin efektif pengajarannya, semakin berlipat ganda pahala yang akan didapatkan. *Halaqah* adalah cara yang paling efektif untuk mengajar Islam. Oleh itu, menjadi murabbi akan mendapatkan pahala yang berlipat ganda.

4. Mewujudkan keperibadian unggul.

Nabi Muhammad saw adalah murabbi yang telah berhasil mewujudkan generasi terbaik sepanjang masa. Oleh sebab itu, menjadi murabbi bererti turut membina peribadi-peribadi unggul harapan umat dan bangsa. Sangat pelik jika seorang muslim tidak muhun menjadi murabbi padahal ia sebenarnya sedang melakukan tugas yang besar dan penting bagi masa depan umat dan bangsa.

5. Belajar pelbagai keterampilan

Seorang murabbi akan belajar tentang berbagai hal. Contohnya, ia akan belajar tentang bagaimana cara meningkatkan kepercayaan diri, komunikasi, bergaul, mengemukakan pendapat, mempengaruhi orang lain, merancangkan sesuatu, menilai orang lain, menyusun waktu, menciptakan sesuatu, mendengar pendapat orang lain, mempercayai orang lain, dan sebagainya. Pembelajaran tersebut belum tentu boleh diperolehi di sekolah formal. Sedangkan, manfaatnya begitu besar, bukan hanya akan meningkatkan kualiti diri tetapi juga dapat mensejahterakan hidup seseorang.

6. Meningkatkan iman dan taqwa.

Dengan menjadi murabbi, seseorang akan dapat meningkatkan iman dan taqwanya kepada Allah SWT. Secara psikologinya, orang yang mengajarkan orang lain akan merasa seperti menasihati dirinya sendiri. Ia akan berupaya meningkatkan iman dan taqwanya kepada Allah seperti yang ia ajarkan kepada orang lain. Kesannya, hidupnya akan menjadi tenang kerana dekat dengan Allah dan terhindar dari kemaksiatan.

7. Merasakan manisnya ukhuwah

Seorang murabbi mampu bekerjasama dengan semua orang. Dengan kerjasama yang dijalankan akan membawa rasa manisnya ukhuwah yang dijalankan.

Kesimpulan yang boleh dibuat adalah, seorang murabbi yang unggul menurut Imam Al Ghazali mempunyai ciri-ciri di atas dan akhlaknya adalah berlandaskan kepada Al Quran dan Al Sunnah bagi melahirkan insan yang unggul dan cemerlang serta pengganti kepada kepimpinan masa hadapan.

Kepimpinan Instruksional

Kepimpinan instruksional ini digabung jalin dalam pembinaan Model Kepimpinan Murabbi kerana ianya mempunyai hubungan yang hampir sama dari segi ciri-cirinya dan juga mempunyai perbezaan yang seperti akan dibincangkan. Kepimpinan instruksional bermaksud kepimpinan pengajaran di mana ianya merujuk kepada proses, bentuk atau cara penyampaian maklumat oleh seseorang kepada seseorang yang lain. Ianya juga merujuk kepada bentuk arahan, tunjuk cara, penerangan lisan dan bukan lisan atau

bentuk-bentuk lain dengan tujuan membolehkan orang lain memahami, memulakan atau menjalankan sesuatu aktiviti, tindakan atau tugas (James & Balasandran, 2013).

Istilah ‘instruksional’ berasal dari perkataan ‘instruction’ dalam bahasa Inggeris dari kata dasar ‘instruct’ yang bermaksud ‘ajar’. Istilah ‘instruktional’ merupakan satu kata kerja yang membawa erti ‘pengajaran’ atau ‘proses mengajar sesuatu’ (James & Balasandran, 2013). ‘Pengajaran’ boleh dalam bentuk arahan, tunjuk cara, penerangan lisan dan bukan lisan atau bentuk-bentuk lain dengan tujuan membolehkan orang lain mendalami, memulakan atau menjalankan sesuatu aktiviti, tindakan atau tugas. Ini menunjukkan, terdapat hubungkait yang jelas antara kepimpinan instruksional dengan kepimpinan murabbi iaitu berfokuskan kepada pengajaran dan juga pembangunan pengajar sebagai salah satu komponen penting.

Berikut dikemukakan beberapa model kepimpinan instruktional yang telah dibentuk dari luar negara dan dalam negara.

Model Kepimpinan Instruksional, Model Hallinger dan Murphy

Model ini di bentuk selepas Philip Hallinger dan Joseph Murphy (1985) menjalankan kajian ke atas sepuluh orang pemimpin sekolah. Mereka yang terlibat di dalam kajian beliau sebagai responden adalah terdiri daripada pemimpin sekolah, kakitangan sekolah dan penyelia pendidikan kawasan yang terbabit.

Jadual 1.1: Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985)

Menguruskan Program Instruksional	Membentuk Iklim Sekolah yang Positif	Mendefinisikan Misi Sekolah
Menyelia dan menilai pengajaran	Melindungi pengajaran	• Merangka matlamat sekolah yang jelas
Menyelaras kurikulum	Mempromosikan pembangunan profesional	• Menyampaikan matlamat sekolah dengan jelas
Memantau kemajuan murid	Mengekalkan visibiliti tang tinggi Menguatkuasakan piawaian akademik Menyediakan insentif kepada murid Menyediakan insentif kepada guru	

Di dalam model ini menjelaskan tiga dimensi utama iaitu menguruskan program instruksional, membentuk iklim sekolah yang positif dan mendefinisikan misi sekolah.

Model Murphy

Joseph Murphy (1990) telah menambahbaikkan modelnya yang asal dengan menambah dimensi dalam kerangka kepimpinan instruksional.

Jadual 1.2: Model Kepimpinan Instruksional Murphy (1990)

Membentuk Suasana Sekolah yang Mesra dan Saling Membantu	Mengurus Fungsi Pengurusan Pendidikan	Mempromosikan Iklim Pembelajaran Akademik	Membentuk Misi dan Matlamat
Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan teratur Menyediakan peluang penglibatan murid yang bermakna	Menggalakkan pengajaran berkualiti Menyelia dan menilai pembelajaran Memperuntukan dan melindungi masa pengajaran	Membentuk piawai dan harapan positif Mengekalkan visibiliti yang tinggi Menyediakan insentif kepada guru dan murid	Merangka matlamat sekolah Menyampaikan matlamat sekolah

Memupuk kerjasama dan kejelekatan dalam kalangan staf	Menyelaras kurukulum Memantau kemajuan murid	Menggalakkan perkembangan profesional
Mendapatkan sumber luar untuk menyokong matlamat sekolah		
Menjalinkan hubungan antara rumah dengan sekolah		

Terdapat empat dimensi kepimpinan instruksional di dalam model kepimpinan instruksional Murphy (1990), di mana terdapat enam belas elemen di dalamnya yang diberi penekanan oleh Murphy. Dimensi yang ditambah adalah mempromosikan iklim pembelajaran akademik. Di dalam dimensi ini terdapat empat elemen yang telah disenaraikan oleh beliau.

Model Weber

Jadual 1.3: Model Kepimpinan Weber (1996)


Mendefinisikan Misi Sekolah	Menguruskan Kurikulum dan Pengajaran	Menggalakkan Iklim Pembelajaran yang Positif	Memerhati dan Meningkatkan pengajaran	Menilai Program Pengajaran
Pemimpin instruksional membina secara kolaboratif visi dan matlamat bersama sekolah dengan pihak berkepentingan (<i>stakeholder</i>)	Pemimpin instruksional memantau amalan bilik darjah dengan misi sekolah dan menyediakan sumber dan sokongan untuk amalan model dan teknik pengajaran terbaik serta menyokong usaha penggunaan data bagi memacu pengajaran	Pemimpin instruksional menggalakkan iklim pembelajaran yang positif dengan menyampaikan matlamat, menetapkan ekspektasi, dan mewujudkan suasana pembelajaran yang teratur	Pemimpin instruksional memerhati dan mempertingkatkan pengajaran melalui usaha pencerapan dan mewujudkan peluang-peluang pembangunan profesional	Pemimpin instruksional menyumbang kepada usaha perancangan, mereka bentuk, mengurus, dan menganalisis hasil penilaian keberkesanan kurikulum.

Konsep kolaborasi adalah diperjuangkan oleh James Weber (1996) di dalam pengurusan dan perkongsian kepimpinan di tempat kerja. Menurut beliau, konsep kolaborasi ini amat penting di dalam peranan pemimpin instruksional di sekolah. Weber (1996) telah mengemukakan lima dimensi utama seperti jadual di atas.

Ketiga-tiga model instruksional yang dikemukakan di atas mempunyai ciri-ciri persamaan yang jelas iaitu model-model tersebut meletakkan dimensi utamanya ialah ‘membentuk dan menyampaikan matlamat sekolah’. Dimensi kedua dan ketiga pula terdiri daripada proses-proses mengurus pengajaran dengan berkesan melalui pemantauan pencapaian murid, mewujudkan sistem sokongan dan pemantauan untuk menyokong usaha-usaha dalam dimensi kedua yang merujuk kepada pembangunan profesional kakitangan dan penilaian pembelajaran murid.

Dimensi yang terakhir yang menjadi fokus kepada ketiga-tiga model tersebut ialah pembentukan iklim pembelajaran yang kondusif merupakan strategi-strategi atau rancangan yang dapat meningkatkan penglibatan dan komitmen para murid, guru dan pihak berkepentingan yang lain.

Oleh yang demikian, ketiga-tiga model tersebut di gambarkan melalui Kerangka Kepimpinan Instruksional Sekolah (James & Balasandran, 2013) yang merupakan pengkaji di Malaysia, seperti rajah di bawah.



Rajah 1.1: Kerangka Kepimpinan Instruksional Sekolah James & Balasandran (2013)

Menurut James & Balasandran (2013) di dalam Kerangka Kepimpinan Sekolah yang dibentuk oleh mereka, menunjukkan bahawa persekitaran pendidikan mempunyai input, proses dan output. Input yang di maksudkan ialah kemasukan pelajar baru setiap tahun dan mengalami proses pembelajaran dan pengajaran dalam pelbagai cara dalam tempoh masa mereka berada di sekolah.

Manakala, outputnya ialah pencapaian akademik yang boleh diukur selepas melalui pelbagai proses di dalam persekitaran pendidikan. Di dalam peringkat proses merupakan perkara yang boleh di lakukan oleh pemimpin instruksional bagi merancang, mengelola, memimpin dan mengawal seluruh sumber yang ada bagi mencapai output yang diingini. James & Balasandran (2013) juga menyenaraikan proses yang menyokong dan

memfasilitasi instruksi kepada enam elemen. Ini adalah bagi memudahkan dan menyokong proses pembelajaran dan pengajaran.

Hasil dari output tersebut di harapkan agar dapat menghasilkan (outcome) yang berupa pelajar yang mendapat pekerjaan yang dicita-citakan, bermoral, beretika, jujur, mempunyai kemahiran hidup, mempunyai sifat yang kreatif dan inovatif, menghayati ilmu sepanjang hayat dan menghormati undang-undang (James & Balasandran, 2013). Ini menunjukkan bahawa, kepimpinan instruksional juga ingin melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.


Kesemua ciri-ciri yang didapati dari kajian literatur tersebut menunjukkan amalan yang biasa digunakan oleh kepimpinan instruksional di dalam pendidikan. Ini dikukuhkan lagi dengan pendapat Mortimore (1993) yang menyatakan pemimpin instruksional akan mewujudkan satu suasana pembelajaran yang aman dan teratur dan menunjukkan kawalan yang tinggi terhadap para pelajarnya.

Berdasarkan kajian literatur kepimpinan instruksional tersebut, didapati ada persamaan antara kepimpinan instruksional dengan kepimpinan murabbi dari segi amalan kepimpinan. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji, didapati amalan terbaik yang ada dalam kepimpinan insruktional juga wujud dalam kepimpinan murabbi. Ia memfokuskan kepada kejayaan dan keberhasilan pelajar dan guru (al-Ghazali, t.th., James & Balasandran, 2013; Cotton, 2003; McEwan, 2003, Hallinger dan Murphy, 1985; Murphy, 1990, dan Weber, 1996).

Kedua-dua kepimpinan instruksional dan kepimpinan murabbi ini mempunyai matlamat yang sama iaitu ingin mencapai kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar. Namun begitu, fokus kepimpinan murabbi terhadap kecemerlangan akademik dan sahsiah adalah

berlandaskan kepada agama Islam. Dalam kajian ini, penambahan fokus kepimpinan dilakukan terhadap dimensi tauhid (meng Esakan Allah), ibadah dan syariat di samping mewujudkan akhlak yang unggul (Al Ghazali, t.th).

Walaupun penjurusan fokus kepimpinan mempunyai perbezaan, kedua-dua kepimpinan instruktional dan kepimpinan murabbi ini mempunyai sistem dan pengurusan kualitinya yang tersendiri. Di mana, titik pertemuan awal kedua-dua kepimpinan ini adalah berfokuskan kepada kejayaan pelajar dan pembinaan guru yang unggul. Ini digambarkan dalam rajah 1.2 di bawah.



Rajah 1.2: Model Bertindih Kepimpinan Instruktional dan Kepimpinan Murabbi

(Diubahsuai dari Model Bertindih James & Balasandran (2013)

Rajah 1.2, Model Bertindih Kepimpinan Instruktional dan Kepimpinan Murabbi yang diubahsuai dari Model Bertinduh James & Balasandran (2013) menunjukkan satu pertindihan antara fungsi kepimpinan instruktional dengan fungsi kepimpinan murabbi.

Fungsi Amalan Kepimpinan Instruktional dan Ciri-ciri Kepimpinan Murabbi dalam Model Bertindih Kepimpinan Instruktional dan Kepimpinan Murabbi

Menurut James & Balasandran (2013); Cotton (2003); McEwan (2003), Hallinger dan Murphy (1985); Murphy (1990), dan Weber (1996), terdapat 13 amalan kepimpinan instruktional yang unggul di sekolah. Amalan yang disenaraikan ialah;

1. Memfokuskan tahap pembelajaran murid yang tinggi.
2. Menyediakan sumber berupa masa dan bahan.
3. Menggunakan data pencapaian murid bagi pemantapan program.
4. Mengiktiraf pencapaian guru dan murid.
5. Memantau dan memberi maklum balas tentang pengajaran guru.
6. Menghormati kewibawaan guru.
7. Melindungi masa pembelajaran.
8. Menyokong usaha tambahan guru.
9. Menyediakan peluang dan aktiviti pembangunan profesional guru.
10. Memudahkan carakan perbincangan tentang isu-isu instruktional.
11. Menjadi contoh tauladan.
12. Memantau kemajuan murid dan melaporkan dapatan.
13. Mewujudkan budaya penambahbaikan berterusan.

Amalan terbaik ini disokong oleh Mortimore (1993) yang menyatakan bahawa sekolah yang diterajui oleh pemimpin instruksional yang cekap, rata-ratanya memaparkan suasana pembelajaran yang aman dan teratur dengan pelajarnya menunjukkan tahap kawalan yang tinggi. Menurut beliau lagi, kepimpinan instruktional ini akan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik, kondusif dan kemudahan-kemudahan diselenggara dengan baik.

Selain itu, tahap kerjasama dan semangat bekerja para guru juga tinggi di sekolah-sekolah yang unggul. Guru-guru akan asyik dengan tugas masing-masing sama ada di dalam atau luar bilik darjah; dengan aktiviti mengajar; menyemak buku atau pun membuat persediaan untuk mengajar. Menurut James & Balasandran (2013), sekolah yang lesu memaparkan perlakuan guru dan murid yang kurang bersemangat, kurang sikap kesegaran, persekitaran sekolah yang tidak terurus, kotor dan dengan cermin-cermin tingkap dan pintu bilik darjah yang pecah atau rosak. Ini menunjukkan tahap kepimpinan instruktional yang rendah dan lemah.


Manakala dalam model bertindih tersebut, pengkaji menyenaraikan 13 ciri kepimpinan murabbi yang telah dikenal pasti iaitu meng Esa kan Allah (tauhid), ibadah, syariat dan akhlak; sabar, bijaksana, berkasih sayang, mendidik, bersopan, berani berkata benar, adil, tidak sompong, amanah dan, kreatif dan kritis. Di mana wujudnya pertindanan dalam amalan dan ciri-ciri tersebut sebagai contoh menjadi contoh tauladan terutamanya akhlak, mendidik pelajar, berkasih sayang dan sebagainya seperti dalam perbincangan selanjutnya terhadap murabbi.

Manakala, terdapat perbezaan yang wujud iaitu kepimpinan instruktional tidak memfokuskan kepada ciri meng Esakan Allah (tauhid), ibadah dan syariat di dalam kepimpinannya. Ini merupakan elemen yang sewajarnya ditambah dalam kepimpinan pendidikan di negara kita. Kesemua ciri yang dinyatakan di atas merupakan kajian yang dijalankan oleh pengkaji dalam pembinaan Model Kepimpinan Murabbi.

1.5. Kerangka Konseptual Kajian

Melalui sokongan oleh kajian teori dan pendapat pakar sebelum ini, maka kajian ini akan cuba membentuk sebuah model kepimpinan murabbi dengan melihat kepada ciri-ciri

kepimpinan murabbi dan faktor-faktor yang mempengaruhi (proses) di dalam pembentukan insan unggul kerana Allah / Pencipta telah dibincangkan untuk membentuk satu kerangka konseptual bagi kajian ini. Rajah 1.3 menunjukkan kerangka konseptual tersebut



Rajah 1.3: Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.3, ciri-ciri kepimpinan murabbi dari Imam Al Ghazali, Al Quran, dan Sunnah Rasulullah yang berkaitan menjadi input dalam kajian ini. Input ini akan melalui proses analisis keperluan iaitu melalui proses persediaan dan perancangan, kutipan data dan analisis data. Di sinilah bermulanya fasa reka bentuk. Bagi mengukuhkan lagi reka bentuk yang buat, ianya akan melalui fasa penilaian iaitu dan di uji. Ianya akan menghasilkan output iaitu Model Kepimpinan Murabbi dan seterusnya proses pelaporan akan di jalankan dalam langkah yang ke empat.

Satu matriks kajian telah dirangka seperti dalam Jadual 1.4 bagi menerangkan proses kajian yang di jalankan.

Jadual 1.4: Matriks Kajian

Soalan kajian	Kaedah	Hasil
Fasa Analisis Keperluan Apakah keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan? Apakah bentuk keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan? Apakah dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah.	Sorotan kajian dan Temu bual berstruktur	Keperluan Kepimpinan Murabbi kepada organisasi pendidikan. Bentuk panduan yang diperlukan oleh sekolah Dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah
Fasa Reka bentuk Sejauhmanakah kesepakatan pandangan pakar dalam kalangan panel pakar tentang dimensi Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia? Sejauhmanakah kesepakatan pakar dalam kalangan panel pakar tentang ciri-ciri terbaik Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia?	Teknik Delphi	Model Kepimpinan Murabbi Ciri-ciri terbaik Kepimpinan Murabbi
Fasa Penilaian Apakah tahap persetujuan perlaksanaan amalan Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah di Malaysia? Adakah terdapat perhubungan yang signifikan dari segi dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah Malaysia? Bagaimanakah model Kepimpinan Murabbi untuk organisasi pendidikan berdasarkan konteks Malaysia?	Kajian tinjauan Statistik deskriptif Analisis SEM Analisis SEM	Tahap persetujuan perlaksanaan amalan Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah di Malaysia. Perhubungan dari segi dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah Malaysia. Model Kepimpinan Murabbi untuk organisasi pendidikan

1.6 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk pembangunan model murabbi yang di amalkan oleh Kepimpinan Murabbi dalam membentuk budaya sekolah cemerlang di MRSM dan sekolah menengah di Malaysia. Matlamat kajian ini secara khususnya adalah mengikut fasa tertentu seperti berikut;

Fasa Analisis Keperluan

1. Mengenal pasti keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan.
2. Mengenal pasti bentuk keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan.

3. Mengenal pasti dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah.

Fasa Reka Bentuk

1. Mengenal pasti dimensi Kepimpinan Murabbi berdasarkan kesepakatan pandangan pakar dalam kalangan panel pakar.
2. Mengenal pasti ciri-ciri terbaik Kepimpinan Murabbi berdasarkan kesepakatan pakar dalam kalangan panel pakar.

Fasa Penilaian

1. Mengenal pasti tahap persetujuan perlaksanaan amalan Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah di Malaysia
2. Mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan dari segi dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah Malaysia.
3. Membina model Kepimpinan Murabbi untuk organisasi pendidikan berdasarkan konteks Malaysia.

1.7 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dibina bagi memastikan semua objektif kajian boleh dicapai. Dalam kajian ini, persoalan kajian dapat dirumuskan seperti berikut:

Fasa Analisis Keperluan

1. Apakah keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan?
2. Apakah bentuk keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan?

3. Apakah dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah.

Fasa Reka Bentuk

1. Sejauhmanakah kesepakatan pandangan pakar dalam kalangan panel pakar tentang dimensi Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia?
2. Sejauhmanakah kesepakatan pakar dalam kalangan panel pakar tentang ciri-ciri terbaik Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia?

Fasa Penilaian

1. Apakah tahap persetujuan perlaksanaan amalan Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah di Malaysia?
2. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan dari segi dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah Malaysia?
3. Bagaimanakah model Kepimpinan Murabbi untuk organisasi pendidikan berdasarkan konteks Malaysia?

1.8 Batasan Kajian

Di dalam kajian ini, peserta kajian yang dipilih adalah dijalankan di dua puluh buah sekolah iaitu sepuluh buah MRSM dan sepuluh buah sekolah menengah berprestasi tinggi. Ianya melibatkan seramai 570 orang peserta kajian. Guru-guru tersebut terdiri daripada mereka yang telah berpengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran di MRSM dan juga guru-guru baru.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat dijadikan maklumat dan sumber rujukan bagi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Pendidikan dan pelbagai pihak yang berkaitan. Diharapkan kajian ini dapat ditingkatkan lagi pada masa-masa akan datang. Selain itu juga, diharapkan agar model kepimpinan murabbi pengetua ini dapat melahirkan paradigma, konsep, preposisi dan teori mengenai dasar pembentukan murrabi di MRSM dan sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini juga diharapkan dapat menambahkan lagi khazanah keilmuan mengenai peranan pengetua sebagai model murrabi dan menjadi model kepada para guru, kakitangan, dan para pelajar, dan semoga dapat melahirkan modal insan yang unggul, cemerlang dunia dan akhirat.

1.10 Definisi Operasional Kajian

1.10.1 Kepimpinan

Kepimpinan ialah proses individu mempengaruhi anggota-anggota lain dalam kumpulannya ke arah mencapai tujuan dan matlamat kumpulan itu (Ainon & Abdullah, 2011). Selain dari itu juga, mereka juga menyatakan kepimpinan ialah sejenis tingkah laku yang bertujuan mempengaruhi individu lain supaya mereka sanggup dan secara sukarela melakukan apa yang dikehendaki oleh individu yang memimpin.

Setiap tahun, pelbagai teori dihasilkan dan dibincangkan mengenai pelbagai aspek kepimpinan dan kesannya terhadap keberkesanan sesebuah sekolah (Bryman, 1992). Menurut Conger & Kanungo (1998), kebanyakkan teori-teori tersebut berdasarkan elemen yang hampir sama iaitu fokus kepimpinan untuk mempengaruhi keberkesanan terhadap organisasi.

Baharom, Mohamad Johdi & Che Noraini (2009), menyatakan seorang pengetua hendaklah mempunyai cita-cita dan sentiasa mencari idea-idea baru untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Sekolah memerlukan seseorang yang berjiwa besar, semangat dan cita-cita tinggi kerana kepemimpinan sekolah adalah kompleks. Pengetua terpaksa berhadapan dengan guru-guru pimpinannya dan pelajar-pelajar sebagai sasarannya. Manakala di sekelilingnya pula terdapat masyarakat yang sentiasa melihat perkembangan pengajaran dan pembelajaran melalui anak-anaknya.

Kepimpinan pengetua mengikut perspektif Islam melibatkan beberapa peranan yang berkaitan dengan dunia ni dan juga akhirat. Di mana setiap pemimpin organisasi hendaklah memiliki dan mengamalkan sikap ini yang mana ianya mengikut perintah Allah sebagai satu amanah (Rahimah, Ali Jubran, 2010)

Di dalam Islam, manusia asasnya dijadikan sebagai pemimpin oleh Allah s.w.t. Ini dirakamkan di dalam Al Quran surah al-Baqarah yang bermaksud;

Dan ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat; sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah (pemimpin) di atas muka bumi ini. Maka mereka menjawab; adakah patut Engkau menjadikan di atas muka bumi, orang yang berbuat bencana dan menumpahkan darah sedangkan kami memuji dan mensucikan Engkau? Allah berfirman; sesungguhnya aku mengetahui apa yang engkau tidak ketahui.

Al-Baqarah 2:30

Ini jelas menunjukkan bahawa Allah s.w.t secara semulajadinya (fitrah) mencipta manusia untuk mengurus segala khazanah dan makhluk yang ada di daratan, di lautan mahupun di udara. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;

Dari Abu Hurairah, Rasulullah shallallahu ‘alaihi wassallam bersabda: “Barang siapa yang taat kepadaku bererti dia telah taat kepada Allah dan barang siapa yang bermaksiat kepadaku bererti dia telah bermaksiat kepada Allah. Dan barang siapa yang taat kepada pemimpin bererti dia telah taat kepadaku dan barang siapa yang bermaksiat kepada pemimpin bererti telah bermaksiat kepadaku. Dan sesungguhnya imam (pemimpin) adalah laksana benteng, di mana orang-orang akan berperang mengikutinya dan berlindung dengannya. Maka jika dia memerintah dengan berlandaskan taqwa kepada Allah dan keadilan, maka dia akan mendapatkan pahala. Namun jika dia berkata sebaliknya maka dia akan menanggung dosa”.

Sahih Bukhari; Hadis No 2737

Ini menunjukkan bahawa manusia itu sendiri adalah pemimpin yang akan memimpin dan mempunyai tanggungjawab (amanah) yang mesti dipikul. Ini kerana setiap tanggungjawab tersebut akan diperhitungkan oleh Allah s.w.t di akhirat kelak. Ini sejajar dengan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud;

Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu mestilah bertanggungjawab di atas kepimpinan kamu...

Sahih Bukhari dan Muslim; Hadis No. 479

Pengetua sebagai pemimpin yang utama di dalam organisasi pendidikan (sekolah) juga bertanggungjawab di atas pimpinannya. Ini kerana tugas sebagai pengetua merupakan tanggungjawab dan setiap tanggungjawab akan diperhitungkan kelak. Selain daripada itu juga, pengetua berperanan untuk memastikan matlamat sekolah tercapai secara bersama.

Oleh yang demikian, kepemimpinan pengetua sekolah merupakan faktor yang amat signifikan ke arah keberkesanannya sekolah kerana pengetua adalah orang yang menentukan suasana dan budaya sekolah. Pengetua sebagai model yang boleh dicontohi dan dapat memberikan kekuatan, perlindungan dan aspirasi kepada subordinat. Keupayaan pengetua selaku pemimpin utama sekolah akan menentukan keadaan sekolah yang dipimpinnya (Rahimah, 2008).

Edmonds (1979) dalam kajiannya menunjukkan bahawa kepimpinan pengetua yang berkesan adalah terdiri daripada pengetua yang dapat memahami tugas dan peranannya dalam program sesebuah institusi pendidikan. Ini diakui oleh Abdullah Ibrahim (2004) yang menyatakan bahawa, pemimpin yang berkesan dan cemerlang adalah terdiri daripada mereka yang tahu menyesuaikan diri dalam keadaan yang sentiasa berubah-ubah. Namun begitu, untuk menjadi pemimpin yang berkesan dan berjaya, faktor-faktor kritikal dalam kepimpinan pendidikan seperti persekitaran, peranan pemimpin, kerentak kakitangan dan sifat-sifat organisasi juga perlu diambil kira.

1.10.2 Murrabi

Murabbi dihubungkan dengan bentuk *madhi*-nya yang terdapat dalam Al-Quran (*rabbayani*), dan bentuk *mudhari*'nya yang terdapat dalam al-Quran surah 26:18 (*nurabbika*) yang ertiannya:...

"Bukankah kami telah mengasuhmu di antara (keluarga) kami, waktu kamu masih kanak-kanak dan kamu tinggal bersama kami beberapa tahun dari umurmu",

Asy-Syu'ara'; 26:18

dan ayat al Quran yang lain, ertinya:

"Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah. Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap berada di dalam kekafiran dan bergelumang dengan dosa "

Al-Baqarah; 2:276

Maka kata *murabbi* bermakna mengasuh, bertanggungjawab, memberi makan, mengembangkan, memelihara, membesarkan, menumbuhkan, dan mengeluarkan serta menjinakkan, sama ada aspek jasmaniah maupun rohaniah.

Peranan guru sebagai *murabbi* melibatkan proses mendidik, memelihara dan membentuk pelajar sehingga wujud rasa kasih sayang dan saling percaya mempercayai antara mereka. Antara ciri-ciri guru-murabbi menurut Imam al-Ghazali adalah: 1) Menyayangi pelajar dan memperlakukan mereka seperti anak sendiri; 2) Sentiasa menasihati pelajar dalam segala hal termasuk pembelajaran dan perlakuan mereka; dan 3) Menjaga disiplin pelajar dengan menggunakan Pendekatan Mencegah dan Menegur Secara Baik terhadap perlakuan maksiat dan juga menggalakkan perlakuan makruf secara kasih sayang.

1.10.3 Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM)

Sejarah awal penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA) bermula semenjak zaman sebelum kemerdekaan seperti yang di nyatakan di dalam Pelan Strategik MARA 2011-

2020, Majlis Amanah Rakyat (2010). Majlis Undangan Persekutuan Tanah Melayu (MMUPTM) telah bersetuju menubuhkan sebuah Badan atau Lembaga Khas yang dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (LKKP) atau lebih dikenali sebagai RIDA (Rural & Industrial Development Authority) pada tahun 1950. Penubuhan RIDA disahkan menerusi Surat Mesyuarat No. 10/1951 dalam persidangan MMUPTM yang telah di adakan pada 25 April 1951 dan dikanunkan Ordinan No. 48 Tahun 1953.

Penubuhan RIDA yang berteraskan prinsip mahu menolong diri sendiri ini menjadi jentera perubahan dalam aspek pembangunan sosio ekonomi masyarakat luar bandar. Slogan Allahyarham Dato' Onn Ja'afar sebagai Ketua Besar RIDA telah membuka peluang kepada masyarakat terlibat dalam bidang keusahawanan serta memperoleh pendidikan formal dan tidak formal. Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1965 telah menyedari perlunya satu agensi yang lebih fokus membantu meningkatkan taraf sosioekonomi Bumiputera diwujudkan bagi menggantikan RIDA. Di atas kesedaran inilah, maka pada 1 Mei 1966, MARA telah ditubuhkan.

Menerusi program pendidikan, MARA komited untuk menjayakan agenda nasional pembangunan modal insan. Dalam merealisasikan hasrat ini, aspek kualiti pendidikan menjadi keutamaan MARA. Kesemua rangkaian Institusi Pendidikan MARA, akan terus diperkasakan untuk memacu kecemerlangan dan mengeluarkan produk modal insan yang berkualiti sejajar dengan keperluan negara, dan seterusnya untuk membawa lebih banyak catatan kejayaan MARA di pentas antarabangsa (Pelan Strategik MARA 2011-2020).

Berikutan itu, Maktab Rendah Sains MARA atau MRSM yang juga merupakan sejenis sekolah berasrama penuh telah dibina oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) hampir di setiap negeri di Malaysia. Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) telah ditubuhkan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat Bil. 20 Tahun 1966 sebagai satu usaha untuk

mencapai matlamat MARA dalam bidang latihan dan pendidikan. MARA yang juga merupakan badan berkanun mempunyai sistem kewangan yang tersendiri bagi membantu menjayakan pendidikan dan pembangunan usahawan di kalangan bumiputera. Ditubuhkan bermula dengan MRSM Seremban pada tahun 1978 dan terus berkembang sehingga kini dengan jumlah sebanyak 52 buah MRSM di Malaysia.

MARA meneruskan fokusnya untuk melahirkan modal insan yang unggul. Usaha memantapkan Program Ulul Albab terus diberikan perhatian di mana MARA telah pun mewujudkan MRSM Ulul Albab kedua di Gemencheh, Negeri Sembilan. Program Ulul Albab ini telah di mulai oleh MRSM Kota Putra, Besut Terengganu. Sreamai 170 orang pelajar telah diambil di dalam program Ulul Albab di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan. Usaha ini diambil untuk mencanai modal insan yang unggul supaya mempunyai pengetahuan merentasi bidang serta memasuki bidang kemahiran yang boleh menjana kekayaan di masa hadapan (Pelan Strategi MARA 2011-2020). Selain itu juga, penekanan kepada generasi yang disebut sebagai Ulul Albab iaitu menggunakan akal fikiran, cerdik dan bijaksana membina kehidupan. MARA juga menghala pewujudan pemimpin negara dan korperat yang bercirikan *Towering Personality* yang bercirikan insan unggul iaitu berwibawa, berkarisma dan berketerampilan.

1.11 Rumusan

Kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji telah membincangkan aspek-aspek yang mendasari keseluruhan kajian ini. Perkara-perkara yang dibincangkan telah memberikan gambaran tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional kajian.

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan tinjauan literatur dan sorotan dapatan kajian lalu yang menjurus kepada pembentukan Model Kepimpinan Murrabi di MRSM dan Sekolah-sekolah Menengah, Malaysia. Perbincangan ini akan difokuskan kepada konsep, model dan dapatan daripada kajian lalu mengenai gaya dan amalan Kepimpinan Murabbi mengikut dimensi serta elemen yang dikenalpasti. Berdasarkan sorotan literatur serta dapatan kajian lalu mengikut tempoh masa tertentu, dan kajian barat atau tempatan. Sorotan ini menjelaskan konstruk-konstruk tentang Kepimpinan Murabbi, ciri-ciri yang perlu ada pada seorang murabbi. Satu kerangka konseptual juga dikemukakan bagi kajian ini. Menerusi penjelasan dari pelbagai sumber dalam sorotan literatur ini, maka ia akan dapat menerangkan dengan lebih jelas lagi Model Kepimpinan Murabbi di institusi pendidikan Malaysia.

2.2 Konsep Kepimpinan

Halpin dan Croft (1963) menyatakan personaliti seseorang guru menggambarkan keadaan iklim sesebuah sekolah dan bagaimana guru berusaha untuk mencapai tahap iklim sekolah yang terbaik. Howard (1974) juga berpandangan keadaan di sesebuah sekolah itu sebenarnya dipengaruhi oleh individu yang ada di dalam sekolah tersebut. Ini bermakna, guru memainkan peranan penting di dalam membentuk iklim sekolah yang kondusif bagi tujuan pembelajaran. Selain itu juga, guru memainkan peranan penting sebagai model dan pemimpin kepada pelajar.

Definisi asas kepemimpinan mengikut tafsiran Yukl (2006) merujuk kepada sekumpulan manusia yang berinteraksi, berhubung dan mempengaruhi satu sama lain dalam menuju objektif yang sama. Kepemimpinan juga didefinisikan sebagai proses mempengaruhi orang lain untuk mengubah tingkah laku (Hughes et al. 2002). Harris et al. (2003) mentakrifkan kepemimpinan sebagai tingkah laku yang dikongsi secara kolektif dan penglibatan semua ahli dalam sebuah organisasi. Mengikut Gardner (2000), kepemimpinan dirujuk sebagai satu proses pujukan iaitu mempengaruhi orang lain untuk mencapai objektif secara kolektif antara pemimpin dengan pengikut.

Hersey dan Blanchard (1984) mengutarakan empat stail kepimpinan iaitu *Telling* (*Directing*), *Selling (Coaching)*, *Participating (Supporting)*, dan *Delegating*. Pemimpin mempelbagaikan stail kepimpinan mengikut kemahiran atau kemampuan serta kesungguhan pengikut dalam organisasi.

Kematangan merujuk kepada tahap keupayaan dan persediaan seseorang pengikut menyempurnakan sesuatu tugas yang meliputi pengetahuan, kemahiran dan kepakaran teknikal, keyakinan diri, komitmen, motivasi dan harga diri berhubung dengan situasi tugas. Teknologi pula melibatkan alat, teknik dan idea yang digunakan. Penilaian boleh dibuat tentang sejauh manakah keberkesanan kakitangan menggunakan teknologi dalam meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai isu dan masalah negara, pendidikan dan sekolah.

Pemimpin yang berkesan harus mempunyai ciri-ciri tertentu seperti kepintaran, kejujuran dan integriti, dorongan kepimpinan, keyakinan diri, semangat, pengetahuan dalam bidang, kreativiti dan fleksibiliti. Pemimpin berkesan mempunyai gelagat yang unggul. Namun begitu, ia harus selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi bingkai sempadan pendidikan negara walau bagaimana sibuk pun dengan tugas-tugas harian.

Pemimpin harus bijak memainkan peranan dalam pelbagai aspek dan para pendidik sedar akan cabaran pengetua yang sememangnya banyak.

2.3 Peranan Dan Tugas Pengetua

Pengetua adalah pentadbir sekolah yang dilantik daripada kalangan guru ke jawatan pentadbiran untuk mentadbir sekolah. Sheilds (2005) dan Day et al. (2000) yang mengatakan bahawa tugas utama pengetua tidak terhad hanya melaksanakan peranan fungsional seperti pengelolaan, penyelarasan dan penilaian tetapi perlu menjadi suri teladan atau sumber inspirasi kepada guru-guru. Di samping itu, kepemimpinan sekolah juga disaran supaya mengamalkan stil kepemimpinan yang lebih mengutamakan nilai kemanusiaan seperti membina hubungan yang harmonis dengan guru, bersikap telus, mudah didekati, kerap memberi motivasi, membimbang dan memberi tunjuk ajar kepada guru (Hussein Haji Ahmad 2001). Mengikut Chan Yuen Fook (2000) pula, aspirasi pendidikan negara tidak akan mencapai matlamat jika kepemimpinan sekolah terlalu tertumpu kepada tugas pentadbiran sahaja sedangkan bidang kepengetuaan hari ini bersifat dinamik, kompleks malah menuntut sesuatu yang lebih tinggi (Speck 1999; Herbert 2006) dalam menyediakan pengetua yang mampu menghasilkan guru yang komited terhadap sekolah.

Sehubungan dengan itu Fullan (2001) dan Mortimore (1995) juga menyuarakan pendapat mereka tentang ciri-ciri kepemimpinan yang perlu dimiliki oleh pengetua sekolah dalam era globalisasi. Ciri yang dimaksudkan dikenali sebagai kepemimpinan profesional iaitu merujuk kepada sikap tegas pengetua dalam membuat keputusan, mempunyai matlamat yang realistik serta menekankan keunggulan sebagai pemimpin ketika di sekolah. Di samping itu, pengetua juga perlu menitikberatkan aspek pembangunan manusia seperti kepuasan kerja dan komitmen guru terhadap sekolah (Deal & Peterson 2000). Pendek

kata, pengetua dituntut untuk memberikan keseimbangan antara kecemerlangan dalam pengurusan dengan kepemimpinan yang efektif sebagai pembuka ruang kepada penghasilan guru yang komited terhadap sekolah dan profesi.

2.4 Faktor Demografi

Pengkaji telah memfokuskan faktor demografi kepada sampel kajian keseluruhannya beragama Islam, lokasi sekolah, jantina, pengalaman mengajar, kelayakan akademik tertinggi, kursus semasa dalam perkhidmatan. Menurut Maslow (1987), faktor demografi merujuk kepada latar belakang guru seperti jantina, pengalaman mengajar, umur, pendidikan tertinggi, pengalaman pekerjaan, sosio-ekonomi dan lokasi semasa.

Perbezaan jantina mempunyai kesan terhadap tingkah laku individu dan juga peranan yang harus dimainkan oleh setiap individu mengikut jantina. Ini di jelaskan oleh Allah S.W.T dalam surah an-Nisa' ayat 34 yang bermaksud;

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggung jawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah S.W.T telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama"

An-Nisa'; 4:34

Selain itu, Allah S.W.T telah berfirman tentang kesaling bergantungan antara lelaki dan perempuan. Ini di zahirkan dalam surah an-Nisa' ayat 1, yang bermaksud;

"Wahai sekalian manusia! bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan daripada kamu (bermula) dari diri kamu yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya – Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai. Bertakwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling meminta dan (peliharalah) hubungan kekeluargaan. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasimu."

An-Nisa'; 4:1

Morris & Maisto (2001) dalam kajiannya menyatakan kajian-kajian dalam psikologi telah menunjukkan terdapat perbezaan peranan, penilaian kepintaran, kemampuan kognitif, personaliti, pengaruh sosial, pendedahan diri, kepimpinan dan sebagainya mengikut perbezaan jantina. Ini di akui oleh Azhar Ahmad (2006) dalam kajiannya yang menyatakan ilmu biologi dan psikologi mengiktiraf perbezaan sistem biologi, karakteristik dan peranan yang harus dimainkan oleh lelaki dan perempuan.

Kajian oleh Chung & Badusah (2010); Mohd Najib Abdul Aziz & Nor Shafrin Ahmad (2008), selain dari jantina, banyak kajian yang dijalankan bagi melihat perbezaan pendidikan, antara sekolah bandar dan luar bandar bagi melihat aspek kemudahan asas, dana dan pencapaian murid, ia juga turut digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Menurut teori perkembangan guru, semakin lama seseorang itu mengajar, semakin meningkat kemahiran, kepakaran dan kecekapan guru dalam pengajaran (Klassen & Chiu

2010; Wolters & Daughterty 2007). Guru-guru menghadapi dan menangani sesuatu cabaran dalam menjalankan tugas berdasarkan pengalaman yang mereka miliki (Cohen *et al.* 2003).

Bagi kursus dalam perkhidmatan, ianya memberi kesan kepada kualiti guru-guru (Borg 2011; Harris & Sass 2011; West-Burnhan & O'sullivan 2009). Noornajihan Jaafar (2014) menyatakan, program latihan yang disusun dalam sesebuah organisasi termasuk sekolah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, membentulkan persepsi terhadap sesuatu serta memperbaiki tingkah laku warga organisasi tersebut.

2.5 Amalan Kepimpinan Murabbi

Dari kaca mata Islam, suasana keagamaan (iklim dini) adalah sangat perlu di sesebuah sekolah terutamanya apabila majoriti warga sekolah sama ada pelajar, guru, kakitangan adalah beragama Islam. Ini bertepatan dengan pandangan Rosnani (1998) dalam muqaddimah buku Ali Mohammed (2002:x) yang mengatakan bahawa sesebuah sekolah bukan sahaja perlu efektif, tetapi yang lebih penting ialah bagaimana guru dan pelajarnya yang kuat pegangan agama Islam berusaha untuk membawa sekolah berkenaan ke puncak kejayaan.

Manakala Fathiah (2005), menyatakan persekitaran yang harmoni dan melahirkan kasih sayang, hormat menghormati serta perlaksanaan aktiviti pendidikan yang membawa kepada kejayaan sahsiah dan pencapaian akademik pelajar adalah sekolah yang mempunyai suasana sekolah yang mencerminkan ciri keIslam yang sebenar.

Selain itu, peranan pengetua di dalam memimpin guru-guru dan organisasi hendaklah selari dengan peranannya yang menjadi penyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran serta menjadi pencetus, penggerak dan pembina tamadun Islam.

Gaya kepimpinan pengetua mempunyai dua dimensi iaitu dimensi pendayautamaan dan timbangrasa. Rosidah (2001) menyatakan pemimpin yang mengamalkan kedua-dua dimensi gaya kepimpinan tersebut merupakan pemimpin yang berkesan. Ini adalah kerana pemimpin seumpama itu dapat mewujudkan organisasi yang harmoni, mesra dengan rasa kekitaan di kalangan organisasinya (Rosidah 2001). Pemimpin seumpama ini biasanya mewujudkan hubungan kemanusiaan yang positif dalam organisasinya dengan membina hubungan mesra dan berkomunikasi secara berkesan dengan semua stafnya tanpa diskriminasi.

Everett (1988) mencadangkan agar pengetua mengamalkan gaya kepimpinan yang tinggi dalam dimensi pendayautamaan struktur dan timbang rasa untuk membangkitkan motivasi para guru. Manakala Hoy dan Miskel (2005) menyatakan bahawa terdapat hubungan antara pemimpin yang mengutamakan tingkah laku pengarahan dan kepuasan kerja subordinat iaitu:

1. Tingkah laku pengarahan dalam keadaan yang tidak nyata boleh meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja subordinat untuk mencapai matlamat.

2. Tingkah laku sokongan dan penyertaan seseorang pemimpin boleh meningkatkan kepuasan kerja. Manakala tingkah laku pengarahan akan menimbulkan masalah dan ketegangan di kalangan subordinat lebih-lebih lagi jika perasaan timbang rasa begitu kurang pada diri seseorang pemimpin.

Ungkapan Hoy dan Miskel (2005) di atas jelas menunjukkan bahawa kedua-dua dimensi gaya kepimpinan pendayautamaan struktur dan timbangrasa perlu dilaksanakan secara seimbang dan saling melengkapi.

Gaya kepimpinan timbangrasa yang diamalkan pemimpin merupakan faktor penting di dalam pembentukan sahsiah guru. Castenada dan Nahavandi (1991) menyatakan bahawa sekiranya pemimpin tidak memberikan perhatian kepada perkara ini (timbang rasa), pemimpin mungkin akan kehilangan peluang untuk membentuk perasaan taat dan semangat berpasukan di kalangan orang bawah.

Ab. Kadir (2000) dalam kajiannya mendapati kebanyakan guru sekolah mahukan ketua yang bertingkah laku bertimbang rasa. Sekiranya pemimpin terlalu mementingkan pendayautamaan struktur pengarahan, ia akan menjelaskan hubungan dan tekanan kerja kepada subordinat.

Pihak pengurusan sekolah hendaklah berusaha mewujudkan budaya sekolah yang menghidupkan nilai-nilai akidah dan berakhhlak supaya murid-murid merasa selamat, sentiasa ingin berbakti dan berusaha untuk maju dalam pelajaran berdasarkan dorongan yang lebih tinggi, iaitu mencari keredhaan Allah S.W.T. dan bukan sekadar untuk menggembirakan warga sekolah, ibu bapa dan guru. Sebahagian daripada budaya ini adalah bersifat muraqabah, iaitu merasa Allah sentiasa memerhatikan perbuatan mereka untuk dipertanggungjawabkan (Rosnani, 1998).

Nilai-nilai akhlak Islam ini hendaklah dihayati dan diamalkan oleh semua warga sekolah bermula dari pengetua, guru, kakitangan sokongan dan para pelajar. Ini akan memberi kesan terhadap disiplin dan akan mewujudkan kurangnya keperluan kepada pengawasan. Menurut Rosnani (1998) lagi, pihak pengurusan sekolah wajar memantau kegiatan dan

perilaku para pelajar kerana mereka juga mempunyai kehendak dan nafsu serta akhlak yang perlu dikawal, dinasihati, dan dibimbing.

2.6 Model Amalan Kepimpinan

2.6.1 Konsep Guru Murrabi

Murabbi berasal daripada kata terbitan, *tarbiyyah* (pendidikan). Hasan Langgulung (1980) merujuk perkataan *tarbiyyah* dalam Al-Qur'an 17:24 yang bermaksud: "Wahai Tuhan, sayangilah keduanya sebagaimana mereka *mendidikku* sewaktu kecil," Tengku Ghani Tengku Jusoh (2002) mengatakan *tarbiyyah* adalah mencurahkan kasih sayang, memelihara, mendidik, mengembangkan, menyuburkan dan membesarakan. Peranan guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi* melibatkan proses mendidik, memelihara dan membentuk pelajar sehingga wujud rasa kasih sayang dan saling percaya mempercayai antara mereka.

Antara ciri-ciri *guru-murabbi* menurut Imam al-Ghazali (tt) adalah: 1) Menyayangi pelajar dan memperlakukan mereka seperti anak sendiri; 2) Sentiasa menasihati pelajar dalam segala hal termasuk pembelajaran dan perlakuan mereka; dan 3) Menjaga disiplin pelajar dengan menggunakan Pendekatan Mencegah dan Menegur Secara Baik terhadap perlakuan maksiat dan juga menggalakkan perlakuan makruf secara kasih sayang.

Bagi Ahmad Mohd Salleh (1997) pula, antara ciri-ciri *guru-murabbi* adalah: 1) Mengutamakan keselamatan dan kebajikan pelajar; 2) Bersikap adil terhadap pelajar tanpa mengira latar belakang keluarga, keupayaan akademik, dan ekonomi; 3) Merahsiakan maklumat sulit pelajar kecuali kepada yang berhak; dan 4) Bersedia

membimbing pelajar serta menunjukkan cara berpakaian, pertuturan dan tingkah laku sebagai contoh yang baik kepada pelajar.

2.6.2 Model Guru Murrabi Menurut Imam Al-Ghazali (tt)

Murrabi merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarkan, mencerahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Guru berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar dari pelbagai aspek iaitu rohani, jasmani, intelek, emosi dan sosial agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhhlak mulia menurut kaca mata Islam.

Guru sebagai murrabi hendaklah mempunyai kesan-kesan dan ciri-ciri seperti di bawah:

1. Melaksanakan kewajipan syar'i.

Menuntut ilmu wajib hukumnya dalam Islam. Apa lagi jika yang dituntut itu ilmu Islam. Cara yang paling efektif menuntut ilmu Islam adalah dengan *halaqah*, seperti yang dicontohkan Nabi Muhammad saw. Menuntut ilmu Islam itu adalah wajib dan cara yang paling efektif menuntut ilmu Islam adalah melalui *halaqah*, maka *halaqah* menjadi wajib untuk diadakan. *Halaqah* tidak akan berjalan efektif tanpa adanya dua pihak, iaitu pembina (*murabbi*) dan peserta (*mad'u*). Ini kerana, menjadi *murobbi* dan *mad'u* adalah juga wajib. Allah berfirman :

“...Hendaklah kamu menjadi orang-orang robbani, karena kamu selalu mengajarkan Kitab dan disebabkan kamu tetap mempelajarinya”

Ali Imran; 3:79

Pada ayat tersebut, Allah menyuruh setiap muslim menjadi murabbi (mengajarkan Al Quran) dan menjadi *mad'u* (mempelajari Al Quran). Tidak boleh hanya mahu menjadi *mad'u* saja, tapi tidak mahu menjadi murabbi. Kesimpulannya, setiap muslim wajib mengupayakan dirinya untuk menjadi murabbi.

2. Menjalankan sunnah rasul.

Rasulullah saw telah membina sahabat-sahabatnya dalam majlis zikir atau *halaqah*. Rasulullah membina *halaqah* selama hidupnya, baik ketika di Mekah (contohnya di Darul Arqom) mahu pun di Madinah (contohnya majlis ta'lim di Masjid Nabawi). Jadi, menjadi murabbi bererti melaksanakan sunnah rasul (kebiasaan Rasulullah saw).

“Sebagaimana (Kami telah menyempurnakan nikmat Kami kepadamu) Kami telah mengutus kepadamu Rasul di antara kamu yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu dan mensucikan kamu dan mengajarkan kepadamu Al Kitab dan hikmah (Sunnah Rasul), serta mengajarkan kepada kamu apa yang belum kamu ketahui”

Al-Baqarah; 2 : 151

3. Mendapatkan pahala yang berlipat ganda.

Barangsiapa yang mengajarkan Islam kepada orang lain maka ia akan mendapatkan pahala. Semakin efektif pengajarannya, semakin berlipat ganda pahala yang akan didapatkan. *Halaqah* adalah cara yang paling efektif untuk mengajar Islam. Oleh itu, menjadi murabbi akan mendapatkan pahala yang berlipat ganda.

4. Mewujudkan keperibadian unggul.

Nabi Muhammad saw adalah murabbi yang telah berhasil mewujudkan generasi terbaik sepanjang masa. Oleh sebab itu, menjadi murabbi bererti turut membina peribadi-peribadi unggul harapan umat dan bangsa. Sangat pelik jika seorang muslim tidak mahu menjadi murabbi padahal ia sebenarnya sedang melakukan tugas yang besar dan penting bagi masa depan umat dan bangsa.

5. Belajar pelbagai keterampilan

Seorang murabbi akan belajar tentang berbagai hal. Contohnya, ia akan belajar tentang bagaimana cara meningkatkan kepercayaan diri, komunikasi, bergaul, mengemukakan pendapat, mempengaruhi orang lain, merancangkan sesuatu, menilai orang lain, menyusun waktu, menciptakan sesuatu, mendengar pendapat orang lain, mempercayai orang lain, dan sebagainya. Pembelajaran tersebut belum tentu boleh diperolehi di sekolah formal. Sedangkan, manfaatnya begitu besar, bukan hanya akan meningkatkan kualiti diri tetapi juga dapat mensejahterakan hidup seseorang.

6. Meningkatkan iman dan taqwa.

Dengan menjadi murabbi, seseorang akan dapat meningkatkan iman dan taqwanya kepada Allah SWT. Secara psikologinya, orang yang mengajarkan orang lain akan merasa seperti menasihati dirinya sendiri. Ia akan berupaya meningkatkan iman dan taqwanya kepada Allah seperti yang ia ajarkan kepada orang lain. Kesannya, hidupnya akan menjadi tenang kerana dekat dengan Allah dan terhindar dari kemaksiatan.

7. Merasakan manisnya ukhuwah

Seorang murabbi mampu bekerjasama dengan semua orang. Dengan kerjasama yang dijalankan akan membawa rasa manisnya ukhuwah yang dijalankan.

2.7 Dapatan Kajian Lepas di Dalam dan Luar Negara Mengenai Nilai-nilai dan kualiti Guru Sebagai Murabbi

Menurut Gidden & Turner (2010) menyatakan bahawa masyarakat memainkan peranan penting sebagai agen pembentukan karakter dan personaliti seseorang individu. Pemikiran yang jernih, jasmani yang sihat, kepercayaan terhadap sesuatu nilai yang utuh, cara hidup yang seimbang mampu membentuk sebuah tamadun manusia yang hebat. Pembentukan tamadun itu juga bermula dari peranan seorang guru di dalam masyarakat. Inilah yang dikaji oleh pengkaji terhadap pembentukan Model Kepimpinan Murabbi.

Terdapat kajian-kajian yang dilakukan terhadap akhlak, sosial, pengamalan nilai-nilai Islam dalam organisasi pendidikan sama ada di dalam negara maupun luar negara yang menggambarkan nilai-nilai dan kualiti guru seorang murabbi.

Kajian-kajian lepas yang pernah dibuat kebanyakannya berkaitan guru pendidikan Islam, akhlak remaja dan pelajar, sama ada kecerdasan emosi dan sosial guru pendidikan Islam, penghayatan akhlak Islam di kalangan pelajar dan sebagainya.

Menurut kajian yang dibuat oleh H.M. Nurdin (2010), guru dari segi perspektif Islam adalah sebagai pendidik dan pembimbing. Ini kerana hampir semua aktiviti dan proses pembelajaran terletak ditangan seorang guru. Guru berperanan sebagai penyampai ilmu dan mengembangkannya serta menerapkan nilai-nilai mulia kepada para pelajar. Beliau

juga mengariskan guru perlu mempunyai ciri-ciri sebagai seorang murrabi di dalam pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar.

Ab. Kadir (2000) dalam kajiannya mendapati kebanyakan guru sekolah mahukan ketua yang bertingkah laku bertimbang rasa. Sekiranya pemimpin terlalu mementingkan pendayautamaan struktur pengarahan, ia akan menjelaskan hubungan dan tekanan kerja kepada subordinat.

Dalam pembentukan murrabi, kepimpinan rabbani diperlukan. Kepimpinan rabbani adalah dengan meletakkan matlamat memimpin manusia semata-mata mendapatkan keredhaan Allah s.w.t (Hailan, Rahimah, 2007). Kepimpinan Rasulullah s.a.w menjadi contoh utama dalam kepimpinan rabbani bagi membentuk manusia yang unggul demi mencapai keredhaan Allah s.w.t.

Kepimpinan pengetua juga dilihat dalam konteks peranan fungsionalnya. Pengetua amat bertanggungjawab terhadap pengurusan dan kepimpinan sekolah (Zainol, Hussein, 2007). Menurut beliau lagi, tujuan kepimpinan pengetua adalah bagi meningkatkan tahap kecekapan, kualiti pendidikan dan keberkesanannya pengurusan pendidikan bagi tujuan menghasilkan pendidikan bertaraf dunia.

Menurut Mahi Din (1998:2), dengan mengekalkan identiti dan fungsi yang sebenar, iaitu ilmu sebagai alat yang boleh membawa kepada kebenaran maka guru sebagai murabbi perlu mewujudkan suasana yang harmonis dalam hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia berdasarkan ajaran tauhid, manusia akan dapat memahami hakikat budaya ilmu dengan baik. Oleh itu, suasana sekolah yang mengamalkan amalan Islam atau dikenali sebagai iklim dini di sekolah merupakan sebahagian daripada usaha pendidikan bersepadu meliputi tiga dimensi utama insan, iaitu

rohani, intelek dan jasmani. Suasana ini perlu diamalkan oleh semua semua pihak di sekolah bagi mewujudkan pengamalan dan menghayati ajaran Islam dalam semua aktiviti di sekolah dan ini akan meningkatkan motivasi warga sekolah.

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Zabidi (2006) menyatakan kebanyakan kajian yang dijalankan tentang iklim sekolah, pengamalan amalan Islam dalam pengurusan sekolah dapat mewujudkan mewujudkan suasana pembelajaran yang bermotivasi dan seterusnya membantu pelajar memperoleh pencapaian yang lebih baik dan guru-guru lebih puas untuk bekerja. Pernyataan tersebut dikukuhkan lagi dengan dapatan kajian oleh Ibrahim (1993) menegaskan bahawa suasana yang positif sangat perlu wujud di sebuah sekolah. Banyak kajian yang dibuat menunjukkan bahawa terdapat hubung kait yang rapat antara suasana pengamalan amalan Islam di sekolah dengan kejayaan murid. Sekiranya suasana sekolah yang baik, guru dan murid akan lebih bermotivasi dan pada masa yang sama aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan berjalan dengan baik.

Prestasi akademik pelajar yang meningkat sangat dipengaruhi oleh budaya hidup beragama. Sejarah membuktikan bahawa kejayaan sebuah sekolah agama yang terkenal iaitu Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) banyak dibantu oleh budaya hidup beragama. Menurut Penolong Pengetua KISAS, En.Razali Mohd. Salleh dalam Utusan Malaysia pada 26 Ogos 1997, disiplin beragama yang tinggi di samping rajin mengamalkan sembahyang berjemaah dan amalan-amalan sunat seperti sembahyang sunat hajat, tahajjud, berzikir, berpuasa sunat pada setiap hari Isnin dan Khamis serta amalan tazkirah yang menjadi amalan sebahagian besar pelajar merupakan faktor penting kecemerlangan pelajar kolej tersebut.

Membersihkan jiwanya daripada kecenderungan yang buruk dan perangai yang jelek merupakan perkara yang perlu dilakukan oleh seseorang pelajar (Al Ghazali t.th). Ini

kerana di hatilah tempat letaknya ilmu yang dipelajari dan diterima. Seandainya seseorang pelajar mempunyai perangai yang buruk, mungkin berkeupayaan untuk memperoleh ilmu, tetapi ia tidak berfaedah baginya. Oleh yang demikian, amalan-amalan yang berlandaskan kepada ajaran Islam hendaklah dijadikan amalan yang berterusan dan bukan hanya apabila hampir dengan sesuatu peperiksaan semata-mata.

Insentif iman merupakan faktor utama dalam diri seseorang pelajar dan guru-guru iaitu dengan mengamalkan cara hidup Islam dalam proses pembelajaran dan pekerjaan. Menurut Sayyid Sabiq (t.t), iman ertinya membenarkan, mempercayai dan meyakini sesuatu perkara tanpa syak dan ragu-ragu. Mbenar dan merasa yakin tanpa sebarang keraguan ditumpukan kepada enam perkara iaitu kepada Allah, para malaikat, nabi dan rasul, kitab-kitab Allah, hari akhirat serta takdir Allah sama ada baik atau buruk. Dengan kepercayaan yang teguh terhadap enam perkara utama ini, maka seseorang itu akan menunaikan amanah mereka dengan yang terbaik kerana mereka sentiasa sedar dan yakin bahawa kehidupan di dunia adalah sementara dan sekiranya mereka tidak menunaikan amanah tersebut mereka akan menerima balasan di akhirat nanti. Kesannya kepada pelajar ialah mereka menjadi pelajar yang sentiasa bersemangat dan bermotivasi untuk menuntut ilmu. Kesannya kepada guru-guru sebagai murabbi pula ialah mereka akan sentiasa bersungguh-sungguh dalam pekerjaan mereka. Keadaan ini akan menjadikan suasana pembelajaran akan sentiasa bermotivasi.

Selain itu, menurut Ahmad Zabidi (2006) rasa aman dan tenteram di dalam hati juga dikaitkan dengan perkataan iman. Di mana punca keamanan tersebut adalah jauh dari kegelisahan dan keresahan hati. Guru-guru dapat menyelesaikan segala cabaran hidup dengan lebih lancar sekiranya mereka memiliki jiwa yang sentiasa tenang. Selain itu juga, para pelajar dapat menjadikan suasana pembelajaran tidak diganggu oleh faktor-faktor

luaran yang tidak sepatutnya berlaku. Suasana pembelajaran yang sentiasa bermotivasi dan bersemangat dapat diwujudkan oleh keadaan tersebut.

Menurut Ahmad Zabidi (2006) lagi dalam kajiannya menyatakan sifat muraqabah membawa maksud wujudnya satu perasaan di dalam jiwa setiap warga sekolah bahawa Allah sentiasa memerhatikan setiap apa yang mereka lakukan. Ini selari dengan maksud tauhid iaitu mempercayai tentang wujudnya Allah sebagai pencipta. Sekiranya pengetua, guru dan kakitangan sokongan mengamalkan sikap ini, sudah tentu mereka akan melaksanakan setiap amanah yang diberikan dengan sebaik mungkin walaupun tidak diperhatikan oleh orang lain. Ini kerana mereka sedar bahawa setiap apa yang dilakukan tersebut sentiasa mendapat pengawasan daripada Allah dan akan mendapat balasan pada setiap perbuatan yang mereka lakukan.

Dengan pengamalan sifat muraqabah, ianya dapat membantu mengurangkan masalah guru yang terlalu banyak membuang masa berbual kosong, membaca bahan picisan dan tidak masuk kelas. Guru sekolah sedar bahawa masa tujuh hingga lapan jam di sekolah adalah waktu bekerja (kecuali waktu rehat) dan mereka beramanah untuk melakukan kerja yang terbaik dalam tempoh tersebut kerana perlakuan mereka diperhatikan Allah. Sementara itu, pengamalan sifat ini di kalangan pelajar akan menjadikan mereka sentiasa terdorong untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan melaksanakan akhlak mulia ke tahap yang tertinggi. Ini kerana mereka sedar bahawa mereka beramanah dengan ibu bapa mereka dan Allah yang sentiasa memerhatikan sama ada mereka melaksanakan amanah tersebut atau tidak (Ahmad Zabidi, 2006).

Dalam mewujudkan Kepimpinan Murabbi, seorang guru itu haruslah mempunyai perasaan syukur dan sabar. Perasaan syukur dan sabar ini merupakan senjata utama di

dalam melawan musuh tang ada dalam diri iaitu nafsu (Al Ghazali t.th). ini selari seperti sabda Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud;

“Alangkah kagumnya dengan golongan mukmin. Semua urusannya berjalan lancar. Golongan mukmin itu apabila dikurniakan kesenangan, mereka bersyukur kerana itulah yang terbaik buat mereka, dan apabila ditimbal dengan musibah, mereka bersabar kerana itulah yang terbaik buat mereka.”

Sahih Muslim: Hadis No.7692

Hadis ini menyokong firman Allah S.W.T dalam surah Al Anfal ayat 65 yang bermaksud;

“Wahai Nabi, perangsangan lah orang-orang yang beriman itu untuk berperang. Jika ada di antara kamu dua puluh yang bersabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (dari pihak musuh yang kafir itu). Dan jika ada di antara kamu sertus orang, nescaya mereka dapat menewaskan seribu orang dari golongan kafir, disebabkan mereka (yang kafir itu) orang-orang yang tidak mengerti.

Al Anfal; 8:65

Dan firman Allah S.W.T lagi yang bermaksud;


“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur, ingkar sesungguhnya azab Ku amatlah keras”

Al Ibrahim; 14:7

Setiap manusia itu mempunyai kekuatan untuk menghadapi segala permasalahan dan cabaran dengan mempunyai sabar. Selain itu juga, seorang muslim haruslah mempunyai perasaan bersyukur kerana ia merupakan kunci kepada keberkatan dalam kehidupan.


2.8 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan tinjauan literatur yang dikemukakan, maka pengkaji berpendapat untuk menggunakan atribut 4 dimensi Kepimpinan Murabbi dan pengaruhnya terhadap ciri-ciri Kepimpinan Murabbi di dalam membentuk Model Kepimpinan Murabbi. Di samping dimensi Kepimpinan Murabbi dan ciri-cirinya, variabel bebas yang lain yang dikaji adalah faktor demografi guru yang berfokus hanya kepada jantina, lokasi tempat mengajar, kelayakan akademik, tempoh pengalaman mengajar dan pengalaman mendapat latihan. Kajian bagi variable ini bagi melihat latar belakang peserta kajian yang terlibat secara langsung dalam kajian yang dijalankan. Kerangka konseptual kajian Pembinaan Model Kepimpinan Murabbi dalam konteks pendidikan di Malaysia seperti dalam rajah 2.1.



Rajah 2.1: Kerangka Awal konseptual kajian Pembinaan Model Kepimpinan Murabbi

Sorotan Model Asal Guru Murabbi



Rajah 2.2: Model Asal Guru Sebagai Murabbi oleh Imam Al Ghazali t.th

Rajah 2.1 menunjukkan kerangka awal konseptual kajian yang di ubahsuai berdasarkan Imam Al Ghazali (t.th) pada rajah 2.2 bagi pembinaan Model Kepimpinan Murabbi dan juga model asal guru sebagai murabbi yang dibentuk oleh Imam Al Ghazali (t.th).

Bentuk kerangka dibina berdasarkan kajian ilmiah yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dan pengubah suaian dilakukan bagi menyesuaikannya dengan keadaan pendidikan masa kini.

Model asal guru sebagai Murabbi mempunyai lapan ciri utama yang merangkumi niat, belas kasihan, memberi nasihat, menjaga maruah murid, hormat ilmu lain, ketahui perbezaan murid, mengajar dengan mudah dan jelas, dan mengamalkan ilmu. Namun begitu, selepas kajian terperinci dilakukan melalui teknik Delphi tiga fasa, pengkaji telah memasukkan ke lapan-lapan ciri tersebut di dalam 13 ciri yang diperolehi di dalam empat dimensi utama. Ianya terdiri daripada tauhid, ibadah, syariat dan akhlak; sabar, bijaksana, berkasih sayang, mendidik, bersopan, berani berkata benar, adil, tidak sombong, amanah dan, kreatif dan kritis.

Setiap manusia merupakan pemimpin dan setiap pemimpin bertanggung jawab terhadap pimpinannya. Begitu juga pengetua, guru merupakan orang yang bertanggung jawab terhadap pelajar, kakitangan sekolah dan juga persekitaran sekolah (Charil Marzuki 1999). Ianya selaras dengan hadis Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud;

“Setiap daripada kamu ialah pemimpin dan kamu bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin”

Sahih Bukhari dan Muslim; Hadis No. 479

Noornajihan (2014) menyatakan bagi mewujudkan lingkungan yang harmonis dalam kalangan warga sekolah, peranan pengetua adalah sangat penting. Di dalam kepimpinan sekolah, seorang pemimpin perlulah memiliki pemikiran yang terbuka iaitu merangsang pemikiran ahli di bawahnya, menganalisis idea, dasar, masalah, dan penyelesaian; mencipta idea yang boleh diterima secara universal bagi kebaikan bersama; dan prihatin terhadap hak dan warga sekolah Harris et al. (2008).

Bagi memperbaiki suasana sekolah, dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, peranan tersebut harus dilakukan oleh semua warga sekolah yang terdiri daripada pengetua, guru, kakitangan sekolah dan para pelajar. Ini akan melahirkan suasana sekolah yang harmoni dan teratur (Noornajihan, 2014). Suasana sekolah yang harmoni ini boleh diwujudkan dengan adanya satu sistem kepimpinan yang berteraskan kepada kepimpinan Islam iaitu Kepimpinan Murabbi.

Di dalam ciri-ciri Kepimpinan Murabbi, penekanan terhadap tauhid, ibadah, syariat dan akhlak seorang murabbi itu adalah sangat penting. Ke empat-empat dimensi tersebut saling berkaitan antara satu sama lain yang memberi satu impak yang besar di dalam Kepimpinan Murabbi. Fokus terhadap kecemerlangan akhlak adalah sangat penting bagi mencapai matlamat sebagai seorang muslim yang dicintai oleh Rasulullah S.A.W. Rasulullah S.A.W telah bersabda seperti yang diriwayatkan oleh Bukhari dalam *Sahih al-Bukhari*, *kitab fadhillat al-sahabah, bab manaqib Abdullah ibn Masud* yang bermaksud;

“Sesungguhnya orang yang paling aku cintai ialah orang yang paling baik akhlaknya”

Sahih Bukhari: Hadis No. 3476

Dalam pembentukan seorang pendidik yang unggul, Ab. Halim Tamuri (2006) telah memperkenalkan peringkat-peringkat seorang pendidik iaitu konsep 5M. Konsep ini memperkenalkan guru sebagai *mudarris, mu'addib, murshid dan mu'allim*. Ab. Halim Tamuri menjelaskan peranan seorang guru murabbi sebagai;

'peranan guru dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarakan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah pelajar serta membentuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka. Guru berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan pelajar dari aspek JERI agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhhlak mulia menurut kaca mata Islam.'

Namun begitu, Hasni Mohammed (2011) melihat guru secara keseluruhannya adalah murabbi terutamanya guru-guru Pendidikan Islam. Seorang guru itu mempunyai peranan sebagai tenaga pengajar iaitu muallim, sebagai pembimbing iaitu mu'adib, sebagai jurulatih iaitu mudarris, sebagai penasihat iaitu muwajjih, dan sebagai perunding iaitu murshid.

Manakala Sidek Baba (2006), menyatakan seorang murabbi itu dibahagikan kepada tujuh peranan utama iaitu mempersiapkan diri dengan ilmu, ketrampilan dan pengkhususan; menjadi contoh tauladan kepada orang lain, menyampaikan sukanan pelajaran dengan metodologi yang sesuai, menyemaikan nilai-nilai murni kepada pelajar, berfikiran kreatif dan proaktif dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran (P&P), memahami cabaran zaman dan kerentah lingkungan, mewujudkan suasana kondusif ketika proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Apabila guru-guru yang mempunyai kualiti seorang murabbi, maka ia dapat bersaing di era globalisasi bagi menangani permasalahan akhlak pelajar di samping meningkatkan kualiti akademik pelajar. Guru sebagai murabbi juga boleh menggunakan persekitaran akademik sebagai medan dakwah mereka di dalam melahirkan pelajar yang berkualiti (Abd Ghafar Mahmud 2011).

Ciri Kepimpinan Murabbi mengikut perspektif Islam.

Termologi yang dirujuk bagi menjelaskan konsep tauhid dalam Islam ialah iman (al-Ghazali, t.th., Noornajihan Jaafar, 2014). Iman dari segi bahasa bermaksud membenarkan sesuatu, mempercayai dan mengiktiraf (Ruhi, 2004). Dari segi istilah pula, iman yang dimaksudkan oleh al Ghazali (t.th) ialah membenarkan sesuatu dengan hati, mengakuinya dengan lisan atau kata-kata dan mengamalkannya dengan perbuatan. Ia juga dikategorikan di dalam konsep tauhid iaitu meng Esakan Allah. Pengakuan dengan hati, lisan dan mengamalkannya bertitik tolak dari lafaz syahadah seperti yang diriwayatkan dalam *Shahih Muslim kitab al du'a al-zikr wa al-taqarrub ila Allah (no. Hadis 34)* hadis bernombor 34 yang bermaksud:

“..... barang siapa yang mengucapkan tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah, dan mengkufuri sesuatu yang disembah selain Allah, maka telah haram harta dan darahnya, dan pahalanya di sisi Allah. Dan telah diceritakan kepada kami Abu Bakar bin Abu Syaibah telah menceritakan kepada kami Abu Khalid al-Ahmar. (dalam riwayat lain disebutkan) Dan telah mengabarkan kepadaku tentangnya Zuhair bin Harb telah menceritakan kepada kami Yazid bin Harun keduanya dari Abu Malik

dari bapaknya bahawasanya dia mendengar Nabi s.a.w bersabda: Barang siapa yang mentauhidkan Allah, kemudian menyebutkan semisalnya ”

Shahih Muslim:34

Seseorang itu tidak akan melakukan amal soleh sekiranya tidak beriman kepada Allah. Tidak sempurna keimanan seseorang mukmin itu sekiranya ia tidak melakukan amalan yang dituntut dan meninggalkan perkara yang dilarang oleh syara'. Sesuatu tindakan atau amalan yang dilakukan oleh seseorang individu, sebenarnya bertunjangkan kepada kepercayaan individu tersebut terhadap keupayaan dirinya untuk melakukannya. Kepercayaan yang berteraskan kepada mentauhidkan Allah di dalam kehidupan merupakan faktor utama kejayaan seseorang mukmin (Ibrahim Nor, 2005). Ini selaras dengan ciri Kepimpinan Murabbi yang meletakkan tauhid sebagai satu dimensi utama.

Kepercayaan terhadap balasan yang setimpal terhadap perkara yang diusahakan oleh individu akan mengukuhkan lagi keyakinan individu terhadap Allah. Seperti firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah yang bermaksud:

“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya”

Al- Baqarah, 2:286

Ayat di atas menunjukkan Allah tidak membebani hambanya dengan sesuatu yang tidak mampu ditanggung. Allah juga memberikan janji Nya balasan pahala bagi kebaikan yang diusahakan dan balasan dosa bagi kejahatan yang dikerjakan. Ini menunjukkan

kepercayaan individu mukmin yang tinggi terhadap balasan Allah di dalam amalan kehidupan mampu mengubah persepsi individu terhadap sesuatu perkara (al- Marghi 2001).

Seorang muknин yang beriman terhadap Allah s.w.t dan memberbaiki keIslamannya dari semasa akan mendapat ganjaran yang berlipat kali ganda. Ia merupakan satu motivasi kepada setiap mukmin bagi meningkatkan keimanan dan ketakwaan. Di mana sikap ini perlu ada pada diri seorang murabbi yang mengtauhidkan Allah s.w.t. Ia sejajar dengan hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Shahih Bukhari (no hadis 2229) yang bermaksud:

“Dari Abu Hurairah berkata, Rasulullah s.a.w bersabda: Apabila seorang dari kalian memperbaiki keIslamannya maka dari setiap kebaikan akan ditulis baginya sepuluh (kebaikan) yang serupa hingga tujuh ratus tingkatan, dan setiap satu kejelekan yang dikerjakan akan ditulis satu kejelekan saja yang serupa dengannya.”

Shahih Bukhari:2229

Sebagai murabbi dan juga individu mukmin, perkara yang penting adalah berfikiran positif terhadap sesuatu dan bersangka baik iaitu sifat *husnu al-zan* terhadap ketentuan Allah s.w.t. Ini selari dengan hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh Muslim, *Sahih Muslim, kitab al du a al-zikr wa al-taqarrub ila Allah (19984, m.s 66, no. Hadis 7005)* Allah s.w.t menyatakan bahawa Allah s.w.t. sentiasa bersama dengan prasangka hambanya. Ini dikukuhkan lagi dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.”

Al- Najm, 53:39

Ini menunjukkan apa yang dipercayai dan dipegang oleh individu mukmin merupakan pokok utama di dalam kehidupan dan mendapat balasan yang setimpal dengan apa yang dikerjakan. Keyakinan itu terletaknya pada hati (Danial Zainal Abidin, 2007). Oleh itu, ianya menjadi asas di dalam pembentukan seorang murabbi.

Ini dikukuhkan lagi dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menengakkan Islam), dan janganlah kamu berduka cita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (bersungguh-sungguh) beriman.”

Ali Imran, 3:139

Dalam ayat tersebut memberi penekanan terhadap sikap tidak berputus asa dan merasa lemah dalam menjalankan syiar Islam dan meminta agar individu terbabit tidak merasa berduka cita di atas sesuatu yang menimpa diri. Allah memberi peringatan kepada orang yang berjuang tersebut dalam menyampaikan syiar Islam sebagai orang yang mencapai kemenangan sekiranya mereka beriman (Ibn Asyur, 1984). Ini adalah selari dengan sikap yang harus ada pada seorang murabbi yang mempunyai semangat berjuang bagi mendidik anak bangsa.

Sebagai seorang murabbi, mereka memaikan peranan penting dalam mendidik pelajar. Mereka tidak boleh terburu-buru dalam melakukan sesuatu perkara dan juga tidak boleh berlengah-lengah dalam melakukan sesuatu tugas. Hal yang sama juga perlu dititik beratkan dalam hal-hal ibadah. Individu mukmin akan melakukan ibadah secara istiqamah terutamanya dalam menyampaikan ajaran Islam. Ini jelaskan oleh Allah dalam firmanya yang bermaksud:

“Oleh kerana yang demikian itu, maka serulah (mereka Wahai Muhammad kepada Islam), serta tetap teguhlah Engkau menjalankannya sebagaimana yang diperintahkan kepada Mu, dan janganlah Engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka”

Fussilat, 41:30

Allah meminta agar Rasulullah s.a.w. istiqamah dalam menyampaikan syariat Islam dan tetap teguh dengan perintah Allah s.w.t. dan tidak tunduk pada kehendak manusia. Dalam hal berkaitan dengan ibadah, Rasulullah s.a.w. memberi penekanan terhadap amalan yang disukai oleh Allah iaitu amalan yang berterusan walaupun sedikit. Ini dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Ahmad, *Musnad* (t.th., m/s 333, no. hadis 26307) yang bermaksud:

“Amalan yang disukai oleh Allah s.w.t. ialah amalan yang berterusan walupun sedikit.”

Shahih Ahmad: 26307

Amalan yang berterusan perlulah di praktikkan oleh murabbi dalam mendidik pelajar. Di mana peranan sebagai murabbi yang menjalankan syariat dan perintah Allah s.wt. dan Rasulullah merupakan amanah yang wajib dipikul. Ini seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. yang menyatakan akan ada satu golongan yang senantiasa menegakkan syariat Allah s.w.t, *Sahih Muslim, kitab al du a al-zikr wa al-taqarrub ila Allah (no. Hadis 3548)*

“... Akan senantiasa ada sekelompok dari ummatku yang menegakkan perintah Allah, tidak ada yang membahayakannya orang menghinakan atau menyelisihi mereka sampai datangnya hari Kiamat, dan mereka akan selalu menang atas manusia”.

Shahih Muslim : 3548

Syukur dan sabar merupakan senjata dan perisai utama orang mukmin bagi melawan musuh yang ada dalam diri (nafsu) (al Ghazali, t.th). Syukur dan sabar merupakan ciri yang wajib ada pada diri seorang murabbi. Ini kerana peranan murabbi dalam mendidik pelajar memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Ini selari dengan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Anfal, 8:65 yang bermaksud:

“Wahai Nabi, perangsangan lah orang-orang yang beriman itu untuk berperang. Jika ada di antara kamu dua puluh yang sabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (dari pihak musuh yang kafir itu). Dan jika ada di antara kamu seratus orang, nescaya mereka dapat menewaskan

seribu orang dari golongan yang kafir, disebabkan mereka (yang kafir itu) orang-orang yang tidak mengerti.”

Al-Anfal, 8:65

Firman Allah s.w.t tersebut menunjukkan kekuatan sifat sabar yang ada dalam diri mukmin. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya seperti yang diriwayatkan oleh Muslim dalam *Sahih Muslim, kitab al-zuhud wa al-riqaaq, bab al-mukmin amruhu kulluhu khairun* (1984, m.s. 227, no hadis 7692) yang bermaksud:

“Alangkah kagumnya dengan golongan mukmin. Semua urusannya berjalan lancar. Golongan mukmin itu, apabila dikurniakan kesenangan, mereka bersyukur kerana itulah yang terbaik buat mereka, dan apabila ditimbal dengan musibah, mereka bersabar kerana itulah yang terbaik buat mereka.

Sahih Muslim:7692

Kedua-dua ayat tersebut iaitu firman Allah s.w.t. dan hadis Rasulullah s.a.w. menunjukkan kekuatan (*energy*) individu mukmin yang bersabar dapat mengatasi apa juga bentuk kesusahan dan kesulitan yang dihadapi (Noornajihan Jaafar, 2014). Murabbi yang memiliki tahap kesabaran yang tinggi akan mampu membentuk dan melahirkan pelajar yang cemerlang sama ada akademik mahu pun sahsiah.

Peranan yang dimainkan oleh murabbi dalam mendidik para pelajar merupakan satu tanggungjawab yang besar. Murabbi bukan sahaja mendidik tetapi hendaklah mengamalkan ilmu yang diperolehinya. Ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w dalam sabdanya seperti yang diriwayatkan oleh Shahih Bukhari (no. hadis 2789).

“.... Abdullah bin Mas’ud berkata; Nabi s.a.w bersabda: “Tidak boleh dengki kecuali terdapat dua hal; (terhadap) seorang yang Allah berikan harta lalu dia pergunakan harta tersebut di jalan kebenaran dan seseorang yang Allah berikan hikmah lalu dia mengamalkan dan mengajarkan kepada orang lain”.

Shahih Bukhari :2789

Sebagai seorang murabbi dan juga mukmin khususnya, sifat amanah hendaklah menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Seorang yang amanah itu di jelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya yang diriwayatkan oleh Shahih Bukhari (no. hadis 2151) yang bermaksud.

“Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Al ‘Alaa’ telah menceritakan kepada kami Abu Usamah dari Buraid bin ‘Abdullah dari Abu Burdah dari Abu Musa dari Nabi s.a.w bersabda: “seorang bendahara yang amanah, yang dia melaksanakan tugasnya (dengan baik) ”-... dan adakalanya Rasulullah s.a.w bersabda...: “Iaitu yang dia melaksanakan apa yang diperintahkan kepadanya dengan sempurna dan jujur serta memiliki jiwa lapang dada, yang dia mengeluarkannya (shadaqah) kepada orang yang berhak sebagaimana diperintahkan adalah termasuk salah satu dari Al Mutashaddiqin”

Shahih Bukhari no 2151

Rasulullah s.a.w menjelaskan ciri-ciri seorang yang amanah adalah mereka melaksanakan tugasan yang diberikan dengan sempurna dan jujur. Di mana kejujuran merupakan satu elemen penting dalam sifat amanah, memiliki jiwa dan sifat berlapang dada serta

menyerahkan sesuatu yang hak kepada yang berhak memilikinya. Ini lah sifat yang harus ada pada seorang murabbi dalam menjalankan tugasannya mereka bagi mencapai kesempurnaan dalam tugasannya yang diberikan.

Selain dari sifat amanah, sifat jujur juga harus ada pada seorang murabbi khususnya dan muslim amnya. Sifat jujur dalam menyatakan kebenaran akan memberikan kesan yang baik dalam kehidupan dan diganjari dengan syurga. Ini selari dengan sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Shahih Bukhari (no. hadis 5629) yang bermaksud.

“... Sesungguhnya kejujuran akan membimbing pada kebaikan, dan kebaikan itu akan membimbing ke syurga, sesungguhnya jika seseorang yang senantiasa berlaku jujur hingga ia akan dicatat sebagai orang jujur. Dan sesungguhnya kedustaan itu akan mengantarkan kepada kejahatan, dan sesungguhnya kejahatan itu akan mengiring ke neraka. Dan sesungguhnya jika seseorang yang selalu berdusta sehingga akan dicatat baginya sebagai seorang pendusta.

Shahih Bukhari : 5629

Ganjaran yang hebat telah disediakan oleh Allah s.w.t terhadap orang-orang berlaku adil. Keadilan sama ada dari segi menjatuhkan hukuman, adil dalam keluarga dan juga adil dalam melaksanakan tugasannya yang diberikan kepada mereka. Sifat ini lah yang harus ditanamkan dalam diri seorang murabbi semasa menjalankan tugas mereka. Rasulullah s.a.w telah bersabda dan diriwayatkan oleh *Sahih Muslim, kitab al-zuhud wa al-riqaaq, (no. hadis 3406)* yang bermaksud.

“... Zuhair berkata, Rasulullah s.a.w bersabda: “Orang-orang yang berlaku adil berada di sisi Allah di atas mimbar (pangung) yang terbuat dari cahaya,

di sebelah kanan Ar Rahman ‘azza wajalla- sedangkan kedua tangan Allah adalah kanan semua-, iaitu orang-orang yang berlaku adil dalam hukum, adil dalam keluarga dan adil dalam melaksanakan tugas yang dibebankan kepada mereka.

Shahih Muslim :3406

Menghormati kepakaran kepada guru lain. Setiap guru mempunyai kepakaran bidang masing masing dan perlu setiap guru menghormati antara sama lain (Kamarul Azmi, 2010). Ini merupakan sifat yang harus ada pada seorang murabbi di mana sifat tidak menyombong diri terutamanya dalam menuntut ilmu dan menyampaikan ilmu akan dapat mengembangkan ilmu yang dimiliki oleh seseorang. Ini selaras dengan firman Allah s.w.t dalam surah al-Nahl ayat ke 33 yang menuntut supaya kita menuntut ilmu. Maksud Firman Allah s.w.t. tersebut adalah:


“Bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.

Surah al-Nahl, 16:33

2.9 Model Guru Sebagai Murabbi

Terdapat beberapa model guru sebagai murabbi yang telah dikenal pasti oleh pengkaji. Model-model tersebut berasal dari dalam negara maupun luar negara. Model-model ini menjadi asas kepada pembentukan Model Kepimpinan Murabbi yang dibina oleh pengkaji dengan menggunakan teknik Delphi di dalam kajian.

a. Model Guru Sebagai Murabbi oleh Al Ghazali (t.th)




Al Ghazali dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin* menyatakan lapan perkara yang harus ada pada seorang murabbi. Yang pertama adalah, niat seorang murabbi di dalam menjalankan tugasannya hendaklah berlandaskan niat kerana Allah. Yang ke dua, ialah seorang murabbi hendaklah mempunyai sifat belas kasihan. Sifat belas kasihan terhadap pelajar dan juga makhluk di sekelilingnya. Sifat yang ketiga ialah murabbi perlu mempunyai sifat memberi nasihat. Sifat memberi nasihat kepada pelajar tentang cara-cara belajar dan juga peningkatan akhlak serta akidah. Sifat yang ke empat ialah menjaga maruah pelajar.

Sebagai seorang murabbi, guru hendaklah menjaga maruah pelajar dengan tidak mengherdik, menyindir dan tidak menjatuhkan maruah pelajar walaupun pelajar tersebut mempunyai pelbagai kelemahan pelajaran. Yang ke lima, sifat hormat ilmu lain. Seorang murabbi hendaklah menghormati bidang ilmu orang lain dan menganggap ilmu lain adalah pelengkap kepada ilmu yang sedia ada. Sifat yang ke enam ialah ketahui perbezaan

pelajar. Sebagai seorang murabbi, guru hendaklah mengetahui kelebihan dan kekurangan setiap pelajar. Ini kerana, setiap pelajar mempunyai tahap pencapaian yang berbeza. Sifat yang ke tujuh ialah mengajar dengan mudah dan jelas. Guru hendaklah menggunakan kaedah pengajaran yang paling mudah difahami oleh para pelajar. Ini kerana, pelajar mempunyai tahap pemahaman yang berbeza antara satu sama lain. Sifat yang terakhir yang harus ada pada seorang guru ialah amalkan ilmu. Seorang murabbi mestilah mengamalkan ilmu yang dimilikinya dan menjadi contoh tauladan kepada para pelajar dan orang sekelilingnya. Kesemua ciri ini diguna pakai di dalam Model Kepimpinan Murabbi di mana ianya diserapkan mengikut dimensi yang telah dipersetujui oleh pakar pada fasa rekabentuk teknik Delphi.


b. Model Kualiti Guru Sebagai Murabbi oleh Abdullah Nasih Alwan (1968)



Rajah 2.4 di atas menunjukkan model kualiti guru sebagai murabbi yang dibentuk oleh Abdullah Nasih Alwan (1968) dalam buku beliau yang bertajuk *Tarbiyah al-Awlad fi al Islam*. Beliau telah mengemukakan sembilan kualiti yang harus ada pada seorang guru di dalam proses menjadi murabbi. Kualiti pertama ialah memiliki keperibadian yang terpuji seperti ikhlas, sabar, tawadhus dan sebagainya. Yang kedua ialah menjadi contoh kepada pelajarnya iaitu seorang guru hendaklah menjadi model dalam kehidupan para pelajarnya. Kualiti yang ke tiga ialah membentuk persekitaran Islamik agar ia dapat menarik pelajar ke arah pengamalan Islam. Kualiti yang ke empat ialah melazimi kata-kata sopan. Di mana seorang murabbi tersebut hendaklah elok tutur katanya, mengelakkan diri dari mengeluarkan kata-kata kesan dan kotor.

Kualiti yang ke lima ialah mahir menyampaikan cerita. Ia merupakan salah satu teknik pengajaran yang dapat menarik pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran. Kualiti yang ke enam ialah memantau pelajar dari semua sudut termasuklah, jasmani, rohani, emosi, intelek, sahsiah dan juga akal. Pemantauan ini dilakukan bagi melahirkan pelajar yang seimbang dari segi akademik dan juga agama. Kualiti yang ke tujuh ialah berkemahiran dalam menyampaikan pengajaran berlandaskan kaedah yang bersesuaian dengan isi kandungan pengajaran dan kemampuan pelajar. Kualiti yang ke lapan ialah bijaksana dalam mengenakan hikuman kepada pelajar dan yang terakhir ialah menguasi ilmu agama dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

c. Model Kualiti Guru Sebagai Murabbi al-Nahlawi.




Rajah 2.5: Model Kualiti Guru sebagai Murabbi oleh al-Nahlawi (1979)

Rajah 2.5 menunjukkan model kualiti guru sebagai murabbi oleh al-Nahlawi (1979) yang dibincangkan oleh beliau dalam bukunya yang bertajuk *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Terdapat sebelas kualiti utama yang perlu ada pada seorang murabbi. Yang pertama ialah perlu memiliki matlamat rabbani iaitu pemikiran, sikap dan tindakan yang berteraskan kepada Allah S.W.T. Ini dibahaskan oleh beiau sebagai tauhid. Kualiti yang kedua adalah ikhlas di dalam mendidik pelajar supaya pelajar mencapai kejayaan di dunia dan juga akhirat. Ikhlas yang dimaksudkan juga ialah seorang murabbi itu mesti ikhlas dalam segala tindakannya. Kualiti yang ke tiga ialah bersabar di dalam menjalankan tugas menyebarkan ilmu pengetahuan dan melayan keranah pelajar. Kualiti ke empat ialah jujur dengan ilmu yang disampaikan kepada pelajar. Kualiti yang ke lima ialah menguasai ilmu dan berusaha menambahkan ilmunya. Ini tidak hanya terhad kepada ilmu kepakarannya semata-mata. Kualiti yang ke enam ialah mahir memilih kaedah pengajaran yang sesuai

dengan kemampuan pelajar. Ini kerana setiap pelajar mempunyai kemampuan menimba ilmu yang berbeza-beza antara satu sama lain.


Kualiti yang ketujuh berupaya membimbing murid agar menjadi insan yang sempurna dari semua aspek. Kualiti yang ke lapan ialah menyebatikan diri dengan sifat belas ehsan yang tidak melampau dan kasih sayang dengan pelajar dan orang di sekelilingnya. Kualiti yang ke sembilan ialah mengutamakan kemaslahatan pelajar dari yang lain kerana kemaslahatan pelajar merupakan aspek utama yang harus diberi perhatian oleh murabbi. Kualiti yang ke sepuluh ialah berupaya membina daya ketahanan diri pelajar dari melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan hati, pemikiran dan tingkahlaku. Kualiti yang terakhir ialah berlaku adil dengan pelajar dan tidak memilih kasih.

d. Model Kualiti Guru Sebagai Murabbi oleh Al-Hammadi (1987)



Rajah 2.6 menunjukkan model kualiti guru sebagai murabbi yang dibincangkan oleh Al-Hammadi (1987) dalam bukunya yang bertajuk *al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Terdapat lapan kualiti guru sebagai murabbi yang telah dibincangkan. Yang pertama ialah membetulkan niat pelajar di dalam menuntut ilmu. Yang ke dua ialah guru hendaklah memastikan kesediaan pelajar untuk menuntut ilmu. Kualiti yang ke tiga ialah memastikan latar belakang pelajar agar memudahkan guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Kualiti ke empat pula ialah guru-guru perlu melakukan pengulangan dalam pengajaran dan dalam memberi nasihat kepada pelajar. Yang ke lima ialah memberi penghargaan dan pujian kepada pelajar tanpa pilih kasih. Kualiti yang ke enam ialah memberi peluang kepada pelajar untuk berehat. Ini kerana rehat merupakan hak bagi seorang pelajar. Kualiti yang ke tujuh ialah guru hendaklah berlemah lembut dan belas kasihan yang memadai terhadap pelajar. Kualiti yang terakhir ialah guru hendaklah memastikan aras keupayaan pelajar agar penyampaian pengajaran yang dilakukan oleh guru berjaya mencapai matlamat pengajaran.

e. Model Kualiti Guru sebagai Murabbi oleh al-Hafiz al-Suwaид (1988)



Rajah 2.7 menunjukkan model kualiti guru sebagai murabbi yang dibincangkan oleh sarjana Islam iaitu al-Hafiz Suwaيد (1988). Model ini dibincangkan oleh beliau dalam bukunya yang bertajuk *Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah li-al-Tifl*. Dalam model yang dibincangkan oleh al-Hafiz Suwaيد (1988), beliau telah membahagikan guru sebagai murabbi kepada tiga bahagian utama iaitu perkara yang perlu dilakukan; tujuh perkara yang dibincangkan, perkara yang harus dilakukan dalam pendidikan intelek;

enam perkara yang telah dibincangkan, dan perkara yang harus dilakukan dalam pendidikan emosi; terdapat 12 perkara yang telah dibincangkan.

Kajian Lepas Berkaitan Kualiti Sebagai Murabbi

Terdapat sembilan ciri yang diberikan fokus oleh kajian-kajian terdahulu terhadap kualiti seorang murabbi. Namun begitu, ke semua ciri tersebut telah dimasukkan oleh pengkaji dalam ciri-ciri murabbi. Ciri-ciri tersebut telah disusun atur semula mengikut empat dimensi utama iaitu sama ada ia menjadi ciri utama mahupun ciri di dalam dimensi Model Kepimpinan Murabbi. Sembilan ciri kualiti seorang murabbi tersebut ialah 1) pemikiran rabbani, 2) penguasaan ilmu agama, 3) pengamalan agama, 4) budaya keilmuan, 5) kemahiran pedagogi, 6) kemahiran psikologi, 7) kemahiran komunikasi, 8) sahsiah dan 9) sumbangan kemasyarakatan.

1. Pemikiran Rabbani

Kualiti pemikiran rabbani ini diterapkan oleh pengkaji dalam setiap ciri-ciri Kepimpinan Murabbi. Pemikiran rabbani merupakan terminologi yang dipetik dari Bahasa Arab iaitu *al-tafkiir al-rabbani* (al-Hammadi, 1987). Terdapat juga terminologi lain yang digunakan merujuk kepada perkara yang sama iaitu *al-tafkir al-ukhrawi* (Said Hawa, 1990)

Pemikiran ialah proses menggunakan akal dalam mengenal makna dan sesuatu kefahaman, membuat pelbagai hipotesis dalam menyelesaikan permasalahan dan seterusnya membuat pertimbangan terhadap proses yang telah dilalui (Jamal Badi & Mustafa Tajdin, 2005). Perkataan *rabbani* berasal dari perkataan Arab yang bermaksud mentadbir, menjaga, bertanggungjawab dan berkuasa (Ibnu Manzur, 1999; Ruhi 2004).

Dalam surah al-Fatiyah ayat 2, Allah berfirman yang bermaksud:

“Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan (Allah s.w.t) yang memelihara dan mentadbir sekian alam”

Al-Fatihah, 1:2

Ini menunjukkan perkataan *rabbani* merujuk kepada sifat ketuhanan. Manakala proses menggunakan akal dalam mengenal makna dan sesuatu kefahaman, membuat pelbagai hipotesis dalam menyelesaikan permasalahan dan seterusnya membuat pertimbangan terhadap proses yang telah dilalui bersandarkan Allah s.w.t dinamakan pemikiran *rabbani* (Said Hawa, 1990). Seorang murabbi itu harus meletakkan Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w dalam proses mindanya bertindak sebagai alat kawalan pada segala tindakan murabbi di dalam kehidupan seharian mahupun bersama pelajar.

Ini dikukuhkan lagi dengan pendapat Sidek Baba (2011) yang menyatakan pemikiran atau jiwa *rabbani* amat penting kepada seorang pendidik bagi mengukuhkan lagi ilmu yang disampaikan kepada pelajar. Ini mengukuhkan ciri-ciri yang seharusnya ada pada seorang murabbi yang berlandaskan pemikiran *rabbani* bagi mencapai keredhaan Allah s.w.t.

2. Penguasaan Ilmu Agama

Kualiti yang harus ada pada ciri seorang murabbi ialah penguasaan ilmu agama (Islam) dan mengamalkannya dalam kehidupan. Kualiti ini dikemukakan oleh Abdullah Nasih ‘Alwan (1968), Al-Nahlawi (1979) dan beberapa pengkaji lain. Penguasaan ilmu agama ini adalah sesuatu yang perlu ada pada seorang mukmin dan murabbi. Ibnu Khaldun (1993) dan Al Ghazali (t.th) menyatakan ilmu ibarat penyuluhan dalam kehidupan ini.

Penguasaan dan pengamalan ilmu ini perlu ada dalam diri seorang murabbi dan menyampaikannya kepada pelajar (Sidek Baba, 2006). Ini selari dengan ciri-ciri seorang murabbi sama ada dalam tauhid, ibadah, syariat dan akhlak. Ini dikukuhkan lagi dengan peringatan Allah s.w.t terhadap mereka yang memiliki ilmu tetapi tidak diamalkannya dalam surah al-Saf, 61:2-3 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, kenapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu kerjakan? Amat besar kebencian di sisi Allah s.w.t. bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan”.

Al-Saf 61:2-3

Tiga dimensi asas ilmu agama iaitu akidah (tauhid), ibadah dan akhlak seperti yang dibahaskan oleh al Ghazali (t.th) didasari oleh hadis yang diriwayatkan oleh al- Bukhari (1987, no hadis 4496) yang dikenali sebagai hadis *Jibrail*. Hadis tersebut menceritakan tentang seorang lelaki yang telah berjumpa dengan Rasullah s.a.w dan bertanyakan tentang maksud iman, Islam dan ihsan. Hadis tersebut memberikan kesimpulan tentang agama ilmu mencakupi rukun iman iaitu percaya kepada Allah s.w.t., malaikat, rasul, kitab dan hari pembalasan dan qada' dan qadar, dan rukun Islam seperti dua kalimah syahadah, solat, puasa, zakat dan haji. Manakala ihsan pula ialah menyembah Allah s.w.t seolah-olah Allah s.w.t melihat kita. Hadis ini menyokong ayat al-Quran yang menggesa umat Islam agar menjaga hubungan dengan Allah s.w.t dan sesama manusia seperti pada surah Al-Imran, 3:112 yang bermaksud:

“Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia...”

Al-Imran, 3:112

3. Pengamalan Agama

Pengamalan agama merupakan ibadah yang difokuskan dalam dimensi ibadah. Ibadah dari sudut bahasa Arab bermaksud merendahkan diri, tunduk, patuh, taat, menghinakan diri dan mengperhambakan diri kepada sesuatu. Dari segi syara’, ibadah bermaksud taat, tunduk, patuh dan merendahkan diri kepada Allah s.w.t. Ibadah juga merupakan satu pentuk pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t., mengikut peraturan, melakukan suruhan dan meninggalkan segala larangan Allah s.w.t. sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Ketundukan dan kecintaan kepada Allah s.w.t. merupakan kepatuhan yang perlu dilakukan sepanjang hayat manusia (al-Qardawi et al, 1993).

Dalam dimensi ibadah, ibadah dibahagikan kepada dua iaitu ibadah umum dan ibadah khusus. Ibadah khusus antaranya terdiri dari solat, puasa, zakat, haji (rukun Islam) dan beberapa amalan lain seperti membaca al Quran, zikir dan seumpamanya. Manakala ibadah umum pula merupakan segala amalan dan perkara selain ibadah khusus. Ianya dilakukan dengan niat untuk mencari keredhaan Allah s.w.t. semata-mata. Ini termasuklah segala perbuatan manusia dalam kehidupan sehariannya (al-Qardawi et al., 1993).

Dalam konteks murabbi, menyampaikan ilmu, mendidik pelajar menjadi insan berguna, menjadikan pelajar berjaya sama ada akademik dan juga akhlak. Murabbi mempunyai peranan yang besar dalam memberikan pengajaran yang cemerlang dari aspek pelaksanaan ibadah-ibadah fardu dan juga ibadah-ibadah sunat (Kamarul Azmi, 2010).

4. Budaya Ilmu

Zaini Ujang (2009) menyatakan budaya keilmuan adalah suasana satu organisasi yang mencari ilmu, mengamalkan ilmu dan menyebarkan ilmu. Budaya keilmuan ini bukan hanya dalam organisasi pendidikan semata-mata tetapi ia juga diamalkan dalam organisasi yang maju (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2003).

Sebagai seorang murabbi, mereka harus memainkan peranan dalam budaya keilmuan. Mereka perlu menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran teknologi sejajar dengan perkembangan semasa. Ini disokong oleh Abdul Rahman Abdul Malik Khan (2007) yang menyatakan penguasaan ilmu dan teknologi pengajaran akan memberi kesan terhadap pengajaran yang menarik dan mewujudkan suasana yang harmoni. Ini kerana Sufean Hussin (2004) menyatakan bahawa ilmu dan teknologi yang ada pada hari ini akan terus berkembang tanpa henti dari semasa ke semasa. Oleh itu, seorang murabbi haruslah menguasai ilmu dan teknologi terkini serta mempunyai sifat kreatif dan kritis di dalam menyampaikan ilmu.

5. Kemahiran Pedagogi

Seterusnya, kualiti yang harus ada pada seorang murabbi ialah kemahiran pedagogi. Esah Sulaiman (2004) menjelaskan bahawa asal perkataan pedagogi adalah perkataan Greek iaitu *pedagogue* yang membawa makna guru yang berpotensi dan berupaya mengajar

secara berkesan. Menurut Mak Moon Song (2009) pula, pedagogi merupakan salah satu bidang ilmu pendidikan yang berkait rapat dengan prinsip-prinsip dan kaedah optimum.

Rasulullah s.a.w. merupakan pendidik ungguk yang juga mengimplementasikan kemahiran pedagogi dalam dakwah dan pengajaran Baginda s.a.w kepada para sahabat r.a. Menurut Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri (2012), kemahiran pedagogi Rasulullah s.a.w. inilah yang harus dipraktikkan oleh murabbi. Kemahiran pedagogi yang harus ada pada seorang murabbi ialah kemahiran menyampaikan kuliah, kemahiran bercerita, kemahiran soal jawab dan kemahiran menjalankan aktiviti (Abd al-Fattah Abu Ghuddah, 2011; Abdullah Nasih Alwan, 1968; al- Hammadi, 1987). Kesemua ciri ini diserapkan dan diuji oleh pengkaji dalam kajian ini melalui ciri mendidik. Di mana ianya merupakan satu ciri penting yang harus ada pada seorang murabbi dalam mendidik dan melahirkan generasi yang cemerlang akademik maupun sahsiah.

6. Kemahiran Psikologi

Murabbi harus mempunyai kemahiran psikologi selain daripada kemahiran pedagogi. Ini merupakan elemen kualiti yang harus ada pada seorang murabbi. Ianya sangat berguna di dalam pembelajaran dan pengajaran seorang murabbi. Psikologi berasal dari perkataan Greek iaitu *psyche* dan *logus*. *Psyche* bermaksud sesuatu yang abstrak dalam diri manusia yang berkaitan dengan kejiwaan, rohani dan mental. Manakala *logus* pula bermaksud usaha yang dilakukan untuk memahami sesuatu tingkah laku manusia dan hubungannya dengan keadaan sekeliling. Oleh itu Noornajihan Jaafar & Abd. Halim Tamuri (2012), psikologi bermaksud ilmu yang berkaitan dengan kejiwaan bertujuan memahami tingkah laku manusia dan hubungannya dengan keadaan sekeliling.

Dalam al-Quran, prinsip yang perlu dipegang dalam ilmu psikologi disebutkan dalam surah al-Tin, 95:4 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).”

Al-Tin, 95:4

Oleh itu, sebagai seorang murabbi, ilmu psikologi adalah sangat penting dalam membentuk sahiah dan tingkah laku pelajar. Keadaan yang sama juga telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai pendidik yang unggul dalam mendidik para sahabat r.a. Terdapat beberapa elemen penting yang ada dalam kemahiran psikologi seperti yang dinyatakan oleh Shahabudin Atan Long (1983), Sulaiman Ngah Ghazali (2001), Hashim et al. (2003) dan Esah Sulaiman (2004). Antara elemennya ialah seperti memberi galakan, mengenakan hukuman, mengulang-ulang kandungan pelajaran dan pengajaran secara berperingkat-peringkat. Ini merupakan elemen kualiti yang seharusnya ada pada seorang murabbi.

Al-Hafiz al-Suwaide (1988) telah memberikan sembilan kemahiran psikologi yang harus ada pada seorang murabbi. Kemahiran tersebut ialah menunjukkan tauladan yang baik, mengenalpasti aras pemahaman pelajar, meraikan perbezaan, menngajar secara berperingkat-peringkat, mengulang-ulang kendungan pelajaran, memudahkan pengajaran dan mengelakkan kebosanan, mempamerkan kasih sayang, memberi galakan, dan mengenakan hukuman bersesuaian. Kesemua ciri-ciri ini telah dimasukkan dalam kajian ini terhadap dimensi dan ciri-ciri Kepimpinan Murabbi bagi memastikan satu kualiti murabbi yang jitu dapat diwujudkan.

7. Kemahiran Komunikasi

Kemahiran komunikasi merupakan asas kepada perhubungan antara murabbi dengan pelajar dan rakan-rakan serta orang-orang di sekelilingnya. Menurut Abdullah Hassan & AinonMohd (2006), komunikasi dalam bidang pendidikan merujuk kepada proses guru menyampaikan maksud kandungan pengajaran kepada pelajar dalam dua bentuk iaitu lisan dan bukan lisan. Komunikasi yang berkesan wujud apabila maksud yang ingin disampaikan oleh murabbi diterima dan difahami dengan jelas oleh pelajar.

Rasulullah s.a.w. juga mempraktikkan komunikasi berkesan dalam dakwah dan pengajaran Rasulullah s.a.w. kepada para sahabat r.a. Dalam kajian yang dilakukan oleh Abd al Fattah Abu Ghuddah, 2001; Abdullah Nasih Alwan, 1968; al-Hammadi, 1987, menyatakan terdapat tujuh kemahiran komunikasi berkesan seorang guru iaitu menyebut yang umum kemudian kepada yang khusus, menyampaikan pengajaran dengan jelas, lancar dan padat, menyelitkan kata-kata nasihat dalam pengajaran, membuat perumpamaan dan perbandingan dalam pengajaran, menyelitkan unsur-unsur seloka dalam pengajaran, menggunakan komunikasi bukan lisan, dan memanggil pelajar dengan panggilan yang baik.

Kesemua ciri-ciri tersebut telah dimasukkan oleh pengkaji dalam pembentukan Model Kepimpinan Murabbi bagi mendapatkan dimensi dan ciri-ciri murabbi. Ini jelas dalam pertuturan Rasulullah s.a.w. dan hadis-hadis Baginda s.a.w. yang meminta setiap dari umatnya menjaga pertuturan agar tidak menyinggung perasaan orang di sekelilingnya. Ini ditegaskan oleh firman Allah s.w.t dalam surah al-Isra', 17:53 yang bermaksud:

“Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hamba Ku (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada

orang yang menentang kebenaran), sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); sesungguhnya syaitan adalah musuh yang amat nyata bagi manusia”

Al-Isra' 17:53

Rasulullah s.a.w. apabila memanggil kanak-kanak, Baginda s.a.w. akan memanggil dengan panggilan seperti *ya ghulam, ya akhi, ya ibni* dan lain-lain panggilan mesra. Ini membuktikan, seorang murabbi itu harus mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar sama ada komunikasi lisan mahupun bukan lisan.

8. Kesempurnaan Akhlak.

Kualiti seorang murabbi yang banyak ditekankan dalam kajian Model Kepimpinan Murabbi ini adalah ialah akhlak. Ia merupakan kualiti yang harus ada pada seorang murabbi dalam membentuk sahsiah pelajar dan melahirkan kecemerlangan duia dan akhirat. Kegagalan sesuatu institusi sama ada institusi yang kecil mahupun yang besar adalah berpunca dari kejatuhan akhlak (Noornajihan Jaafar, 2014). Ini dibuktikan oleh Ibnu Khaldun (1993) melalui teori kelahiran dan kejatuhan sesebuah tamadun yang diketengahkan dalam ilmu tamadun berdasarkan penyelidikannya terhadap tamadun-tamadun silam.

Sahsiah atau pun akhlah mengikut takrifan al-Ghazali (t.th) merujuk kepada aspek-aspek yang saling mempengaruhi antara sifat-sifat dalaman dan luaran. Ia merangkumi aspek luaran iaitu tingkah laku dan aspek dalaman iaitu emosi, sikap, motivasi dan sebagainya. Manakala Abdullah Nasih Alwan, 1968; al-Hammadi, 1987; alHafiz Suwaid, 1988, pula

menyatakan sifat yang harus ada pada seorang murabbi ialah ikhlas, taqwa, adil, sabar, amal ma'ruf nahu 'an munkar, cintai Rasulullah s.a.w, doa dan, penampilan. Kesemua ciri-ciri yang dinyatakan oleh pengkaji tersebut telah disusun semula dan diserap masuk ke dalam ciri-ciri Model Kepimpinan Murabbi pengkaji.

Kesemua ciri akhlak dan sahsiah ini merupakan antara akhlak yang dimiliki oleh Rasullah s.a.w dalam mendidik para sahabat r.a. Ini kerana, Rasulullah S.A.W telah bersabda seperti yang diriwayatkan oleh Bukhari dalam *Sahih al Bukhari, kitab fadhill al sahabah, bab manaqib Abdullah ibn Masud* yang bermaksud;

“Sesungguhnya orang yang paling aku cintai ialah orang yang paling baik akhlaknya”

Sahih Bukhari: Hadis No. 3476

Sebagai seorang murabbi hendaklah mempunyai akhlak yang terpuji supaya dapat membimbing, memenangi hati pelajarnya seterusnya mendidik pelajar menjadi insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.

9. Sumbangan Kemasyarakatan

Kualiti seorang murabbi yang terakhir ialah sumbangan kemasyarakatan. Ini kerana, murabbi merupakan agen perubahan yang berperanan menyebarkan ilmu kepada masyarakat, membentuk sahsiah dan juga menjadi *role model* kepada masyarakat. Kualiti ini dimasukkan oleh pengkaji dalam kajian Model Kepimpinan Murabbi bagi mengukuhkan lagi ciri-ciri yang perlu ada pada seorang murabbi.

Zuria Mahmud (2002), dalam kajian beliau menyatakan bahawa murabbi memainkan peranan mereka kepada masyarakat setempat dalam bidang yang dikuasainya. Manakala West-Burnham & O'sullivan (2009) menyatakan sumbangan kemasyarakatan merujuk kepada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan sama ada secara individu maupun dalam kumpulan bagi merealisasikan matlamat yang satu dan disertai dengan semangat untuk menjayakan sesuatu agenda yang telah disepakati.

Sumbangan kemasyarakatan ini penting dalam melakukan aktiviti yang melibatkan pihak sekolah dengan dengan komuniti setempat. Noornajihan Jaafar (2014) dan Abdullah Sani Yahaya (2005) menyatakan, aktiviti yang dirancang hendaklah diuruskan dengan teliti, teratur dengan mengambil kira kos, tempoh masa dan jalinan kerjasama dengan masyarakat luar.

Antara matlamat sumbangan masyarakat dalam kalangan murabbi adalah untuk melahirkan semangat kekitaan dan kebersamaan antara murabbi dengan masyarakat sekeliling. Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2003) menyatakan sumbangan masyarakat ini dapat membentuk murabbi yang mempunyai keperibadian yang tinggi, menanamkan semangat kerjasama, membentuk masyarakat yang prihatin terhadap keperluan warga komuniti, agama dan negara.

Oleh itu, kesembilan kualiti seorang murabbi yang telah dibincangkan tersebut telah di masukkan dan diserap dalam pembentukan Model Kepimpinan Murabbi sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam empat dimensi utama yang merangkumi 13 ciri-ciri murabbi.

2.10 Rumusan

Sorotan kajian literatur yang diuraikan di atas menjelaskan tentang peranan dan amalan guru sebagai murabbi dan apa yang harus ada di dalam membentuk Kepimpinan Murabbi di MRSM dan Sekolah Menengah di Malaysia. Pengkaji juga membincangkan dimensi-dimensi dan ciri-ciri yang harus ada dalam Model Kepimpinan Murabbi. Dimensi yang ada dalam Model Kepimpinan Murabbi ialah Tauhid, Ibadah, Syariat dan juga Akhlak. Selain itu, terdapat 13 ciri-ciri Kepimpinan Murabbi iaitu tauhid, ibadah, syariat, sabar, bijaksana, berkasih sayang, mendidik, bersopan, berani berkata benar, adil, tidak sombong, amanah, dan kreatif dan kritis. Ciri-ciri ini lah yang dikaji dan membentuk Model Kepimpinan Murabbi.

Bab 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, membincangkan kaedah kajian bagi tujuan membina Model Kepimpinan Murabbi di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan Sekolah Menengah di Malaysia. Pembinaan model kepimpinan murabbi ini didapati daripada pandangan dua puluh empat orang pemimpin sekolah. Berdasarkan kesepakatan seramai 15 orang pakar yang telah dipilih di kalangan pakar kepimpinan sekolah, organisasi pembelajaran dan kepimpinan dalam Islam dan bukan Islam. Item soalan selidik telah dibentuk berdasarkan hasil dapatan soal selidik yang menggunakan kaedah Delphi di dalam fasa rekabentuk. Ianya di gunakan bagi kegunaan kajian tinjauan dalam fasa penilaian. Kajian ini telah dijalankan di sebelas buah negeri yang merangkumi MRSM dan Sekolah Menengah Kebangsaan. Ianya melibatkan seramai 570 orang peserta kajian. Model Kepimpinan Murabbi tersebut telah dibina berdasarkan analisis data yang diperolehi daripada hasil dapatan kajian tersebut. Di dalam bab ini membincangkan dan menghuraikan prosedur perlaksanaan kajian yang meliputi reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrument kajian. Prosedur kutipan data dan prosedur analisis data bagi menjawab soalan kajian seperti mana dinyatakan di dalam bab 1.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan bagi menjawab semua persoalan yang dikemukakan di dalam bab 1. Kaedah yang dirancang adalah bagi menjawab persoalan tersebut dan memenuhi keperluan kajian ini. Sekaran (2000) menjelaskan reka bentuk kajian adalah melibatkan proses membuat keputusan dan pilihan yang berpandukan kepada tujuan

kajian, strategi kajian, tempat kajian, jenis kajian, unit analisis, reka bentuk persampelan, kaedah pengumpulan data, pengukuran dan penganalisisan data. Creswell (2008) telah memperincikan lagi reka bentuk kajian yang membawa maksud kepada reka bentuk kajian merupakan satu prosedur khusus yang melibatkan tiga langkah iaitu pengumpulan data, penganalisisan data dan perlaporan data kajian. Oleh itu, reka bentuk merupakan satu kaedah khusus yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian.

Kajian ini menggunakan kedua-dua kaedah iaitu gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif digunakan pada peringkat awal iaitu proses temubual bual di dalam fasa analisis keperluan dan fasa reka bentuk (sesi pusingan pertama Delphi). Manakala kaedah kuantitatif dijalankan dalam fasa reka bentuk (pusingan kedua dan ketiga Delphi) serta fasa penilaian. Gabungan kaedah kajian ini adalah dipersetujui oleh Creswell (2008) dengan tujuannya seperti berikut iaitu:

1. Sekiranya salah satu kaedah tidak dapat menjawab kaedah yang digunakan sebelumnya bagi menjawab soalan-soalan kajian.
2. Data yang di perolehi adalah lebih banyak, terperinci dan khusus sekiranya kedua-dua teknik kajian tersebut digunakan di mana ianya saling melengkapi.
3. Pemahaman yang lebih diperolehi sekiranya kedua-dua kaedah yang saling melengkapi ini digunakan sama ada kaedah kualitatif di ikuti kaedah kuantitatif atau sebaliknya.
4. Kajian di peringkat ijazaah tinggi kurang memberikan perhatian kepada kaedah kualitatif, oleh itu gabungan kedua-dua kaedah ini digunakan.

Dapat disimpulkan di dalam kaedah kajian ini, ianya menggunakan tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan fasa penilaian.

3.3 Pengenalan Fasa Analisis Keperluan

Pada fasa analisis keperluan, ia bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri Kepimpinan Murabbi dan Kepimpinan Instruksional yang di amalkan di sekolah yang berkaitan dengan kepimpinan murabbi yang ingin dikaji dalam kajian ini. Temubual berstruktur di jalankan terhadap dua puluh empat orang pemimpin sekolah bagi mengenalpasti ciri-ciri Kepimpinan Murabbi yang diperlukan. Di dalam teknik Delphi, satu set soalan berstruktur telah dibina bagi instrument temubual yang telah dikukuhkan lagi dengan sorotan kajian yang telah dilakukan.

3.4 Pengenalan Fasa Reka Bentuk

Teknik Delphi telah digunakan dalam kajian ini. Teknik ini digunakan untuk membina item yang akan digunakan hasil daripada kesepakatan pakar yang telah dipilih berdasarkan kepakaran tertentu yang telah dikenal pasti.

3.4.1 Teknik Delphi

Teknik ini digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan keesahan instrumen yang digunakan dan mereka bentuk instrumen (Linstone & Turoff, 2002; Manizade & Mason, 2011; Su-Fen, Chien-Lin, Kuan-Chia & Lee-Hsieh, 2010). Keesahan dan pendapat pakar merupakan pandangan yang boleh dipercayai di dalam menyelesaikan masalah yang kompleks (Landeta & Barrutia, 2011). Terdapat beberapa pusingan dalam teknik Delphi di mana setiap pusingan tersebut adalah sangat penting dan bermakna. Dalam setiap pusingan ini membolehkan setiap pakar dalam teknik Delphi ini menyemak semula dan memberi keesahan serta membuat penilaian terhadap pusingan yang sebelumnya. Teknik

Delphi ini juga digunakan bagi melihat dan mendapatkan seberapa banyak maklumat baru tentang masalah dan fenomena baru (Turoff, 2002; Skulmoski, Hartman & Krahn, 2007). Menerut Grisham (2009) teknik ini juga sesuai digunakan bagi mendapatkan lebih banyak pengetahuan yang tersirat dalam minda dan pandangan pakar apabila kajian menggunakan kaedah kuantitatif tidak dapat mencapai objektif yang di sarankan. Di dalam teknik Delphi ini, terdapat empat pusingan Delphi yang telah dicadangkan seperti yang digunakan oleh Stylianides dan Pashardis (2007). Namun begitu, tiga kali pusingan Delphi telah mencukupi sekiranya telah mencapai kesepakatan di kalangan pakar (Manizade & Mason, 2011; Skulmoski et al, 2007; Wallengren, 2011). Empat pusingan teknik Delphi adalah seperti berikut.

3.4.2 Pusingan Pertama.

Dalam pusingan pertama ini, pengkaji telah menemubual kesemua lima belas pakar yang berkaitan dengan kepimpinan murabbi dan organiasasi pembelajaran. Semua data temubual telah di rekodkan dengan kebenaran panel pakar-pakar bagi memudahkan semakan semula. Ayat-ayat penting dikodkan dan dikelaskan kepada item-item tertentu. Satu senarai ciri-ciri model kepimpinan murabbi diperolehi hasil daripada pusingan pertama teknik Delphi ini.

3.4.3 Pusingan Kedua.

Pada pusingan ini, panel pakar akan menerima senarai item model kepimpinan murabbi yang telah dikemas kini dan dalam pusingan kedua ini, panel pakar ini diminta untuk menyemak semula item yang telah diberikan dan diminta membuat penilaian. Skala Likert lima poin diberikan bagi membolehkan panel pakar berinteraksi di dalam menyemak semula item yang diberikan. Panel pakar juga boleh mengemukakan pendapat

mereka dan rasional pilihan mereka bagi membuang atau menambah item baru dan membuat penambah baikan item sedia ada.

3.4.4 Pusingan Ketiga.

Dalam pungan yang ketiga, panel pakar menerima senarai item yang telah dikemaskini hasil daripada pusingan kedua. Panel pakar di minta untuk membuat penilaian item-item tersebut. Alasan perlu diberikan sekiranya tahap persetujuan mereka menjangkaui skala persetujuan majoriti bagi sesi pusingan pertama. Hanya sedikit sahaja perubahan yang dijangka dalam pusingan ini (Hsu dan Sanford. 2007). Pada pusingan ini, pusingan teknik Delphi boleh di hentikan sekiranya kesepakatan yang tinggi telah dicapai antara panel pakar bagi semua item. Tahap kesepakatan yang tinggi 15 orang panel pakar di ukur melalui nilai ukuran Julat Antara Kuartil (JAK) dengan nilai antara 0.00 hingga 0.50 telah dicapai.

3.4.5 Pusingan Keempat.

Menurut Hsu dan Sanford (2007), pusingan ke empat kadang kala di perlukan sekiranya perlu pemantapan dalam dapatan kajian. Namun begiu, sekiranya kesepakatan antara panel pakar adalah tinggi dalam pusingan ketiga, pusingan keempat adalah tidak perlu. Ini bermakna, teknik Delphi ini boleh ditamatkan dalam pusingan ketiga sekiranya keperluan persoalan kajian telah berjaya mencapai matlamatnya.

3.5 Fasa Penilaian

Kajian tinjauan terlibat dalam fasa penilaian. Bagi pengumpulan data, instrumen soal selidik telah digunakan. Menurut Babbie (2001), Fraenkel & Wallen (2003), Mitchell & Jolley (2004) dan Neumann (2003) dalam kajian mereka menyatakan instrumen kajian di gunakan bagi memperolehi data piawai daripada saiz sampel kajian yang besar dan menyeluruh. Kajian rintis telah dilakukan oleh pengkaji terhadap 127 orang guru di dua buah sekolah di Pahang dan Selangor. Hasil dapatan kajian rintis tersebut membawa kepada analisis data yang menunjukkan model kepimpinan murabbi yang dibina.

Analisis hasil dapatan kajian rintis tersebut dibuat dengan menggunakan analisis deskriptif *cronbach alpha* dan *analisis confirmatory factor* (CFA) bagi menganalisis kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik.

3.6 Populasi Dan Sampel Kajian

Menurut Sugiyono (2008), populasi didefinisikan sebagai wilayah generalisasi yang terdiri daripada objek atau subjek mempunyai kualiti dan ciri-ciri tertentu yang ditetapkan oleh pengkaji untuk dipelajari dan kemudiannya diambil kesimpulan. Beliau juga menyatakan sampel sebagai sebahagian daripada populasi. Manakala menurut Sukardi (2004), sampel adalah sebahagian perseorangan yang diambil untuk mewakili suatu populasi yang diambil datanya untuk menjawab persoalan kajian.

Populasi dalam kajian ini adalah guru-guru di 11 buah negeri dan sekolah-sekolah yang terpilih di Malaysia. Ciri utama pemilihan mereka adalah kesanggupan mereka melibatkan diri dalam kajian ini dengan kerelaan hati. Ini bersesuaian dengan pendapat Patton (2002) yang menyatakan, peserta kajian hendaklah bersetuju secara peribadi dan

berminat untuk turut serta dalam kajian yang dijalankan dan ianya akan memberikan data yang lebih tepat.

3.6.1 Peserta Kajian Fasa Analisis Keperluan

Persempelan bertujuan digunakan bagi memilih seramai dua puluh empat orang pemimpin sekolah dengan tujuan agar mereka dapat memberi maklum balas tentang keperluan kajian. Pemimpin sekolah ini dipilih di kalangan mereka yang berpengalaman dalam kepimpinan sekolah dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun di dalam kepimpinan sekolah. Mereka juga hendaklah bersetuju untuk menjadi peserta kajian dengan rela hati dan sanggup memberi maklum balas dan data yang dikehendaki sejajar dengan keperluan kajian. Pemimpin sekolah ini terdiri daripada Pengetua Jusa C, Pengetua Cemerlang, Timbalan pengetua / GPK, Ketua Jabatan / Ketua Bidang, dan Guru Kanan / Ketua Panitia dan Guru

Saiz sampel di tetapkan berdasarkan kepada saranan pengkaji di dalam bidang analisis dan reka bentuk sistem. Jumlah sampel seramai 24 orang ini adalah memadai dan mencukupi sekiranya sekiranya objektif reka bentuk adalah jelas dan terhad (Jackson & Burd, 2007). Seterusnya pengkaji memilih sampel berdasarkan jawatan seperti Pengetua Jusa C, Pengetua Cemerlang, Timbalan pengetua / GPK, Ketua Jabatan / Ketua Bidang, dan Guru Kanan / Ketua Panitia dan Guru dan pemilihan lokasi sekolah juga dikenal pasti supaya semua keperluan dan kehendak dapat diambil kira. Ini di tunjukkan di dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Pemilihan Sampel Kajian Fasa Aanlisis Keperluan

Jawatan	Negeri	Jumlah
Pengetua JUSA C	Melaka	1
Pengetua DG 52	Pahang	2
Timbalan Pengetua / GPK DG48	Pahang	3
Guru Cemerlang	Pahang	6
Ketua Jabatan / Ketua Bidang	Pahang	4
Guru Kanan / Ketua Panitia	Pahang	4
Guru	Pahang	4
Jumlah		24

3.6.2 Peserta Kajian Fasa Reka Bentuk

Fasa yang paling penting adalah fasa reka bentuk di mana kualiti kajian dipengaruhi oleh pemilihan peserta kajian (Worrell, Di Gangi & Bush 2012). Dalam fasa reka bentuk ini kesepakatan pakar tempatan adalah sangat penting bagi membentuk model kepimpinan murabbi. Panel pakar ini dipilih berdasarkan beberapa kriteria umum iaitu mereka terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang kepimpinan yang hendak dikaji, berkeupayaan dan bersedia untuk melibatkan diri dalam kajian serta mempunyai kemahiran untuk berkomunikasi (Hsu & Sandford. 2007). Berikut merupakan kriteria ahli panel pakar Delphi yang digunakan dalam kajian ini iaitu;

- Memiliki kepakaran dan pengalaman dalam kepimpinan Islamik dan / atau kepimpinan pengajaran
- Memiliki pengetahuan dan kepakaran dalam organisasi pembelajaran
- Mempunyai pengetahuan tentang kepimpinan sekolah dan aktiviti pembelajaran guru
- Mempunyai pengetahuan tentang sistem pembelajaran sekolah

- Mempunyai kesanggupan untuk memberi kerjasama dan menyertai semua sesi pusingan Delphi.

Jadual 3.2: Profil Peserta Kajian Fasa Reka Bentuk

Jawatan	Jumlah
Profesor Universiti	2
Pensyarah Universiti	1
Pengarah IKIM	1
Pengetua Sekolah Antarabangsa	1
Pengetua Cemerlang Jusa C	1
Pengetua DG52	1
Timbalan Pengetua DG 52	1
Timbalan Pengetua DG48	1
Guru Kanan	3
Guru	3
Jumlah	15

Jadual 3.2 di atas menunjukkan jawatan yang di sandang oleh panel pakar yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat dua orang Profesor yang terlibat di dalam kajian ini. Di mana ke dua-dua Profesor ini merupakan pakar dalam Kepimpinan Islamik dan menjadi pakar rujuk sama ada di dalam negara mahu pun di luar negara. Kedua-dua Profesor ini sedang berkhidmat di universiti awam di Malaysia. Seorang pensyarah universiti awam telah bersetuju menjadi panel pakar di dalam kajian ini. Beliau adalah pakar dalam Kepimpinan Islamik dan beliau telah membuat kajian phd beliau dalam kualiti guru pendidikan Islam di Sekolah Menengah kebangsaan. Seorang lagi panel pakar yang terlibat ialah Pengarah di Institut Kefahaman Islam Malaysia dan merupakan penyelidik yang sangat aktif terutamanya yang melibatkan hal-hal yang berkaitan guru dan pendidik.

Seorang Pengetua Cemerlang Jusa C (Jawatan Utama Sektor Awam) telah di pilih. Beliau merupakan seorang pengetua cemerlang dan telah membuka tiga buah Maktab Rendah Sains Mara dan seorang yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pendidikan. Seorang pengetua, Timbalan Pengetua DG52 dan Timbalan Pengetua DG48 telah bersetuju menjadi panel pakar. Beliau merupakan pemimpin pendidikan di sekolah yang mempunyai pengalaman yang luas dalam kepimpinan. Ketiga-tiga orang pakar ini pernah menyandang jawatan guru kanan, guru cemerlang dan sebagai Timbalan Pengetua. Mereka pernah beberapa kali menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sepanjang perkhidmatan mereka. Tiga orang guru kanan telah di pilih sebagai panel pakar. Dua orang guru kanan tersebut merupakan Guru Kanan Pendidikan Islam dan seorang Guru Kanan Sejarah. Mereka mempunyai pengalaman yang luas sebagai pendidik, berkhidmat sekurang-kurangnya 18 tahun dan pernah menyandang jawatan Ketua Jabatan. Pengkaji juga telah mendapatkan panel pakar di kalangan tiga orang guru. Guru yang terlibat mempunyai latar belakang yang berbeza di mana mereka mengajar subjek Pendidikan Islam, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pemilihan panel pakar ini penting untuk melihat pandangan mereka berkaitan Kepimpinan Murabbi dari perspektif guru. Mereka juga mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya lima tahun dan terlatih. Disamping itu juga, mereka telah mempunyai pendidikan di peringkat Sarjana dan sekurang-kurangnya peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Saiz sampel yang di pilih adalah berdasarkan kepada kajian terdahulu yang menggunakan teknik Delphi. Dalam kajian Muhammad Faizal A. Ghani (2008), beliau menggunakan seramai lima belas orang pakar dan empat pusingan teknik Delphi. Manakala Rosnah Ishak (2013) juga menggunakan seramai 15 orang pakar dan tiga pusingan teknik Delphi di dalam kajian beliau. Rusilawati Othman (2007) dalam kajian beliau menggunakan Delphi tiga pusingan dan melibatkan seramai empat belas orang pakar. Manakala Zaharah

Hussin (2008) pula menggunakan teknik Delphi dua pusingan dengan penyertaan lapan orang pakar. Seramai sepuluh orang pakar Bahasa Melayu telah digunakan dan teknik Delphi dua pusingan telah digunakan oleh Chin (2009) di dalam kajian beliau. Seramai dua puluh satu orang pakar telah digunakan dan teknik Delphi Ubah Suaian dua pusingan telah dijalankan oleh Norlidah Alias (2010) dalam kajian beliau.

Sejumlah lapan hingga dua puluh satu orang pakar boleh digunakan di dalam teknik Delphi ini. Ini di sokong oleh pendapat Smulkoski et al. (2007) yang menyatakan jumlah pakar yang memadai digunakan di dalam teknik Delphi ini adalah seramai sepuluh hingga lima belas orang. Sejumlah sepuluh hingga tiga puluh orang pakar di cadangkan oleh Daniel dan White (2005) bagi menjalankan kajian dengan menggunakan teknik Delphi. Berikut adalah jadual panel pakar yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian yang telah dikenal pasti kepakaran mereka mengikut bidang dan persoalan kajian.

3.6.3 Peserta Kajian Fasa Penilaian

Pada fasa ini, model murabbi dinilai semula berdasarkan kepada fasa terdahulu. Sampel yang besar digunakan dalam fasa ini bagi menguji dan menilai model murabbi yang dibentuk. Kaedah yang digunakan bagi menilai model murabbi ini terhadap sampel kajian adalah dengan menggunakan kaedah kuantitatif.

3.7 Kriteria Pemilihan Sampel

Bagi menentukan kaedah pemilihan sampel, pendapat Krejcie dan Morgan (1970), dan pendapat Sekaran (2003) telah diguna pakai sebagai panduan. Berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel (Chua Yan Piaw, 2006) yang mengambil penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) sekiranya jumlah populasi mencecah angka 3,500 orang,

sampel kajian hendaklah tidak kurang dari 346 orang. Jika populasi adalah sebanyak 60 orang, sampel kajian adalah sebanyak 52 orang. Manakala jika populasi sebanyak 55 orang, sampel kajian hendaklah sekurang-kurangnya 48 orang. Jika diambil kira responden simpanan bagi mengelakkan kes-kes di mana responden dalam sampel hilang (tidak memberikan kerjasama atau sudah pindah). Menurut Chua Yan Piaw (2006), responden-responden simpanan akan menggantikan responden yang hilang. Beliau juga turut menyatakan satu sampel yang baik hendaklah yang paling hampir mewakili keseluruhan populasi berkenaan. Ini turut dinyatakan oleh Van Dalen (1993) iaitu prosedur yang selamat bagi mendapatkan sampel yang mencukupi ialah dengan menggunakan sampel yang sebesar mungkin.

Pemilihan sampel kajian tinjauan (sampel guru) yang berbentuk persampelan bertujuan adalah untuk memastikan maklumat yang diperolehi akan menjawab soalan kajian. Peserta kajian hendaklah mempunyai kriteria yang ditetapkan supaya mereka dapat memberikan maklumat yang diperlukan dengan seberapa baik (Mason. 2002, Ritchie & Lewis. 2003). Menurut Chua (2006), pemilihan saiz sampel melibatkan pertimbangan antara ketepatan, kos, ujian statistik, ciri-ciri variabel dan saiz populasi. Pemilihan juga mengambil kira pengalaman mengajar di sekolah tersebut di bawah pimpinan pengetua sedia ada. Pemilihan sampel kajian juga dibuat berdasarkan jarak lokasi kajian yang tidak menyukarkan ketersampaian pengkaji bagi memudahkan kajian dilaksanakan. Semua sampel kajian adalah bertaraf tetap dan memiliki sekurang-kurangnya Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan setaraf dengannya, dan telah disahkan dalam jawatan. Manakala faktor yang terpenting ialah sampel kajian bersedia melibatkan diri dalam kajian ini secara sukarela. Sampel kajian mestilah beragama Islam dan pernah mendapat pendidikan Islam secara formal. Sampel kajian ini telah diberikan taklimat terlebih dahulu berkaitan maksud istilah Murabbi dan juga matlamat kajian dijalankan.

Penetapan sampel kajian ini dibuat adalah dengan anggapan guru-guru yang telah disahkan dalam jawatan mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya setahun dan telah benar-benar terlatih. Sampel kajian juga hendaklah dengan sukarela melibatkan diri dalam kajian ini bagi memperolehi maklumat yang bersesuaian dan bertepatan dengan keadaan sebenar bagi menjawab persoalan kajian.

3.8 Kriteria Pemilihan Lokasi

Kriteria pemilihan lokasi di buat berdasarkan kepada sebelas buah negeri yang terlibat. Di mana soalan kaji selidik dihantar secara kepada sekolah-sekolah yang terlibat iaitu Maktab Rendah Sains Mara dan sekolah menengah kebangsaan yang terpilih. Ini ditunjukkan dalam jadual 3.3 di bawah.

Jadual 3.3: Jadual Pemilihan Lokasi Kajian Dan Pengagihan Soal Selidik

BIL	LOKASI	BIL	BIL Dikembalikan
1	SMK PASIR MAS KELANTAN	50	32
2	SMK JUGRA KLANG	40	Tidak dikembalikan
3	SMK INDERA SHAH BANDAR	40	29
4	SBPI PEKAN	60	25
5	SBPI RAWANG	60	Tidak dikembalikan
6	SMK BANGI	50	Tidak dikembalikan
7	SMK SEGAMAT	50	26
8	SMK LA SALLE, KLANG	30	13
9	SMK ALOR AKAR	60	35
10	SMK TANGKAK JERING PERAK	60	Tidak dikembalikan
11	SMK KUCHING SARAWAK	60	33
12	MAKTAB SABAH	60	10
13	SMK AGAMA TUN AHMAD SHAH, SABAH	30	24
14	SMK IBRAHIM FIKRI, KUALA TERENGGANU	40	20
15	SMK ABDUL RAHMAN TALIB (RINTIS)	80	65 (RINTIS)
15	MRSM TUMPAT	60	Tidak dikembalikan
16	MRSM PARIT	60	Tidak dikembalikan
17	MRSM ALOR GAJAH	60	42
18	MRSM MUKAH	60	Tidak dikembalikan
19	MRSM KEPALA BATAS	60	19

20	MRSM JOHOR BAHRU	60	Tidak dikembalikan
21	MRSM MUADZAM SHAH	60	Tidak dikembalikan
22	MRSM BATU PAHAT	60	17
23	MRSM KKB (<i>RINTIS</i>)	90	65 (<i>RINTIS</i>)
24	MRSM GEMENCHEH	60	30
25	MRSM KOTA PUTRA	60	34
26	MRSM LIPIS	60	37
27	MRSM KOTA KINABALU	60	12
28	MRSM TAIPING	60	29
29	MRSM SERTING	60	Tidak dikembalikan
30	MRSM KUCHING	60	35
31	MRSM KUALA BERANG	60	Tidak dikembalikan
32	MRSM BALIK PULAU	60	36
JUMLAH KAJIAN SEBENAR		570	
JUMLAH KAJIAN RINTIS		127	

3.9 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan komponen yang amat penting dalam merancang kaedah kajian bagi tujuan mengumpulkan data (Cresswell, 2004, 2008). Hailan Salamun (2010) menyatakan instrumen kajian akan dapat membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Soalan temubual berstruktur dan soal selidik merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Bahagian ini menerangkan bagaimana kedua-dua instrumen tersebut di bina dalam teknik Delphi bagi fasa kajian adalah seperti berikut:

3.9.1 Fasa Analisis Keperluan

Di dalam fasa ini, adalah fasa mengenal pasti bentuk keperluan model murabbi di sekolah. Oleh yang demikian, satu protokol temu bual yang ringkas telah dibina yang menggunakan dua jenis respons iaitu respon tertutup dan respons terbuka. Bagi soalan respons tertutup, pengkaji memberikan pilihan jawapan kepada panel pakar untuk memilih. Manakala bagi soalan respons terbuka di berikan bagi membolehkan panel pakar memberikan penjelasan dan pendapat pakar. Oleh yang demikian, tiga belas ciri utama telah dikenal pasti dengan

lima dimensi yang menentukan pembentukan model murabbi. Ianya diikuti dengan sorotan kajian yang lepas yang di sertakan dalam protokol temubual tersebut. Tindakan ini di lakukan bagi mengukuhkan dapatan sorotan kajian yang lepas. Kesimpulan dari hasil dapatan fasa analisis keperluan ini membawa kepada fasa yang berikutnya iaitu fasa reka bentuk.

3.9.2 Fasa Reka Bentuk

Teknik Delphi digunakan sepenuhnya dalam fasa reka bentuk ini. Di mana, dua jenis instrumen digunakan iaitu soalan temubual separa berstruktur untuk pusingan pertama teknik Delphi dan soal selidik untuk pusingan ke dua dan ke tiga dan seterusnya. Ini adalah bagi mendapatkan data yang lebih tetap dan terperinci dari panel pakar teknik Delphi. Ianya dijelaskan seperti berikut.

3.9.3 Pusingan Pertama Teknik Delphi

Dalam pusingan ini, satu protokol temu bual yang dibina berdasarkan hasilan fasa analisis keperluan telah digunakan sebagai instrumen. Format instrumen tersebut telah di ubah suai daripada kajian Muhammad Faizal A. Ghani (2008) dan Rosnah Ishak (2013). Format instrumen adalah seperti berikut:

1. Soalan Pengenalan

Soalan pengenalan adalah berbentuk bertanya khabar tentang latar belakang peserta kajian. Ianya direkodkan secara tidak formal dan ianya hanyalah untuk membina hubungan antara pengkaji dengan peserta kajian.

2. Soalan Pembukaan

Soalan ini adalah penting untuk dikemukakan dengan tujuan memberi penerangan tentang kerahsiaan semua maklumat peserta kajian dan penerangan berkaitan dengan matlamat serta metodologi kajian. Ini akan memberikan keselesaan kepada peserta kajian bahawa mereka selamat di dalam memberikan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji.

3. Soalan Utama

Peserta kajian akan memberikan pendapat mereka tentang model murabbi dan ini merupakan objektif utama di dalam kajian yang di jalankan.

4. Soalan Penutup

Soalan temubual dapat memberikan keyakinan kepada pengkaji bahawa data yang dicari telah berjaya diperolehi. Di akhir sesi temu bual tersebut, pengkaji telah menyatakan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada peserta kajian.

Berikut adalah contoh protokol temubual yang di gunakan di dalam pusingan pertama teknik Delphi ini.

Protokol Temubual (Delphi – Pusingan 1)

Soalan pengenalan

- a) Pengkaji bertanya khabar dan memperkenalkan diri.
- b) Pengkaji memberikan penerangan ringkas tentang objektif dan kaedah kajian.
- c) Pengkaji meminta ahli panel menerangkan serba sedikit tentang diri, jawatan dan pengalaman beliau.

Soalan Pembukaan

- a) Apakah yang tuan / puan / ustaz / ustazah / Dr / Prof / Datuk / Datin tahu tentang konsep Murabbi?
- b) Apakah pandangan tuan / puan / ustaz / ustazah / Dr / Prof / Datuk / Datin tentang konsep ini?

Soalan Utama

Hasil dari sorotan kajian terdahulu, saya telah menemui lapan (8) ciri kepimpinan Murabbi iaitu sabar, berkasih sayang / menjalinkan silaturrahim, bersopan, bijaksana, tidak sompong, mendidik, berani, keadilan, dan mencengah diri dari amalan negatif. Kesemua ciri-ciri ini memberi kesan dan mempengaruhi lima dimensi utama iaitu rohani, intelek, jasmani, sosial dan emosi. Namun begitu, tuan / puan / ustaz / ustazah / Dr / Prof / Datuk / Datin boleh memberikan cadangan ciri-ciri dan elemen tambahan jika ada.

- a) Apakah pandangan tuan / puan / ustaz / ustazah / Dr / Prof / Datuk / Datin tentang ciri-ciri kepimpinan murabbi?
 - Apakah yang perlu dilakukan oleh guru-guru bagi mencapai ciri-ciri kepimpinan murabbi tersebut?
 - Apakah ciri-ciri lain yang dirasakan perlu ada pada seorang murabbi?
- b) Apakah pandangan tuan / puan / ustaz / ustazah / Dr / Prof / Datuk / Datin tentang dimensi kepimpinan murabbi?
 - Bagaimanakah ciri-ciri kepimpinan murabbi ini diserapkan / dilaksanakan di dalam dimensi rohani?
 - Bagaimanakah ciri-ciri kepimpinan murabbi ini diserapkan / dilaksanakan di dalam dimensi jasmani?
 - Bagaimanakah ciri-ciri kepimpinan murabbi ini diserapkan / dilaksanakan di dalam dimensi sosial?
 - Bagaimanakah ciri-ciri kepimpinan murabbi ini diserapkan / dilaksanakan di dalam dimensi emosi?
 - Bagaimanakah ciri-ciri kepimpinan murabbi ini diserapkan / dilaksanakan di dalam dimensi intelek?

- Pandangan tuan / puan / ustaz / ustazah / Dr / Prof / Datuk / Datin adakah terdapat dimensi lain di dalam penerapan ciri-ciri kepimpinan murabbi? (jika ada)
- Bagaimanakah ciri-ciri kepimpinan murabbi ini diserapkan / dilaksanakan di dalam dimensi tersebut? (jika ada)
- Mengapakah dimensi tersebut penting di dalam penerapan ciri-ciri kepimpinan murabbi? (jika ada)

Soalan penutup

- a) Pada pandangan tuan / puan / ustaz / ustazah / Dr / Prof / Datuk / Datin, ciri-ciri dan dimensi lain yang dirasakan perlu ada di dalam pembentukan model kepimpinan murabbi mengikut acuan Malaysia?
- b) Mengapa ianya perlua ada dan penting? (jika ada)
- c) Ada perkara lain yang ingin tuan / puan / ustaz / ustazah / Dr / Prof / Datuk / Datin ingin tambah?

Terima kasih kerana sudi berkongsi pendapat dan pengalaman demi mewujudkan sebuah model murabbi yang berteraskan acuan pendidikan di Malaysia. Semoga ianya memberi manfaat kepada pendidikan negara dan generasi yang akan datang. Jasa tuan / puan / ustaz / ustazah / Dr / Prof / Datuk / Datin amatlah dihargai.

Hasil dapatan temu bual tersebut akan digunakan untuk membina instrumen pada fasa penilaian. Pada pusingan pertama ini, pengkaji akan dapat membuat analisis bagi pembinaan item bagi pembinaan soal selidik dan digunakan dalam pusingan kedua. Pembinaan item tersebut bagi melihat kesepakatan antara panel pakar dalam membina model murabbi yang terbaik. Ini di sokong oleh Babbie (2001) yang menyatakan bagi meningkatkan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, kesepakatan pakar adalah sangat penting. Berikut adalah jadual senarai item hasil daripada pusingan pertama Delphi.

Jadual 3.4: Jadual Senarai Item

Dimensi Kepimpinan Murabbi	Elemen yang Di perolehi	Jumlah Item
Mengesakan Allah (Tauhid)	Menggunakan semua organ jasmani untuk tunduk dan patuh kepada Allah Menguatkan jiwa seperti bersabar Menyucikan jiwa dengan zikir Meningkatkan budaya ilmu Memperkuatkan ikatan kekeluargaan dan taat kepada ibu bapa kerana Allah.	14
Ibadah	Penumpuan terhadap ibadah khusus Pengukuhan jiwa melalui ibadah Amalan di dalam ibadah Penekanan terhadap aspek sosial di dalam ibadah.	9
Syariat	Batasan aurat Kemampuan mengenalpasti kebaikan dan keburukan sesuatu perkara Amalan sunnah Mengetahui tujuan hukum syariat Batas pergaularan dengan penganut lain	14
Akhlak Sabar	Berpuasa untuk mengukuhkan sifat sabar Berfikiran terbuka dan berlapang dada dengan perbezaan agama Mengenal pasti implikasi marah	9
Bijaksana	Berfikir sebelum bertindak Melihat sesuatu perkara dengan pandangan jauh Mendekati orang alim dan bijaksana Berdebat dengan sihat Amalan kerja berpasukan	11
Berkasih sayang	Memperkuatkan sifat rahmah Aktiviti yang berlandaskan sifat kasih sayang Mengukuhkan suasana perpaduan antara agama	14
Mendidik	Menggunakan kemahiran insanniah di dalam mendidik Menggunakan kaedah hikmah di dalam mendidik Memperkuatkan budaya ilmu dengan rakan-rakan	9
Bersopan	Tidak prejudis dan hasad kepada orang lain Menjaga aurat Meraikan perbezaan pandangan dengan cara berhemah	11

Berani Berkata Benar	Tidak malu bercakap benar walaupun pahit	10
Adil	Berani tampil ke hadapan Berani mendalami ilmu yang sukar Tidak menzalimi diri dengan membuat kemungkaran	6
Tidak Sombong	Menjalankan hukuman yang setimpal dan adil Kesamarataan dalam pergaulan Menjauhi sifat mazmumah	11
Amanah	Memperkuuhkan ingatan kepada Allah Mudah menyampaikan ilmu Terbuka kepada teguran Melihat tanggungjawab sebagai amanah dan taklif bukan kemuliaan	9
Kreatif dan Kritis	Menyampaikan ilmu dengan berhati-hati Menjaga pergaulan dalam pergaulan Kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran Perkembangan bakat Penyelesaian masalah	5
Jumlah		132

Jadual 3.4 iaitu Jadual Senarai Item diperolehi daripada dari pusingan pertama teknik Delphi. Data kualitatif hasil temubual terhadap 15 orang panel pakar telah dianalisis dan disenarai pendek serta disusun mengikut dimensi dan ciri-ciri Kepimpinan Murabbi. Dapatan daripada 15 orang panel pakar tersebut dianalisis dan disenaraikan dalam bentuk jadual agar ianya lebih tersusun dan sistematik. Hasil kesepakatan pakar pada pusingan pertama teknik Delphi telah memperolehi empat dimensi dan setiap dimensi tersebut mempunyai elemen tersendiri. Pengukuran dimensi dan elemen tersebut adalah melalui jumlah item yang telah disenaraikan pada peringkat awal.

Sebagai contoh, dimensi meng Esa kan Allah (tauhid) mempunyai lima elemen iaitu 1) menggunakan semua organ jasmani untuk tunduk dan patuh kepada Allah, 2) menguatkan jiwa seperti bersabar, 3) menyucikan jiwa dengan zikir, 4) meningkatkan budaya ilmu, dan 5) memperkuuhkan ikatan kekeluargaan dan taat kepada ibu bapa kerana Allah.

Kesemua elemen yang diperolehi dalam dimensi meng Esa kan Allah (tauhid) mempunyai 14 item sebagai alat pengukuran.

Begitu juga dengan dimensi ibadah dan syariat yang mempunyai elemennya yang tersendiri dan jumlah item yang telah ditentukan oleh panel pakar pada peringkat awal. Namun begitu, dimensi akhlak dipecahkan kepada sepuluh ciri iaitu sabar, bijaksana, berkasih sayang, mendidik, bersopan, berani berkata benar, adil, tidak sompong, amanah dan, kreatif dan kritis. Kesemua ciri tersebut mempunyai elemennya tersendiri dan diukur melalui 94 item yang telah dikenal pasti oleh panel pakar.

Kesemua item telah disenaraikan (seperti Jadual 3.5. Senarai Item / Soal Selidik Kajian) tersebut diserahkan semula kepada panel pakar. Semua panel pakar berpeluang untuk memberi pandangan, penambahan dan penolakkan secara bertulis. Di mana, dalam pusingan kedua ini, pengkaji menggunakan skala likert untuk diberikan kepada panel pakar bagi berinteraksi dengan senarai item yang telah disenarai pendekkan. Tahap persetujuan panel pakar adalah seperti berikut.

- Sangat setuju = 5
- Setuju = 4
- Agak setuju = 3
- Tidak setuju = 2
- Sangat tidak setuju = 1

Panel pakar dibenarkan menambah baik atau mengurangkan item yang sedia ada (Rosnah Ishak, 2013). Ini adalah memberikan ruang dan peluang kepada panel pakar untuk melihat kembali dan membuat penilaian terhadap item tanpa dipengaruhi oleh pengkaji atau keadaan sekeliling. Penambah baikan item ini diambil kira dalam pembinaan item dalam

pusingan ke tiga Delphi. Berikut ditunjukkan senarai item yang telah di tambahbaik oleh pengkaji seperti jadual 3.5 di bawah.

Jadual 3.5: Senarai Item / Soal Selidik Kajian

Bil	Item	SKALA				
		ST S	TS	KP	S	SS
MENG ESA KAN ALLAH (Tauhid)						
1	Kepercayaan kepada Allah atas keimanan saya.	1	2	3	4	5
2	Guru merupakan pewaris para nabi dalam menyebarkan ilmu.	1	2	3	4	5
3	Saya menguatkan jiwa dengan bersabar terhadap sesuatu perkara.	1	2	3	4	5
4	Saya menyucikan jiwa dengan berzikir sebagai amalan harian.	1	2	3	4	5
5	Saya memperkuatkan ikatan kekeluargaan kerana Allah.	1	2	3	4	5
6	Saya taat kepada ibubapa kerana Allah.	1	2	3	4	5
7	Saya menyahkan nilai-nilai mungkar dalam kehidupan.	1	2	3	4	5
8	Saya menerapkan nilai bahawa Allah melihat perbuatan kita setiap masa kepada pelajar.	1	2	3	4	5
9	Saya mengamalkan zikir di dalam amalan sehari-hari saya.	1	2	3	4	5
10	Saya mengingatkan pelajar bahawa, jiwa yang tenang ialah jiwa yang sentiasa ingat kepada Allah.	1	2	3	4	5
11	Saya melahirkan perasaan kagum pelajar terhadap kekuasaan Allah S.W.T dengan bukti yang nyata.	1	2	3	4	5
12	Saya mengaitkan pengajaran dan pembelajaran dengan keagungan ciptaan Allah.	1	2	3	4	5
13	Saya menanamkan niat pelajar belajar kerana Allah.	1	2	3	4	5
14	Saya mengingatkan kepada pelajar bahawa hubungan sesama manusia hendaklah berlandaskan kepada mengagungkan Allah.	1	2	3	4	5
(Ibadah)						
15	Saya berusaha untuk khusyuk dalam solat.	1	2	3	4	5
16	Saya mengamalkan solat berjemaah.	1	2	3	4	5
17	Saya mampu mengajar pelajar cara solat yang betul.	1	2	3	4	5
18	Saya mampu mengajar pelajar cara bacaan di dalam solat yang betul.	1	2	3	4	5
19	Saya mampu membaca al Quran dengan baik.	1	2	3	4	5
20	Saya memaklumkan kepada pelajar bahawa membaca al Quran dapat menajamkan fikiran.	1	2	3	4	5
21	Saya tidak pernah meninggalkan amalan berpuasa di bulan Ramadhan.	1	2	3	4	5

22	Saya sering mengamalkan berpuasa sunat terutamanya “Puasa Enam Syawal”.	1	2	3	4	5
23	Saya sering mengamalkan berpuasa sunat terutamanya puasa Isnin dan Khamis.	1	2	3	4	5

Mencegah diri dari perkara negatif dan amalkan perkara positif (Syariat)

24	Islam menjadi peraturan kehidupan saya.	1	2	3	4	5
25	Saya bersangka baik terhadap orang lain.	1	2	3	4	5
26	Saya bersangka baik terhadap apa jua peristiwa yang terjadi.	1	2	3	4	5
27	Saya berfikiran positif di dalam menghadapi sebarang permasalahan.	1	2	3	4	5
28	Saya membina disiplin kendiri berdasarkan syariat Islam.	1	2	3	4	5
29	Saya merujuk Al Quran dan Hadis untuk menentukan hukum sesuatu perkara.	1	2	3	4	5
30	Saya mengetahui tujuan hukum syariat di jalankan.	1	2	3	4	5
31	Saya tahu batasan pergaulan dengan penganut agama lain.	1	2	3	4	5
32	Saya mengasingkan pelajar lelaki dan perempuan di dalam aktiviti yang melibatkan sentuhan.	1	2	3	4	5
33	Saya mengingatkan pelajar batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan.	1	2	3	4	5
34	Saya mengamalkan batasan aurat di dalam pergaulan antara pelajar.	1	2	3	4	5
35	Saya menerapkan kepada pelajar cara berfikir mengenal pasti sesuatu yang baik dan buruk.	1	2	3	4	5
36	Saya mengetahui bahawa meninggalkan perkara yang dilarang merupakan perkara yang utama.	1	2	3	4	5
37	Saya membimbing pelajar membaca doa sebelum melakukan pengajaran dan pembelajaran.	1	2	3	4	5

Sabar (Akhlak)

38	Saya berpuasa untuk memperkuatkkan sifat sabar.	1	2	3	4	5
39	Saya melayan keranah rakan sejawat dengan tenang.	1	2	3	4	5
40	Saya sering memikirkan implikasi marah.	1	2	3	4	5
41	Saya berlapang dada dengan perbezaan agama dalam masyarakat.	1	2	3	4	5
42	Saya redha dengan ketentuan Allah terhadap sesuatu kejadian.	1	2	3	4	5
43	Saya tidak merugut di dalam menjalankan tugas.	1	2	3	4	5
44	Saya tidak terburu-buru di dalam membuat sebarang tindakan.	1	2	3	4	5
45	Saya dapat mengawal perasaan saya di dalam sebarang situasi senang dan sukar.	1	2	3	4	5
46	Saya sering menerangkan kepada pelajar tentang kelebihan bersabar dalam menghadapi dugaan.	1	2	3	4	5

Bijaksana

47	Saya memilih aktiviti riadah yang sesuai dengan syariat Islam.	1	2	3	4	5
----	--	---	---	---	---	---

48	Saya yakin bahawa emosi yang stabil dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi.	1	2	3	4	5
49	Saya menggunakan ilmu untuk peningkatan akidah dan rohani.	1	2	3	4	5
50	Saya berfikir terlebih dahulu sebelum bertindak.	1	2	3	4	5
51	Saya melihat sesuatu perkara dengan pandangan jauh.	1	2	3	4	5
52	Saya suka mendekati ahli ilmuan.	1	2	3	4	5
53	Saya boleh melakukan pedebatan yang sihat.	1	2	3	4	5
54	Saya mengamalkan sifat musyawarah dalam kehidupan.	1	2	3	4	5
55	Saya berusaha untuk mendalami ilmu agama.	1	2	3	4	5
56	Saya dapat membezakan sesuatu perbuatan itu baik dan buruk.	1	2	3	4	5
57	Saya mengamalkan kerja berpasukan.	1	2	3	5	5

Berkasih Sayang

58	Saya suka membantu masyarakat yang berada dalam kesusahan.	1	2	3	4	5
59	Saya mendoakan kejayaan pelajar.	1	2	3	4	5
60	Saya membantu pembentukan akhlak mulia di kalangan pelajar.	1	2	3	4	5
61	Saya memanfaatkan ilmu untuk diri dan orang lain.	1	2	3	4	5
62	Saya melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dapat mewujudkan perasaan kasih sayang di kalangan pelajar.	1	2	3	4	5
63	Saya mewujudkan suasana perpaduan dan muhibbah antara bangsa dan agama.	1	2	3	4	5
64	Saya bekerjasama dengan rakan sejawat dengan perasaan hormat menghormati.	1	2	3	4	5
65	Saya menggunakan bahasa komunikasi yang sesuai dengan situasi.	1	2	3	4	5
66	Saya mengenali pelajar yang saya ajar.	1	2	3	4	5
67	Saya mendampingi pelajar dengan mesra.	1	2	3	4	5
68	Saya memanggil pelajar dengan nama panggilan yang baik.	1	2	3	4	5
69	Saya menganggap pelajar seperti anak sendiri.	1	2	3	4	5
70	Saya memasak makanan untuk dimakan bersama-sama dengan pelajar.	1	2	3	4	5
71	Saya bertanya khabar pelajar sekiranya mereka sakit.	1	2	3	4	5

Mendidik

72	Saya juga mendidik pelajar bagi mencapai kecemerlangan sahsiah.	1	2	3	4	5
73	Saya sering mengingatkan pelajar tentang kesabaran.	1	2	3	4	5
74	Saya mendidik jiwa dengan zikir dan fikir.	1	2	3	4	5
75	Saya menerapkan sifat bimbingan di dalam pergaulan dengan pelajar.	1	2	3	4	5
76	Saya berkongsi ilmu dengan kawan-kawan.	1	2	3	4	5
77	Saya sering memotivasi pelajar.	1	2	3	4	5
78	Saya sering menegur kesalahan pelajar secara hikmah.	1	2	3	4	5
79	Saya menghukum pelajar adalah untuk mendidik.	1	2	3	4	5

80	Saya mendidik pelajar untuk bertanggungjawab dalam segala hal yang dilakukan.	1	2	3	4	5
----	---	---	---	---	---	---

Bersopan

81	Saya menjadi ‘role model’ kepada pelajar.	1	2	3	4	5
82	Saya tidak hasad kepada orang lain.	1	2	3	4	5
83	Saya sentiasa menutup aurat di khalayak ramai.	1	2	3	4	5
84	Saya berusaha mewujudkan sifat tawadhus di dalam diri saya.	1	2	3	4	5
85	Saya menjaga tatasusila antara agama.	1	2	3	4	5
86	Saya mengutarakan pendapat secara berhemah.	1	2	3	4	5
87	Saya menjaga tingkah laku dengan pelajar.	1	2	3	4	5
88	Saya mempunyai pandangan positif terhadap orang lain.	1	2	3	4	5
89	Saya tidak merasa bangga dengan ilmu dan kelebihan yang saya ada.	1	2	3	4	5
90	Saya menunjukkan tingkahlaku yang sopan dalam bergaul dengan rakan sekerja.	1	2	3	4	5
91	Saya menggunakan bahasa yang sopan apabila bercakap dengan semua orang.	1	2	3	4	5

Berani

92	Saya tidak malu bercakap benar walaupun pahit.	1	2	3	4	5
93	Saya mengamalkan sifat mahmudah (sifat mulia) dalam kehidupan.	1	2	3	4	5
94	Saya mempunyai sifat berani kerana Allah.	1	2	3	4	5
95	Saya berani mendalami ilmu yang sukar untuk kepentingan masyarakat.	1	2	3	4	5
96	Saya mendidik pelajar untuk berani tampil ke hadapan.	1	2	3	4	5
97	Saya tidak menyembunyikan kebenaran dari pihak yang sepatutnya perlu tahu tentang kebenaran.	1	2	3	4	5
98	Saya berani kembali kepada kebenaran.	1	2	3	4	5
99	Saya berani bertemu dengan pihak pengurusan untuk menyatakan kebenaran walaupun tahu akibatnya.	1	2	3	4	5
100	Berani berkata ‘saya tidak tahu’ terhadap perkara yang tidak difahami.	1	2	3	4	5
101	Saya akan mempertahankan kebenaran walaupun dicemuh oleh orang lain.	1	2	3	4	5

Adil

102	Saya tidak menzalimi diri dengan membuat kemungkaran terhadap Allah.	1	2	3	4	5
103	Hukuman yang diberikan kepada sekumpulan pelajar adalah sama tanpa membezakannya.	1	2	3	4	5
104	Saya memberi perhatian sama rata kepada semua pelajar.	1	2	3	4	5
105	Saya mengingatkan pelajar tentang kesan ketidak adilan dalam perbuatan sehari-hari.	1	2	3	4	5
106	Saya melayan pelajar saya secara adil tanpa mengira latar belakang.	1	2	3	4	5

107	Saya membuka peluang kepada setiap pelajar dalam memberi pandangan dan cadangan.	1	2	3	4	5
-----	--	---	---	---	---	---

Tidak Sombong

108	Saya mengamalkan sifat sederhana di dalam kehidupan.	1	2	3	4	5
109	Saya memperkuatkkan ingatan pada Allah untuk membuang sifat sompong.	1	2	3	4	5
110	Saya berkongsi ilmu yang saya ada kepada pelajar.	1	2	3	4	5
111	Saya mempunyai sifat terbuka kepada sebarang teguran.	1	2	3	4	5
112	Saya mengamalkan sifat merendah diri di dalam pergaulan seharihan.	1	2	3	4	5
113	Saya tidak riak semasa di puji atau disanjung.	1	2	3	4	5
114	Saya tidak takbur kecuali terhadap orang zalim dengan tujuan mencegah tindakan orang zalim tersebut.	1	2	3	4	5
115	Saya menjauhi segala sifat mazmumah (buruk) di dalam kehidupan saya.	1	2	3	4	5
116	Saya menerangkan kepada pelajar tentang konsep syukur di dalam kehidupan.	1	2	3	4	5
117	Saya sedia menerima kepelbagaian idea pelajar.	1	2	3	4	5
118	Saya duduk dengan sopan dalam pergaulan seharihan.	1	2	3	4	5

Amanah

119	Saya menepati masa di dalam menjalankan tugas.	1	2	3	4	5
120	Saya melihat tanggung jawab sebagai amanah bukan kemuliaan.	1	2	3	4	5
121	Menyampaikan ilmu merupakan satu amanah kepada saya.	1	2	3	4	5
122	Mendidik merupakan satu amanah kepada saya.	1	2	3	4	5
123	Saya sering muhasabah diri tentang tanggung jawab sebagai pendidik.	1	2	3	4	5
124	Mencapai matlamat pendidikan merupakan satu amanah kepada saya.	1	2	3	4	5
125	Saya merasa bertanggung jawab di dalam melahirkan pelajar yang berakhhlak mulia.	1	2	3	4	5
126	Saya menepati masa pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan.	1	2	3	4	5
127	Saya menjaga kepercayaan di dalam pergaulan.	1	2	3	4	5

Kreatif dan Kritis

128	Saya kreatif di dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran.	1	2	3	4	5
129	Saya perlu kreatif dan kritis di dalam mengembangkan bakat pelajar.	1	2	3	4	5
130	Saya berkolaborasi dengan rakan sejawat bagi mengembangkan bakat yang ada pada pelajar.	1	2	3	4	5

131	Saya mencungkil bakat pelajar untuk menjadi seorang yang kreatif dan kritis.	1	2	3	4	5
132	Saya menerapkan nilai berfikiran kreatif dan kritis kepada pelajar di dalam menyelesaikan masalah	1	2	3	4	5

3.9.5 Pusingan Ketiga Teknik Delphi

Dalam pusingan ketiga, panel pakar akan menilai semula tahap persetujuan mereka terhadap setiap item tanpa menambah sebarang item baru. Sekiranya persetujuan yang diberikan adalah melangkaui persetujuan dalam pusingan terdahulu, maka panel pakar perlulah memberikan alasan terhadap skala yang telah diberikan. Dalam pusingan ketiga ini, terdapat format instrumen yang digunakan iaitu

1. Ruangan ‘Bil’ yang menempatkan penomboran item.
2. Ruangan ‘Item’ yang memuatkan item berdasarkan elemen dan dimensi.
3. Ruangan ‘Skala Lalu’ menempatkan skala likert lima poin berdasarkan kepada maklum balas dalam kalangan panel pakar bagi pusingan sesi terdahulu.
4. Ruangan ‘Skala Majoriti Lalu’ menempatkan skala yang paling banyak dipilih oleh panel pakar pada pusingan terdahulu.
5. Ruangan ‘Skala Baru’ memuatkan skala likert lima poin yang memerlukan setiap panel pakar untuk memilih semula salah satu nilai yang mewakili setiap tahap persetujuan mereka terhadap item dalam sesi pusingan ketiga ini.
6. Ruangan ‘Alasan’ merupakan ruang yang disediakan untuk panel pakar membuat sebarang ulasan atau pun alasan sekiranya pemilihan skala baru melangkaui nilai ruangan “Skala Majoriti Lalu”.

Setelah mendapat semula, borang penilaian instrumen, pengkaji akan membuat analisis sekali lagi untuk mendapatkan skor median, mod dan julat antara kuartil (JAK).

Pusingan Delphi ditamatkan pada pusingan ini kerana kesemua item yang disenaraikan telah mencapai persetujuan panel pakar pada skor median dan mod yang tertinggi iaitu lima. Selain itu juga persetujuan yang tinggi juga diperolehi dengan nilai Julat Antara Kuartil = 0.00 hingga 1.00 dalam kalangan panel pakar.

3.10 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan di dua buah sekolah iaitu sebuah sekolah menengah kebangsaan di Kuantan Pahang dan sebuah MRSM di Kuala Kubu Selangor. Seramai 127 orang sampel kajian telah terlibat dalam kajian rintis tersebut.

Analisis hasil dapatan kajian rintis tersebut dibuat dengan menggunakan analisis deskriptif *cronbach alpha* dan *comfirmatory factor analysis* (CFA) bagi menganalisis kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Menurut Cohen, Manion dan Marisson (2000), fungsi kajian rintis ke atas soal selidik adalah seperti berikut;

- i. Menyemak kejelasan item-item, arahan dan susun atur (*layout*) soal selidik.
- ii. Mendapatkan maklum balas tentang kesahan item-item soal selidik.
- iii. Mendapatkan maklum balas tentang kesesuaian item-item dan format jawapan.
- iv. Mendapatkan maklum balas tentang kategori jawapan bagi item-item tertutup.
- v. Mendapatkan maklum balas tentang daya tarikan soal selidik.
- vi. Menyemak masa yang diperlukan untuk menjawab soal selidik.
- vii. Mengenalpasti item-item yang tidak berkaitan dalam soal selidik.
- viii. Menyediakan kod untuk kemasukan data dalam fail data komputer.

3.11 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Hasil dapatan yang boleh dipercayai dan tidak dipersoalkan adalah amat penting di dalam kajian (Kerlinger & Lee, 2000). Kesahan perlu dilakukan dari aspek kandungan item-item yang diuji. Kesahan instrumen merujuk kepada sejauh mana mengukur apa perkara yang diperlukan atau sepatutnya diukur (Mohd Majid Konting, 2000). Manakala keboleh percayaan pula dilakukan selepas kajian rintis dijalankan. Menurut Ibrahim Talib (2012), hasil dapatan kajian rintis yang analisis dengan menggunakan analisis deskriptif *cronbach alpha* mestilah mendapat nilai *cronbach alpha* 0.70 ke atas. Ini menunjukkan instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan untuk menjalankan kajian.

Jadual 3.6: Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen

Konstruk	Bilangan Item	Nilai Alpha
Tauhid	14	0.868
Ibadah	9	0.812
Syariat	14	0.913
Sabar	9	0.893
Bijaksana	11	0.917
Berkasih sayang	14	0.917
Mendidik	9	0.919
Bersopan	11	0.927
Berani	10	0.919
Adil	6	0.881
Tidak sompong	11	0.935
Amanah	9	0.912
Kreatif dan kritis	5	0.848


Secara keseluruhannya, nilai alpha yang diperolehi oleh instrumen kajian Pembinaan Model Kepimpinan Murabbi adalah melebihi nilai 0.8 dan ke atas iaitu melebihi nilai minimum kebolehpercayaan iaitu 0.7 tetapi tidak melebihi nilai 0.95. Ini bertepatan dengan Chua Yan Piaw (2006) yang menyatakan bahawa, nilai pekali *cronbach alfa* 0.65 hingga 0.95 dianggap memuaskan. Nilai yang terlalu rendah menunjukkan keupayaan

item-item instrumen kajian mengukur konsep dalam kajian adalah rendah manakala nilai *cronbach alfa* yang terlalul tinggi pula mungkin menunjukkan semua item adalah serupa atau bertindih antara satu sama lain dan menggunakan item-item yang bertindih antara satu sama lain adalah tidak diperlukan.

3.11.1 Analisis Comfirmatory Factor (CFA)

Model pengukuran dan model struktural merupakan dua aspek utama di dalam model persamaan struktural (SEM). Hair et al. (1998) mencadangkan di dalam SEM, penganggaran model pengukuran diperlukan terlebih dahulu sebelum menguji model sebenar yang fit. Melalui CFA, penyelidik menguji secara statistik sama ada sampel dan data mengesahkan model yang dicadangkan.

Model Pengukuran Konstruk Tauhid bagi Ujian Rintis




Rajah 3.1: Model Pengukuran Konstruk Ciri Tauhid

Rajah 3.1 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Tauhid bagi kajian rintis. Beberapa item yang tidak mencapai nilai minimum telah dibuang bagi mencapai satu model menjadi lebih *fit*. Item yang telah dibuang tersebut ialah item T1, T2, T5 dan T14. Nilai Chi-square adalah 52.10 iaitu mencapai nilai minimum yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan nilai 525.026 dengan berstatus baik.

Model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.90, AGFI = 0.82, CFI = 0.91, RMSEA = 0.11, CMIN/DF = 2.61 dan TLI = 0.87. Ini menunjukkan model boleh diterima dengan baik.

Model Pengukuran Konstruk Ciri Ibadah bagi Ujian Rintis

Fitness Indexes
ChiSq= 12.812
Probability = .002
GFI=.953
AGFI=.800
CFI=.942
RMSEA=.207
CMIN/DF= 6.406
TLI = .826




Rajah 3.2: Model Pengukuran Konstruk Ciri Ibadah bagi Ujian Rintis

Rajah 3.2 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Ibadah bagi kajian rintis.

Beberapa item yang tidak mencapai nilai minimum telah dibuang bagi mencapai satu model menjadi lebih *fit*. Item yang telah dibuang ialah I1, I5,I6,I7 dan I8. Nilai Chi-square adalah 12.81 iaitu mencapai nilai minimum yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan nilai 525.026 dengan berstatus baik.

Model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.95, AGFI = 0.80, CFI = 0.91, RMSEA = 0.21, CMIN/DF = 6.40 dan TLI = 0.83. Ini menunjukkan model boleh diterima dengan baik.


Model Pengukuran Konstruk Ciri Syariat bagi Ujian Rintis



Rajah 3.3: Model Pengukuran Konstruk Ciri Syariat bagi Ujian Rintis

Rajah 3.3 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Syariat bagi kajian rintis. Beberapa item yang tidak mencapai nilai minimum telah dibuang bagi mencapai satu model menjadi lebih *fit*. Item yang telah dibuang ialah A1, A2, A3, A4, A5, A6 dan A7. Nilai Chi-square adalah 23.52 dan model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.95, AGFI = 0.89, CFI = 0.97, RMSEA = 0.07, CMIN/DF = 1.68 dan TLI = 0.97. Ini menunjukkan model tersebut boleh diterima dengan baik.

Model Pengukuran Konstruk Ciri Bijaksana bagi Ujian Rintis




Rajah 3.4: Model Pengukuran Konstruk Ciri Bijaksana bagi Ujian Rintis

Rajah 3.4 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Bijaksana bagi kajian rintis.

Beberapa item yang tidak mencapai nilai minimum telah dibuang bagi mencapai satu model menjadi lebih *fit*. Item yang telah dibuang ialah B1 dan B10. Nilai Chi-square adalah 79.70 dan model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.89, AGFI = 0.81, CFI = 0.89, RMSEA = 0.12, CMIN/DF = 2.95 dan TLI = 0.86. Ini menunjukkan model tersebut boleh diterima dengan baik.


Model Pengukuran Konstruk Ciri Berkasih Sayang bagi Ujian Rintis



Rajah 3.5: Model Pengukuran Konstruk Ciri Berkasih Sayang bagi Ujian Rintis

Rajah 3.5 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Berkasih Sayang bagi kajian rintis. Beberapa item yang tidak mencapai nilai minimum telah dibuang bagi mencapai satu model menjadi lebih *fit*. Item yang telah dibuang ialah BS2, BS3, BS11 dan BS13. Nilai Chi-square adalah 84.29 dan model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.88, AGFI = 0.88, CFI = 0.94, RMSEA = 0.11, CMIN/DF = 2.41 dan TLI = 0.92. Ini menunjukkan model tersebut boleh diterima dengan baik.

Model Pengukuran Konstruk Ciri Mendidik bagi Ujian Rintis




Rajah 3.6: Model Pengukuran Konstruk Ciri Mendidik bagi Ujian Rintis

Rajah 3.6 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Mendidik bagi kajian rintis.

Tiada item yang tidak mencapai nilai minimum dan semua item mencapai nilai minimum bagi satu model *fit*. Nilai Chi-square adalah 33.48 dan model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu $GFI = 0.95$, $AGFI = 0.91$, $CFI = 0.99$, $RMSEA = 0.04$, $CMIN/DF = 1.24$ dan $TLI = 0.98$. Ini menunjukkan model tersebut boleh diterima dengan baik.

Model Pengukuran Konstruk Ciri Bersopan bagi Ujian Rintis




Rajah 3.7: Model Pengukuran Konstruk Ciri Bersopan bagi Ujian Rintis

Rajah 3.7 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Bersopan bagi kajian rintis.

Tiada item yang tidak mencapai nilai minimum dan tiada item yang dibuang bagi mencapai satu model *fit*. Nilai Chi-square adalah 117.89 dan model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.86, AGFI = 0.80, CFI = 0.93, RMSEA = 0.12, CMIN/DF = 2.68 dan TLI = 0.91. Ini menunjukkan model tersebut boleh diterima dengan baik.


Model Pengukuran Konstruk Ciri Berani bagi Ujian Rintis



Rajah 3.8: Model Pengukuran Konstruk Ciri Berani bagi Ujian Rintis

Rajah 3.8 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Berani bagi kajian rintis. Bagi ciri berani, tiada item yang tidak mencapai nilai minimum yang telah dibuang. Nilai Chi-square adalah 104.16 dan model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.85, AGFI = 0.76, CFI = 0.90, RMSEA = 0.13, CMIN/DF = 2.98 dan TLI = 0.87. Ini menunjukkan model tersebut boleh diterima dengan baik.


Model Pengukuran Konstruk Ciri Adil bagi Ujian Rintis



Rajah 3.9: Model Pengukuran Konstruk Ciri Adil bagi Ujian Rintis

Rajah 3.9 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Adil bagi kajian rintis. Bagi ciri adil, tiada item yang tidak mencapai nilai minimum telah dibuang bagi mencapai satu model menjadi lebih *fit*. Nilai Chi-square adalah 26.75 dan model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.93, AGFI = 0.85, CFI = 0.95, RMSEA = 0.13, CMIN/DF = 2.97 dan TLI = 0.92. Ini menunjukkan model tersebut boleh diterima dengan baik.


Model Pengukuran Konstruk Ciri Tidak Sombong bagi Ujian Rintis



Rajah 3.10: Model Pengukuran Konstruk Ciri Tidak Sombong bagi Ujian Rintis

Rajah 3.10 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Tidak Sombong bagi kajian rintis. Beberapa item yang tidak mencapai nilai minimum telah dibuang bagi mencapai satu model menjadi lebih *fit*. Item yang telah dibuang ialah TS1, TS8 dan TS11. Nilai Chi-square adalah 70.39 dan model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.86, AGFI = 0.75, CFI = 0.92, RMSEA = 0.14, CMIN/DF = 3.52 dan TLI = 0.89. Ini menunjukkan model tersebut boleh diterima dengan baik.

Model Pengukuran Konstruk Ciri Amanah bagi Ujian Rintis




Rajah 3.11: Model Pengukuran Konstruk Ciri Amanah bagi Ujian Rintis

Rajah 3.11 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Amanah bagi kajian rintis.

Beberapa item yang tidak mencapai nilai minimum telah dibuang bagi mencapai satu model menjadi lebih *fit*. Item yang telah dibuang ialah AM1, AM2, AM3, dan AM9. Nilai Chi-square adalah 14.73 dan model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.95, AGFI = 0.86, CFI = 0.96, RMSEA = 0.12, CMIN/DF = 2.95 dan TLI = 0.93. Ini menunjukkan model tersebut boleh diterima dengan baik.

Model Pengukuran Konstruk Ciri Kreatif dan Kritis bagi Ujian Rintis

Fitness Indexes
ChiSq= 10.640
Probability = .059
GFI=.970
AGFI=.911
CFI=.981
RMSEA=.095
CMIN/DF= 2.128
TLI = .961



Rajah 3.12: Model Pengukuran Konstruk Ciri Kreatif dan Kritis bagi Ujian Rintis

Rajah 3.12 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Ciri Kreatif dan Kritis bagi kajian rintis. Tiada item yang tidak mencapai nilai minimum yang telah dibuang bagi mencapai satu model menjadi lebih *fit*. Nilai Chi-square adalah 10.64 dan model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.97, AGFI = 0.91, CFI = 0.98, RMSEA = 0.95, CMIN/DF = 2.13 dan TLI = 0.96. Ini menunjukkan model tersebut boleh diterima dengan baik.

3.9 Rumusan

Penjelasan tentang reka bentuk dan pengkaedahan yang digunakan dalam kajian telah dihuraikan dalam bab ini. Selain itu juga, berdasarkan fasa kajian, lokasi kajian, populasi dan kaedah persampelan kajian serta instrumen kajian telah diperincikan. Seterusnya, pada bahagian berikutnya, kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan serta prosedur kutipan data telah dihuraikan secara terperinci. Pada bahagian prosedur penganalisisan data, penggunaan pelbagai jenis kaedah untuk menganalisis data juga telah dijelaskan.

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, diuraikan dapatan kajian daripada tiga fasa iaitu analisis keperluan, fasa reka bentuk dan fasa penilaian. Fasa pertama iaitu analisis keperluan bertujuan untuk mengenalpasti keperluan Model Kepimpinan Murabbi Maktab Rendah Sains Mara dan Sekolah Menengah Malaysia. Fasa kedua iaitu fasa reka bentuk bertujuan untuk membina model Kepimpinan Murabbi berdasarkan kesepakatan penal pakar yang telah dikenal pasti. Manakala dalam fasa penilaian adalah untuk menilai hasil dapatan dari panel pakar dan diuji di lapangan bagi menentukan bentuk model Kepimpinan Murabbi yang telah dikenal pasti. Bab ini secara keseluruhannya, adalah untuk menganalisis tiga fasa kajian yang dinyatakan sehingga terbinanya Model Kepimpinan Murabbi. Analisis pengujian andaian adalah menggunakan *Structural Equation Modeling* (SEM) dengan menggunakan *Amos Graphic*, analisis *Full Structural Equation Modeling*.

4.2 Profil Demografi Peserta Kajian

Terdapat tiga kategori profil demografi peserta kajian. Ini adalah berdasarkan kepada tiga fasa kajian yang telah dijalankan.

4.2.1 Profil Peserta Kajian Fasa Analisis Keperluan

Peserta kajian fasa analisis keperluan yang dipilih adalah menggunakan kaedah persempelan bertujuan. Jadual 4.1 menunjukkan profil peserta kajian fasa analisis keperluan.

Jadual 4.1: Profil Peserta Kajian Fasa Analisis Keperluan

Jawatan	Jumlah
Pengetua JUSA C	1
Pengetua DG 52	2
Timbalan Pengetua / GPK DG48	3
Guru Cemerlang	6
Ketua Jabatan / Ketua Bidang	4
Guru Kanan / Ketua Panitia	4
Guru	4
Jumlah	24

Dalam jadual 4.1 menunjukkan profil peserta kajian fasa analisis keperluan. Seorang orang Pengetua Cemerlang Jusa C telah di pilih. Beliau merupakan seorang pengetua cemerlang dan telah membuka tiga buah Maktab Rendah Sains Mara dan seorang yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pendidikan. Dua orang pengetua DG52, Timbalan Pengetua / Guru Penolong Kanan (GPK) DG48, enam orang Guru Cemerlang, empat orang Ketua Jabatan / Ketua Bidang, empat orang Guru Kanan / Ketua Panitia dan empat orang guru telah bersetuju menjadi peserta kajian pada peringkat fasa analisis keperluan.

Peserta kajian ini berpengalaman luas dalam pendidikan dan mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya selama enam tahun dan terlatih. Peserta kajian ini juga merupakan pemimpin pendidikan di sekolah yang mempunyai pengalaman yang luas

dalam kepimpinan sama ada di peringkat organisasi sekolah, jabatan / bidang mahupun subjek yang diajar. Pemilihan peserta kajian ini penting untuk melihat pandangan mereka berkaitan keperluan Kepimpinan Murabbi dari perspektif pendidikan negara. Di samping itu juga, mereka telah mempunyai pendidikan di peringkat Sarjana dan sekurang-kurangnya peringkat Ijazah Sarjana Muda.

4.2.2 Pofil Peserta Kajian Fasa Reka Bentuk

Di dalam fasa ini, peserta kajian terdiri daripada 15 orang. Mereka yang dipilih sebagai peserta kajian fasa reka bentuk merupakan pakar di dalam bidang kepimpinan di peringkat universiti, sekolah dan guru. Profil peserta kajian fasa reka bentuk adalah seperti jadual 4.2 di bawah.

Jadual 4.2: Profil Peserta Kajian Fasa Reka Bentuk

Jawatan	Jumlah
Profesor Universiti	2
Pensyarah Universiti	1
Pengarah IKIM	1
Pengetua Sekolah Antarabangsa	1
Pengetua Cemerlang Jusa C	1
Pengetua DG52	1
Timbalan Pengetua DG 52	1
Timbalan Pengetua DG48	1
Guru Kanan	3
Guru	3
Jumlah	15

Jadual 4.2 di atas menunjukkan jawatan yang di sandang oleh panel pakar yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat dua orang Profesor yang terlibat di dalam kajian ini. Di mana

ke dua-dua Profesor ini merupakan pakar dalam Kepimpinan Islamik dan menjadi pakar rujuk sama ada di dalam negara mahu pun di luar negara. Kedua-dua Profesor ini sedang berkhidmat di universiti awam di Malaysia. Seorang pensyarah universiti awam telah bersetuju menjadi panel pakar di dalam kajian ini. Beliau adalah pakar dalam Kepimpinan Islamik dan beliau telah membuat kajian phd beliau dalam kualiti guru pendidikan Islam di Sekolah Menengah kebangsaan. Seorang lagi panel pakar yang terlibat ialah Pengarah di Institut Kefahaman Islam Malaysia dan merupakan penyelidik yang sangat aktif terutamanya yang melibatkan hal-hal yang berkaitan guru dan pendidik.

Seorang Pengetua Cemerlang Jusa C telah di pilih. Beliau merupakan seorang pengetua cemerlang dan telah membuka tiga buah Maktab Rendah Sains Mara dan seorang yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pendidikan. Seorang pengetua, Timbalan Pengetua DG52 dan Timbalan Pengetua DG48 telah bersetuju menjadi panel pakar. Beliau merupakan pemimpin pendidikan di sekolah yang mempunyai pengalaman yang luas dalam kepimpinan. Ketiga-tiga orang pakar ini pernah menyandang jawatan guru kanan, guru cemerlang dan sebagai Timbalan Pengetua. Mereka pernah beberapa kali menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sepanjang perkhidmatan mereka. 3 orang guru kanan telah di pilih sebagai panel pakar. 2 orang guru kanan tersebut merupakan Guru Kanan Pendidikan Islam dan seorang Guru Kanan Sejarah. Mereka mempunyai pengalaman yang luas sebagai pendidik, berkhidmat sekurang-kurangnya 18 tahun dan pernah menyandang jawatan Ketua Jabatan. Pengkaji juga telah mendapatkan panel pakar di kalangan 3 orang guru. Guru yang terlibat mempunyai latar belakang yang berbeza di mana mereka mengajar subjek Pendidikan Islam, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pemilihan panel pakar ini penting untuk melihat pandangan mereka berkaitan Kepimpinan Murabbi dari perspektif guru. Mereka juga mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 5 tahun dan terlatih. Di samping itu juga, mereka telah

mempunyai pendidikan di peringkat Sarjana dan sekurang-kurangnya peringkat Ijazah Sarjana Muda.

4.2.3 Profil Sampel Kajian Fasa Penilaian

Perlaksanaan Kajian tinjauan ini melibatkan empat belas buah Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Berasrama Penuh, dan lapan belas buah Maktab Rendah Sains Mara dari seluruh Malaysia. Dari 32 buah sekolah yang dipilih, 9 buah sekolah dan MRSM gagal memulangkan semula soal selidik yang telah diedarkan. Sebanyak 570 soal selidik telah berjaya dikumpulkan dan di analisis. Jadual 4.3 berikut merupakan analisis mengikut aspek jantina, lokasi sekolah, pengalaman mengajar, kelayakan akademik dan mengikuti kursus pembentukan personaliti guru.

Jadual 4.3. Profil Sampel Kajian dari aspek jantina, lokasi sekolah, pengalaman mengajar, kelayakan akademik dan mengikuti kursus pembentukan personaliti guru.

Jadual 4.3: Profil Sampel Kajian

Profil Sampel Kajian	Bilangan (Orang)	Peratusan (%)
Agama Islam	570	100%
Lokasi Sekolah		
Bandar	193	33.9%
Luar Bandar	377	66.1%
Jumlah	570	100%
Jantina		
Lelaki	191	33.5%
Perempuan	379	66.5%
Jumlah	570	100%
Pengalaman Mengajar		
1 hingga 5 tahun	108	18.9
6 hingga 10 tahun	135	23.7
11 hingga 15 tahun	122	21.4
16 hingga 20 tahun	77	13.5
21 hingga 25 tahun	56	9.8
26 hingga 30 tahun	72	12.6
Jumlah	570	100%
Kelayakan Akademik		
Phd	16	2.8
Sarjana	53	9.3
Sarjana Muda	480	84.2
Diploma	16	2.8
STPM dan setaraf	5	0.9
Jumlah	570	100%
Mengikuti Kursus Pembentukan Personaliti Guru		
Ya	328	57.5
Tidak	242	42.5
Jumlah	570	100%

Jadual 4.3 menunjukkan bilangan sampel kajian adalah seramai 570 orang iaitu 100% beragama Islam. Mereka terdiri dari lokasi sekolah bandar adalah seramai 193 orang (33.9%) dan sampel kajian dari luar bandar adalah seramai 377 orang (66.9%). Ini berikutan, kebanyakkan Makatab Rendah Sains Mara di bina di kawasan luar bandar. Bilangan sampel kajian lelaki adalah seramai 191 orang atau 33.5% dan sampel kajian perempuan adalah seramai 379 orang atau 66.5%.

Dari segi pengalaman mengajar, jumlah sampel kajian yang tertinggi adalah mempunyai pengalaman 6 hingga 10 tahun iaitu seramai 135 orang (23.7%), diikuti sampel kajian yang mempunyai pengalaman 11 hingga 15 tahun mengajar iaitu 122 orang (21.4%).

Ketiga ialah sampel kajian yang mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 5 tahun iaitu seramai 108 orang (18.9%) diikuti sampel kajian yang mempunyai pengalaman mengajar 16 hingga 20 tahun seramai 77 orang (13.5%), 26 hingga 30 tahun seramai 72 orang (12.6%) dan yang terakhir iaitu pengalaman mengajar 21 hingga 25 tahun iaitu seramai 56 orang (9.8%) ini menunjukkan jumlah sampel kajian yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 5 tahun adalah seramai 462 orang yang mewakili 81.1% sampel kajian.

Dari segi kelayakan akademik tertinggi sampel kajian, sampel kajian yang mempunyai kelayakan akademik sarjana muda merupakan peratusan tertinggi iaitu 84.2% iaitu seramai 480 orang, diikuti sarjana seramai 53 orang atau 9.3%. Jumlah sampel kajian yang memegang kelayakan akademik Doktor Falsafah (PhD) dan Diploma adalah sama ramai iaitu seramai 16 orang (2.8%). Seramai 5 orang sampel kajian sahaja yang memiliki kelayakan akademik tertinggi iaitu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau setarafnya yang mewakili 0.9%.

Sampel kajian juga berpengalaman dalam pembentukan personaliti guru. Di mana peratusan teringgi peserta kajian mengikuti kursus pembentukan personaliti guru adalah 57.5% iaitu seramai 328 orang. Ianya melebihi jumlah peratusan sampel kajian yang tidak mengikuti kursus pembentukan personaliti guru iaitu sebanyak 42.5% atau 242 orang.

4.3 Dapatan Kajian Fasa Analisis Keperluan

Pada peringkat fasa analisis keperluan, temubual dilakukan terhadap 24 orang peserta kajian bagi menjawab tiga soalan kajian.

Fasa Analisis Keperluan

1. Apakah keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan?
2. Apakah bentuk keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan?
3. Apakah dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah.

Keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam Organisasi Pendidikan

Peserta kajian memberi kerjasama sepenuhnya di dalam fasa analisis keperluan ini. Bagi menjawab soalan kajian; Apakah keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan? Mereka berpendapat bahawa Kepimpinan Murabbi ini di perlukan di dalam organisasi pendidikan. Ini dibuktikan dengan beberapa pandangan dari peserta kajian;

“..... kalau nak ikut keperluan, memang perlu ada satu kajian yang tengok pasal cikgu-cikgu ni (.) Cikgu-cikgu sekarang ni macam dah tak tahu peranan mereka (.) yang mereka tahu (,) cukup bulan dapat gaji...” (F1P1:7)

Fasa pertama bagi soalan temubual tersebut seperti yang dinyatakan oleh peserta pertama dalam ayat yang ke tujuh, menunjukkan peserta kajian memerlukan satu kajian tentang guru. Kajian yang dimaksudkan oleh beliau ialah tentang peranan guru yang semakin tidak difahami dan guru-guru lebih menjurus kepada penerimaan gaji setiap bulan. Pendapat ini di sokong oleh peserta ke empat dalam ayat ke lima beliau iaitu;

“... aku rasa hang kena tengok bahagian peranan cikgu-cikgu kita la ni... depa macam da tak tahu nak jadi cikgu... dengan perangai depa... lagu mana nak jadi cikgu yang baik... penting cikgu-cikgu tahu peranan depa...” (F1P4: 5)

Peserta kajian meminta pengkaji mengkaji peranan guru di mana guru-guru tidak mengetahui ciri-ciri yang harus ada pada seorang guru. Penekanan terhadap akhlak guru menjadi fokus peserta kajian tersebut. Di mana, akhlak dan peranan seorang guru perlu diketahui oleh seorang guru. Pendapat peserta ke empat disokong oleh peserta ke tujuh dan ke sepuluh seperti petikan temubual berikut;

“... saya rasa, kita kena ada satu panduan untuk cikgu-cikgu sekarang... untuk menjadi guru yang mempunyai ‘roh’ guru... rasa rasa... cikgu sekarang ni hanya ikut-ikut je budaya yang dah ada... sebab mereka tak ada panduan yang jelas...” (F1P7:7)

“... kita bukan saja nak panduan untuk cikgu-cikgu ni.. tapi kita nak ada sesuatu yang boleh kita guna, sebagai contoh ya Nik(,) bila kita tengok cikgu(,) kita tahu dia ada semua ciri yang sepatutnya cikgu ada...” (F1P10:6)

Kedua-dua peserta kajian tersebut berpendapat bahawa, guru-guru perlukan satu panduan yang jelas yang boleh digunakan oleh guru di dalam membentuk guru. Bukan sekadar mengikut acuan yang sedia ada tetapi mempunyai panduan yang jelas. Dengan adanya panduan tersebut, guru-guru tahu ciri-ciri yang sepatutnya ada pada seorang guru seperti

yang dinyatakan oleh peserta kajian yang ke sepuluh. Ini adalah selari dengan matlamat kajian yang dijalankan.

Bentuk Keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam Organisasi Pendidikan

Apa yang dimaksudkan bentuk panduan oleh peserta kajian pada fasa analisis keperluan ini dijelaskan oleh lebih terperinci oleh peserta kajian ke 11 iaitu

“... kita perlukan kajian Kepimpinan Murabbi ni supaya kita boleh buat sebagai *check list*... sebab ia penting sebagai rujukan cikgu-cikgu... (F2P11:11)

Peserta kajian ke 11 menyatakan terhadap keperluan diadakan kajian berkaitan dengan Kepimpinan Murabbi. Kajian yang diharapkan tersebut adalah untuk dijadikan rujukan utama guru. Ianya disokong oleh peserta kajian ke 13 yang menyatakan bahawa, guru-guru memerlukan satu kaedah yang menjadi panduan untuk menjadi guru yang hebat. Bukannya hanya menjadi guru yang hanya mengejar kecemerlangan akademik semata-mata. Guru-guru juga perlu tahu dan didedahkan dengan ciri-ciri khusus seorang guru yang hebat.

“... cikgu-cikgu perlukan satu kaedah dalam menjadi cikgu yang hebat... bukan terus hanyut (hhh) ye la... asyik dok kejar pelajar dapat A ja... biar depa tahu cikgu ni ada ciri dia yang khusus... (F2P13:10)

“Kita kena fikir... cikgu yang unggul ni untuk apa... untuk hasilkan budak-budak yang lebih hebat kan... dari sudut mana.. bukan akademik semata-mata.. sebab tu (hhh) kita nak ada *list* macam mana kita boleh kata cikgu ni unggul atau pun tidak...” (F2P16:12)

Pendapat peserta kajian 11 dan 13 di sokong lagi oleh pendapat peserta kajian ke 16 yang meminta pengkaji turut sama berfikir tentang pentingnya menjadi guru yang unggul. Kepentingan guru unggul yang dimaksudkan oleh beliau adalah untuk menghasilkan pelajar yang hebat dan unggul bukan sahaja terhadap akademik semata-mata. Beliau juga

mengharapkan agar kajian ini dapat menyediakan satu senarai ciri-ciri yang menunjukkan guru tersebut unggul atau tidak.

“... kalau cikgu-cikgu ada satu ‘model’ yang kita bina sendiri (hhh) ikut acuan kita... saya rasa... senang kita nak bentuk cikgu-cikgu kita (hhh) sebab kita dah ada matlamat yang kita nak tuju.. nak capai... (F2P18:11)

Pendapat peserta kajian ke 16 di kukuhkan lagi dengan pendapat berkaitan bentuk keperluan yang diperlukan oleh guru-guru di dalam menjadi guru yang unggul. Beliau berpendapat, guru-guru memerlukan satu model yang dibina oleh pengkaji Malaysia dan model tersebut adalah berlandaskan acuan pendidikan Malaysia. Dengan adanya model tersebut, ia akan memudahkan pihak berkenaan untuk melatih guru-guru bagi tujuan mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Peserta ke 20 pula sedar tentang ketiadaan satu model guru atau kaedah yang boleh digunakan bagi mengukur kemenjadian guru. Petikan temubual adalah seperti berikut.

“Kalau kita tengok sekarang ni... kita ada tak model atau (hhh) kaedah nak ukur yang cikgu kita ni benar-benar cikgu atau apa... elok sangat Nik (F2P20:13)

Secara keseluruhannya, fasa ke dua temubual yang dijalankan menunjukkan peserta kajian memerlukan satu model bagi guru yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang mengikut acuan pendidikan Malaysia. Ini telah dapat menjawab soalan kajian iaitu apakah bentuk keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan.

Dimensi Kepimpinan Murabbi di Sekolah

Peserta kajian dalam fasa analisis keperluan secara keseluruhannya bersetuju dan menyokong kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Soalan kajian iaitu apakah dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah di jawab oleh peserta kajian pada fasa yang ke tiga.

Peserta kajian ke 23 menyatakan tentang dimensi dan ciri yang harus ada pada model yang dikaji oleh pengkaji. Peserta kajian tersebut berpendapat ciri akhlak adalah ciri yang perlu diberi penekanan dan bukannya pencapaian akademik semata-mata. Ia disokong oleh peserta ke 24 yang menyatakan tentang dimensi yang diperlukan dalam kajian. Satu bentuk panduan yang boleh diterima oleh semua dan menjadi panduan guru-guru. Beliau mencadangkan kepada pengkaji agar melihat pandangan Imam Al ghazali sebagai panduan dalam kajian. Dimensi akidah merupakan dimensi penting yang perlu diberi penekanan oleh pengkaji. Kedua-dua petikan temubual tersebut adalah seperti di bawah.

“... jika kita betul-betul nak tengok sheikh... kita kena tahu ciri apa yang sepatutnya seorang guru tu ada... dari segi akhlaknya(,) amalnya... bukan pencapaian akademik mereka semata-mata...” (F3P23:18)

“... panduan yang saya maksudkan ni mestilah boleh diterima umum (,) boleh jadi panduan cikgu-cikgu.. kalau kita tengok dalam kitab Imam Ghazali... penekanan dalam akidah tu penting...” (F3P24:17)

“... apa yang kita nak (,) kalau buat panduan tu (,) kena lah berpijak dibumi yang nyata... jangan berdasarkan teori semata-mata (.) kena tengok aspek apa yang penting... saya rasa (hhh).. macam pegangan cikgu pada agama tu kena kukuh... baru tak jadi perkara yang bukan-bukan nanti...” (F3P8:16)

Satu panduan yang jelas dipelukan dalam kajian pembentukan Model Kepimpinan Murabbi dan bukanlah sekadar teori semata-mata. Ini dijelaskan oleh peserta kajian ke lapan yang mahu panduan atau model yang dibentuk adalah bukan berlandaskan kepada teori semata-mata. Beliau juga mahukan akidah (pegangan agama) menjadi perkara yang perlu difokuskan supaya dengan adanya akidah yang kukuh, dapat mengelakkan guru-guru dari melakukan perkara-perkara yang tidak sewajarnya. Peserta kajian ke 12 pula memfokuskan agar kajian dijalankan terhadap dimensi / ciri akhlak. Dengan akhlak yang mulia, ia akan menjadi ikutan para pelajar seperti yang berlaku pada ulama-uama terdahulu.

“... kena tengok contoh-contoh ulama dulu.. mereka ni bukan saja mengajar (,) tapi mereka jadi ikutan anak murid dia (,) akhlak mereka nombor satu... (F3P12:15)

Secara keseluruhannya, fasa ini telah menjawab keperluan dan bentuk Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan serta dimensi yang perlu difokuskan oleh pengkaji secara umumnya. Kajian lanjutan seterusnya dilakukan oleh pengkaji dengan lebih mendalam dalam fasa berikutnya iaitu fasa teknik Delphi. Fasa awal ini adalah untuk melihat pandangan umum peserta kajian berkaitan dengan pembinaan Model Kepimpinan Murabbi. Kajian mendalam dilakukan dengan melihat pandangan pakar terhadap dimensi dan ciri-ciri yang seharusnya ada dalam Model Kepimpinan Murabbi melalui teknik Delphi tiga Fasa.

Jadual 4.4: Contoh Notasi Untuk Analisis Perbualan Menggunakan Sistem Jefferson

(.)	berhenti sekejap
(0.3), (2.6)	berhenti dalam tempoh tertentu
><	perkataan di antara tanda ini disebut dengan pantas
><	perkataan di antara tanda ini disebut perlahan
↑perkataan	peningkatan intonasi
↓perkataan	penurunan intonasi
<u>Perkataan</u>	perkataan yang disebut dengan kuat/ditekan
PERKATAAN	perkataan yang disebut dengan sangat kuat/dijerit
.hhh	tarikan nafas
hhh	hembusan nafas
()	ungkapan yang tidak dapat dikenalpasti
(())	perbuatan semasa bercakap, contoh ((batuk))

Sumber: Adaptasi daripada “Qualitative Data Analysis: An Introduction,” oleh C. Grbich, 2007, hlmn 141.

Rumusan Dapatan Fasa Analisis Keperluan

Secara kesimpulannya, peserta kajian dalam fasa analisis ini bersetuju dan menyokong untuk pengkaji mengadakan kajian Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan. Ini dapat dirumuskan sebagaimana berikut.

- i. Pemimpin sekolah memerlukan panduan untuk membentuk guru-guru menjadi guru yang unggul berlandaskan kepada acuan pendidikan negara Malaysia.
- ii. Panduan yang dimaksud seharusnya fleksibel dan mudah disesuaikan mengikut keadaan sekolah masing-masing.
- iii. Bentuk panduan yang diperlukan oleh sekolah adalah yang bersifat praktikal iaitu Kepimpinan Murabbi. Di mana Kepimpinan Murabbi ini mempunyai dimensi dan ciri-ciri guru unggul yang jelas dan mudah difahami.
- iv. Kepimpinan Murabbi ini difokuskan kepada empat dimensi iaitu tauhid, ibadah, syariat dan akhlak.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa wujudnya keperluan terhadap pembentukan Model Kepimpinan Murabbi bagi sekolah-sekolah Malaysia.

4.4 Dapatan Kajian Fasa Reka Bentuk

Data yang dikutip menggunakan teknik Delphi di tunjukkan dalam bahagian ini. Fasa kajian tiga pusingan digunakan untuk mengumpulkan data bagi tujuan pembentukan Model Kepimpinan Murabbi. Kaedah temu bual berstruktur digunakan bagi kutipan data pada pusingan pertama. Manakala pusingan kedua dan ketiga menggunakan instrumen soal selidik yang melibatkan pembinaan item daripada data temu bual. Dapatan kajian pada fasa ini menjawab dua soalan kajian fasa reka bentuk berikut.

1. Sejauhmanakah kesepakatan pandangan pakar dalam kalangan panel pakar tentang dimensi Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia?
2. Sejauhmanakah kesepakatan pakar dalam kalangan panel pakar tentang ciri-ciri terbaik Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia?

4.4.1 Dapatan Pusingan Pertama Delphi

Analisa dapatan pusingan pertama Delphi menemui empat dimensi Kepimpinan Murabbi. Ini dapat menjawab soalan kajian fasa reka bentuk iaitu “Sejauhmanakah kesepakatan pandangan pakar dalam kalangan panel pakar tentang dimensi Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia?”. Di mana setiap dimensi tersebut dijelaskan seperti berikut.

- i. Dimensi Meng Esa kan Allah (Tauhid). Di dalam dimensi ini, terdapat 14 item utama yang telah dikenalpasti. Antara elemen utama yang dikenal pasti adalah berkaitan dengan menggunakan semua organ jasmani untuk tunduk dan patuh kepada Allah, menguatkan jiwa seperti bersabar, menyucikan jiwa dengan zikir, meningkatkan budaya ilmu, dan memperkuuhkan ikatan kekeluargaan dan taat kepada ibu bapa kerana Allah.
- ii. Dimensi yang kedua ialah Ibadah. Di dalam dimensi ini terdapat 9 item telah dikenal pasti. Antara elemen utama yang di ukur ialah penumpuan terhadap ibadah khusus, pengukuhan jiwa melalui ibadah, amalan di dalam ibadah, dan penekanan terhadap aspek sosial di dalam ibadah.
- iii. Dimensi yang ketiga adalah dimensi Syariat iaitu mencegah diri dari perkara negatif dan amalkan perkara positif. Terdapat 14 item yang telah dikenalpasti sebagai pengukuran. Elemen utama yang diukur adalah berkaitan dengan batasan aurat, kemampuan mengenalpasti kebaikan dan keburukan sesuatu perkara, amalan sunnah, mengetahui tujuan hukum syariat, mengetahui batas pergaulan dengan penganut lain.
- iv. Dimensi yang ke empat adalah Akhlak. Dimensi akhlak ini dibahagikan kepada 10 bahagian utama. Ini kerana, akhlak merupakan dimensi yang terbesar dalam

pengukuran pembinaan Model Kepimpinan Murabbi. Terdapat 95 item yang dikenal pasti bagi pengukuran tersebut. Berikut adalah bahagian utama dalam dimensi akhlak.

1. Bahagian pertama ialah Sabar. Elemen utama dalam akhlak sabar yang dikenalpasti adalah berpuasa untuk mengukuhkan sifat sabar, berfikiran terbuka dan berlapang dada dengan perbezaan agama, dan mengenal pasti implikasi marah. Terdapat 9 item yang dikenal pasti bagi pengukuran sifat sabar.
2. Bahagian yang kedua adalah Bijaksana. Terdapat 11 item yang dikenal pasti bagi pengukuran sifat bijaksana. Elemen yang telah di perolehi adalah berfikir sebelum bertindak, melihat sesuatu perkara dengan pandangan jauh, mendekati orang alim dan bijaksana, berdebat dengan sihat, dan amalan kerja berpasukan.
3. Bahagian yang ke tiga adalah sifat Berkasih Sayang. Terdapat 14 item yang telah dikenal pasti bagi mengukurnya. Elemen yang dikenal pasti adalah memperkuuhkan sifat rahmah, aktiviti yang berlandaskan sifat kasih sayang, dan mengukuhkan suasana perpaduan antara agama.
4. Bahagian yang ke empat ialah Mendidik. Terdapat 9 item yang dikenal pasti bagi pengukuran bahagian ini. Antara elemen yang diperolehi adalah menggunakan kemahiran insanniah di dalam mendidik, menggunakan kaedah hikmah di dalam mendidik, dan memperkuuhkan budaya ilmu dengan rakan-rakan.
5. Bahagian yang ke lima adalah Bersopan. Elemen yang dikenal pasti adalah tidak prejudis dan hasad kepada orang lain, menjaga aurat, dan meraikan perbezaan pandangan dengan cara berhemah. Terdapat 11 item yang telah dikenal pasti bagi bahagian ini.
6. Bahagian yang ke enam adalah sifat Berani Berkata Benar. Elemen yang di perolehi adalah tidak malu bercakap benar walaupun pahit, berani tampil ke

hadapan, dan berani mendalami ilmu yang sukar. Terdapat 10 item telah diperolehi bagi bahagian ke enam ini.

7. Bahagian yang ke tujuh adalah sifat Adil. Terdapat 6 item yang telah diperolehi untuk bahagian ini. Elemen yang diperolehi adalah tidak menzalimi diri dengan membuat kemungkaran, menjalankan hukuman yang setimpal dan adil, dan kesamarataan dalam pergaulan.
8. Bahagian yang ke lapan ialah sifat Tidak Sombong. Elemen yang di kenal pasti pula ialah menjauhi sifat mazmumah, memperkuuhkan ingatan kepada Allah, mudah menyampaikan ilmu, dan terbuka kepada teguran. Terdapat 11 item telah diperolehi untuk pengukuran pada bahagian ini.
9. Bahagian kedua terakhir adalah sifat Amanah. Elemen yang dikenal pasti adalah melihat tanggungjawab sebagai amanah dan taklif bukan kemuliaan, menyampaikan ilmu dengan berhati-hati, dan menjaga pergaulan dalam pergaulan. Sebanyak 9 item telah dikenal pasti bagi pengukurannya.
10. Bahagian yang terakhir ialah sifat Kreatif dan Kritis. Elemen yang dikenal pasti ialah kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran, perkembangan bakat, dan penyelesaian masalah. Sebanyak 5 item telah dikenal pasti bagi pengukuran bahagian terakhir ini.

Jadual 4.4 menunjukkan elemen, bahagian dan jumlah item yang dikenal pasti dalam pusingan pertama Delphi Kepimpinan Murabbi.

Jadual 4.4: Dimensi Kepimpinan Murabbi Pusingan Pertama Delphi

Dimensi Kepimpinan Murabbi	Elemen yang Di perolehi	Jumlah Item
Mengesakan Allah (Tauhid)	Menggunakan semua organ jasmani untuk tunduk dan patuh kepada Allah Menguatkan jiwa seperti bersabar Menyucikan jiwa dengan zikir Meningkatkan budaya ilmu Memperkuatkan ikatan kekeluargaan dan taat kepada ibu bapa kerana Allah.	14
Ibadah	Penumpuan terhadap ibadah khusus Pengukuhan jiwa melalui ibadah Amalan di dalam ibadah Penekanan terhadap aspek sosial di dalam ibadah.	9
Syariat	Batasan aurat Kemampuan mengenalpasti kebaikan dan keburukan sesuatu perkara Amalan sunnah Mengetahui tujuan hukum syariat Batas pergaularan dengan pengikut lain	14
Akhlik		
i. Sabar	Berpuasa untuk mengukuhkan sifat sabar Berfikiran terbuka dan berlapang dada dengan perbezaan agama Mengenal pasti implikasi marah	9
Bijaksana	Berfikir sebelum bertindak Melihat sesuatu perkara dengan pandangan jauh Mendekati orang alim dan bijaksana Berdebat dengan sihat Amalan kerja berpasukan	11
Berkasih sayang	Memperkuatkan sifat rahmah Aktiviti yang berlandaskan sifat kasih sayang Mengukuhkan suasana perpaduan antara agama	14
Mendidik	Menggunakan kemahiran insanniah di dalam mendidik Menggunakan kaedah hikmah di dalam mendidik Memperkuatkan budaya ilmu dengan rakan-rakan	9

Bersopan	Tidak prejudis dan hasad kepada orang lain Menjaga aurat Meraikan perbezaan pandangan dengan cara berhemah	11
Berani Berkata Benar	Tidak malu bercakap benar walaupun pahit Berani tampil ke hadapan Berani mendalami ilmu yang sukar	10
Adil	Tidak menzalimi diri dengan membuat kemungkaran Menjalankan hukuman yang setimpal dan adil Kesamarataan dalam pergaulan	6
Tidak Sombong	Menjauhi sifat mazmumah Memperkuuhkan ingatan kepada Allah Mudah menyampaikan ilmu Terbuka kepada teguran	11
Amanah	Melihat tanggungjawab sebagai amanah dan taklif bukan kemuliaan Menyampaikan ilmu dengan berhati-hati Menjaga pergaulan dalam pergaulan	9
Kreatif dan Kritis	Kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran Perkembangan bakat Penyelesaian masalah	5
Jumlah		132

Dalam pusingan ini, pembinaan item di lakukan dengan hasil dari dapatan Delphi.

Instrument tersebut digunakan dalam pusingan kedua.

4.4.2 Dapatan Pusingan Kedua Delphi

Pusingan kedua Delphi menggunakan hasil dapatan Delphi pada pusingan pertama.

Peserta kajian dikehendaki untuk memilih tahap persetujuan mereka terhadap item yang

telah dibina pada sesi pusingan pertama Delphi. Penambah item baru, menggugurkan item atau menambah baik item sedia ada adalah digalakkan untuk dilakukan oleh panel pakar. Skor mod, median dan Julat Antara Kuartil digunakan dalam Ukuran Kecenderungan Berpusat. Ini dapat menjawab soalan kajian dalam fasa reka bentuk iaitu, “Sejauhmanakah kesepakatan pakar dalam kalangan panel pakar tentang ciri-ciri terbaik Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia?”. Jadual 4.6 menunjukkan dapanan kajian bagi teknik Delphi pusingan kedua tersebut.

Jadual 4.6: Dapanan Kajian Delphi Pusingan Kedua

Bil	Item	Mod	Med	*Jak	Tahap kesepakatan
MENG ESA KAN ALLAH					
1	Kepercayaan kepada Allah atas keimanan saya.	5	5	0.00	Tinggi
2	Saya berkeyakinan teguh kepada Allah.	5	5	1.5	Sederhana
3	Saya menguatkan jiwa dengan bersabar terhadap sesuatu perkara.	5	5	0.00	Tinggi
4	Saya menyucikan jiwa dengan berzikir sebagai amalan harian.	5	5	0.00	Tinggi
5	Saya memperkuuhkan ikatan kekeluargaan kerana Allah.	5	5	0.00	Tinggi
6	Saya taat kepada ibubapa kerana Allah.	5	5	0.00	Tinggi
7	Saya menyahkan nilai-nilai bukan Islam dalam kehidupan.	5	5	0.00	Tinggi
8	Saya menerapkan nilai bahawa Allah melihat perbuatan kita setiap masa kepada pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
9	Saya mengamalkan zikir di dalam amalan sehariannya.	5	5	0.00	Tinggi
10	Saya mengingatkan pelajar bahawa, jiwa yang tenang ialah jiwa yang sentiasa ingat kepada Allah.	5	5	0.00	Tinggi
11	Saya melahirkan perasaan kagum pelajar terhadap kekuasaan Allah S.W.T dengan bukti yang nyata.	5	5	0.00	Tinggi
12	Saya sering mengaitkan pengajaran dan pembelajaran dengan keagungan ciptaan Allah.	5	5	0.00	Tinggi
13	Saya sering menanamkan dan membetulkan niat pelajar belajar kerana Allah.	5	5	1.00	Tinggi
14	Saya mengingatkan kepada pelajar bahawa hubungan sesama manusia hendaklah berlandaskan kepada mentauhidkan Allah.	5	5	1.00	Tinggi

(Ibadah)

15	Saya berusaha untuk khusyuk dalam solat.	5	5	0.00	Tinggi
16	Saya mengamalkan solat berjemaah.	5	5	0.00	Tinggi
17	Saya mampu mengajar pelajar cara solat yang betul.	5	5	0.00	Tinggi
18	Saya mampu mengajar pelajar cara bacaan di dalam solat yang betul.	5	5	0.00	Tinggi
19	Saya memaklumkan kepada pelajar bahawa membaca al Quran dapat menajamkan fikiran.	5	5	1.5	Sederhana

Mencegah diri dari perkara negative dan amalkan perkara positif (Syariat)

20	Islam menjadi peraturan kehidupan saya.	5	5	0.00	Tinggi
21	Saya bersangka baik terhadap orang lain.	5	5	0.00	Tinggi
22	Saya bersangka baik terhadap apa juar peristiwa yang terjadi.	5	5	0.00	Tinggi
23	Saya berfikiran positif di dalam menghadapi sebarang permasalahan.	5	5	0.00	Tinggi
24	Saya membina disiplin kendiri berdasarkan syariat Islam.	5	5	0.00	Tinggi
25	Saya merujuk Al Quran dan Hadis untuk menentukan hukum sesuatu perkara.	5	5	0.00	Tinggi
26	Saya mengetahui tujuan hukum syariat di jalankan.	5	5	0.00	Tinggi
27	Saya tahu batasan pergaulan dengan penganut agama lain.	5	5	0.00	Tinggi
28	Saya mengasingkan pelajar lelaki dan perempuan di dalam aktiviti yang melibatkan sentuhan.	5	5	0.00	Tinggi
29	Saya mengingatkan pelajar batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan.	5	5	0.00	Tinggi
30	Saya tahu dan mengamalkan batasan aurat di dalam pergaulan antara pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
31	Saya menerapkan kepada pelajar cara berfikir mengenal pasti sesuatu yang baik dan buruk.	5	5	0.00	Tinggi
32	Saya mengetahui bahawa berbuat baik, meninggalkan perkara yang dilarang merupakan perkara yang utama.	5	5	0.00	Tinggi
33	Saya sering menghidupkan amalan sunnah di kalangan pelajar seperti membaca doa sebelum melakukan sesuatu.	5	5	1.5	Sederhana

Sabar (Akhlak)

34	Saya berpuasa untuk memperkuuhkan sifat sabar.	5	5	0.00	Tinggi
35	Saya melayan keranah rakan sejawat dengan tenang.	5	5	0.00	Tinggi
36	Saya sering memikirkan implikasi marah.	5	5	0.00	Tinggi

37	Saya berlapang dada dengan perbezaan agama dalam masyarakat dan budaya masyarakat.	5	5	1.00	Tinggi
38	Saya redha dengan ketentuan Allah terhadap sesuatu kejadian.	5	5	0.00	Tinggi
39	Saya tidak merugut di dalam menjalankan tugas.	5	5	0.00	Tinggi
40	Saya tidak terburu-buru di dalam membuat sebarang tindakan.	5	5	0.00	Tinggi
41	Saya dapat mengawal perasaan saya di dalam sebarang situasi senang dan sukar.	5	5	0.00	Tinggi
42	Saya sering menerangkan kepada pelajar tentang kelebihan bersabar dalam menghadapi dugaan.	5	5	0.00	Tinggi

Bijaksana

43	Saya memilih aktiviti riadah yang sesuai dengan syariat Islam.	5	5	0.00	Tinggi
44	Saya yakin bahawa emosi yang stabil dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi.	5	5	0.00	Tinggi
45	Saya menggunakan ilmu untuk peningkatan akidah dan rohani.	5	5	0.00	Tinggi
46	Saya berfikir sebelum bertindak.	5	5	0.00	Tinggi
47	Saya melihat sesuatu perkara dengan pandangan jauh.	5	5	0.00	Tinggi
48	Saya suka mendekati ahli ilmuan.	5	5	0.00	Tinggi
49	Saya boleh melakukan pedebatan yang sihat.	5	5	0.00	Tinggi
50	Saya mengamalkan sifat musyawarah dalam kehidupan.	5	5	0.00	Tinggi
51	Saya berusaha untuk mendalami ilmu agama.	5	5	0.00	Tinggi
52	Saya dapat membezakan sesuatu perbuatan itu baik dan buruk.	5	5	0.00	Tinggi
53	Saya mengamalkan kerja berpasukan.	5	5	0.00	Tinggi

Berkasih Sayang

54	Saya suka membantu masyarakat yang berada dalam kesusahan.	5	5	0.00	Tinggi
55	Saya mendoakan kejayaan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
56	Saya membantu pembentukan akhlak mulia dikalangan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
57	Saya memanfaatkan ilmu untuk diri dan orang lain.	5	5	0.00	Tinggi
58	Saya melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dapat mewujudkan perasaan kasih sayang di kalangan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
59	Saya mewujudkan suasana perpaduan dan muhibbah antara bangsa san agama.	5	5	0.00	Tinggi
60	Saya bekerjasama antara satu sama lain dengan perasaan kasih sayang.	5	5	1.00	Tinggi
61	Saya menggunakan bahasa komunikasi yg sesuai dengan situasi.	5	5	0.00	Tinggi
62	Saya mengenali pelajar yang saya ajar.	5	5	0.00	Tinggi
63	Saya mendampingi pelajar dengan tertib.	5	5	1.00	Tinggi

64	Saya memanggil pelajar dengan mesra.	5	5	1.00	Tinggi
65	Saya menganggap pelajar seperti anak sendiri.	5	5	0.00	Tinggi
66	Saya memasak makanan untuk dimakan bersama-sama dengan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
67	Saya bertanya khabar pelajar sekiranya mereka sakit.	5	5	0.00	Tinggi

Mendidik

68	Saya juga mendidik pelajar bagi mencapai kecemerlangan sahsiah.	5	5	0.00	Tinggi
69	Saya sering mengingatkan pelajar tentang kesabaran.	5	5	0.00	Tinggi
70	Saya mendidik jiwa dengan zikir dan fikir.	5	5	0.00	Tinggi
71	Saya menerapkan sifat bimbingan di dalam pergaaulan dengan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
72	Saya berkongsi ilmu dengan kawan-kawan.	5	5	0.00	Tinggi
73	Saya sering memotivasiikan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
74	Saya sering menegur kesalahan pelajar secara hikmah.	5	5	0.00	Tinggi
75	Saya menghukum pelajar untuk mendidik dan bukan mendenda semata-mata.	5	5	1.00	Tinggi
76	Saya mendidik pelajar untuk bertanggungjawab dalam segala hal yang dilakukan.	5	5	0.00	Tinggi

Bersopan

77	Saya menjadi ‘role model’ kepada pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
78	Saya tidak hasad kepada orang lain.	5	5	0.00	Tinggi
79	Saya sentiasa menutup aurat di khalayak ramai.	5	5	0.00	Tinggi
80	Saya berusaha mewujudkan sifat tawadhuq di dalam diri saya.	5	5	0.00	Tinggi
81	Saya menjaga tatasusila antara agama.	5	5	0.00	Tinggi
82	Saya mengutarakan pendapat secara berhemah.	5	5	0.00	Tinggi
83	Saya menjaga tingkah laku dan tutur kata sama ada dengan pelajar dan rakan sekerja.	5	5	0.00	Tinggi
84	Saya mempunyai persepsi positif terhadap orang lain.	5	5	1.00	Tinggi
85	Saya tidak merasa bangga dengan ilmu dan kelebihan yang saya ada.	5	5	0.00	Tinggi
86	Saya menunjukkan tingkahlaku yang sopan dalam bergaul dengan pelajar dan rakan sekerja.	5	5	0.00	Tinggi
87	Saya menggunakan bahasa yang sopan apabila bercakap dengan semua orang.	5	5	0.00	Tinggi

Berani

88	Saya tidak malu bercakap benar walaupun pahit.	5	5	0.00	Tinggi
89	Saya mengamalkan sifat mahmudah (sifat mulia) dalam kehidupan.	5	5	0.00	Tinggi
90	Saya mempunyai sifat berani kerana Allah.	5	5	0.00	Tinggi
91	Saya berani mendalami ilmu yang sukar untuk kepentingan masyarakat.	5	5	0.00	Tinggi

92	Saya mendidik pelajar untuk berani tampil ke hadapan.	5	5	0.00	Tinggi
93	Saya tidak menyembunyikan kebenaran dari pihak yang sepatutnya perlu tahu tentang kebenaran.	5	5	0.00	Tinggi
94	Saya berani kembali kepada kebenaran.	5	5	0.00	Tinggi
95	Saya berani bertemu dengan pihak pengurusan untuk menyatakan kebenaran walaupun tahu akibatnya.	5	5	0.00	Tinggi
96	Berani berkata ‘saya tidak tahu’ terhadap perkara yang tidak difahami.	5	5	0.00	Tinggi
97	Saya akan mempertahankan kebenaran walaupun dicemuh oleh orang lain.	5	5	0.00	Tinggi

Adil

98	Saya tidak menzalimi diri dengan membuat kemungkaran terhadap Allah.	5	5	0.00	Tinggi
99	Hukuman yang diberikan kepada sekumpulan pelajar adalah sama tanpa membezakannya.	5	5	0.00	Tinggi
100	Saya memberi perhatian sama rata kepada semua pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
101	Saya mengingatkan pelajar tentang kesan ketidak adilan dalam perbuatan sehari-hari.	5	5	0.00	Tinggi
102	Saya melayan pelajar saya secara adil tanpa mengira latar belakang ekonomi, keturunan, jantina dan sebagainya.	5	5	1.00	Tinggi
103	Saya membuka peluang kepada setiap pelajar dalam memberi pandangan dan cadangan.	5	5	0.00	Tinggi

Tidak Sombong

104	Saya mengamalkan sifat sederhana di dalam kehidupan	5	5	0.00	Tinggi
105	Saya memperkuatkkan ingatan pada Allah untuk membuang sifat sompong.	5	5	0.00	Tinggi
106	Saya berkongsi ilmu yang saya ada kepada pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
107	Saya mempunyai sifat terbuka kepada sebarang teguran.	5	5	0.00	Tinggi
108	Saya mengamalkan sifat merendah diri dalam pergaulan sehari-hari.	5	5	0.00	Tinggi
109	Saya tidak riak semasa di puji atau di sanjung.	5	5	1.00	Tinggi
110	Saya tidak takbur kecuali terhadap orang zalim dengan tujuan mencegah tindakan orang zalim tersebut.	5	5	0.00	Tinggi
111	Saya cuba menjauhi segala sifat mazmumah (buruk) di dalam kehidupan saya.	5	5	0.00	Tinggi
112	Saya menerangkan kepada pelajar tentang konsep syukur di dalam kehidupan.	5	5	0.00	Tinggi
113	Saya sedia menerima kepelbagai idea pelajar.	5	5	0.00	Tinggi

114	Saya duduk dengan sopan dalam pergauluan seharihan.	5	5	0.00	Tinggi
-----	---	---	---	------	--------

Amanah

115	Saya menepati masa di dalam menjalankan tugas.	5	5	0.00	Tinggi
116	Saya melihat tanggung jawab sebagai amanah bukan kemuliaan.	5	5	0.00	Tinggi
117	Menyampaikan ilmu merupakan satu amanah kepada saya.	5	5	0.00	Tinggi
118	Mendidik merupakan satu amanah kepada saya.	5	5	0.00	Tinggi
119	Saya sering muhasabah diri tentang tanggung jawab sebagai pendidik.	5	5	0.00	Tinggi
120	Mencapai matlamat pendidikan merupakan satu amanah kepada saya.	5	5	0.00	Tinggi
121	Saya merasa bertanggung jawab di dalam melahirkan pelajar yang berakhlak mulia.	5	5	0.00	Tinggi
122	Saya menepati masa pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan.	5	5	0.00	Tinggi
123	Saya menjaga kepercayaan di dalam pergauluan.	5	5	0.00	Tinggi

Kreatif dan Kritis

124	Saya kreatif di dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran.	5	5	0.00	Tinggi
125	Saya perlu kreatif dan kritis di dalam mengembangkan bakat pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
126	Saya berkolaborasi dengan rakan sejawat bagi mengembangkan bakat yang ada pada pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
127	Saya mencungkil bakat pelajar untuk menjadi seorang yang kreatif dan kritis.	5	5	0.00	Tinggi
128	Saya menerapkan nilai berfikiran kreatif dan kritis kepada pelajar di dalam menyelesaikan masalah	5	5	0.00	Tinggi

* JAK = Julat Antara Kuartil

Terdapat sepuluh item yang telah diubah suai atau ditukar tanpa mengubah maksudnya mengikut kesesuaian dan kesepakatan panel pakar. Berikut adalah item yang telah di ubah suai atau ditukar tersebut.

1. Item “Saya sering menanamkan dan membetulkan niat pelajar belajar kerana Allah”; bertukar menjadi ; “Saya menanamkan niat pelajar belajar kerana Allah”.

2. Item “Saya mengingatkan kepada pelajar bahawa hubungan sesama manusia hendaklah berlandaskan kepada mentauhidkan Allah”; bertukar menjadi ; “Saya mengingatkan kepada pelajar bahawa hubungan sesama manusia hendaklah berlandaskan kepada mengagungkan Allah”.
3. Item “Saya berlapang dada dengan perbezaan agama dalam masyarakat dan budaya masyarakat” ; digantikan dengan ; “Saya berlapang dada dengan perbezaan agama dalam masyarakat”.
4. Item “Saya bekerjasama antara satu sama lain dengan perasaan kasih sayang” ; diubah menjadi ; “Saya bekerjasama dengan rakan sejawat dengan perasaan hormat menghormati”.
5. Item “Saya mendampingi pelajar dengan tertib” ; diubah menjadi ; “Saya mendampingi pelajar dengan mesra”.
6. Item “Saya memanggil pelajar dengan mesra” ; diubah menjadi ; “Saya memanggil pelajar dengan nama panggilan yang baik”.
7. Item “Saya menghukum pelajar untuk mendidik dan bukan mendenda semata-mata” ; ditukar menjadi ; “Saya menghukum pelajar adalah untuk mendidik”.
8. Item “Saya mempunyai persepsi positif terhadap orang lain” ; diubah menjadi ; “Saya mempunyai pandangan positif terhadap orang lain”.
9. Item “Saya melayan pelajar saya secara adil tanpa mengira latar belakang ekonomi, keturunan, jantina dan sebagainya” ; ditukar menjadi ; “Saya melayan pelajar saya secara adil tanpa mengira latar belakang”.
10. Item “Saya tidak riak semasa di puji atau di sanjung” ; ditukar menjadi ; “Saya tidak riak semasa di puji”.

Selain itu, terdapat beberapa penambahan item yang telah disepakati oleh panel pakar. Item tersebut ialah ;

1. Dalam dimensi Meng Esa kan Allah (Tauhid)

- a. Item “Saya berkeyakinan teguh kepada Allah”; telah digantikan dengan; “Guru merupakan pewaris para nabi dalam menyebarkan ilmu”.

Pertukaran ini di lakukan kerana item asalnya adalah sama maksudnya dengan item yang sebelumnya. Oleh itu, panel pakar telah bersetuju untuk menukar item tersebut.

2. Dalam dimensi Ibadah

- a. Item “Saya memaklumkan kepada pelajar bahawa membaca al Quran dapat menajamkan fikiran”; telah digantikan dengan; “Saya mampu membaca Al Quran dengan baik”.

Pertukaran item ini dilakukan kerana item tersebut mempunyai maksud yang sama dengan item yang sebelumnya. Oleh itu, panel pakar bersetuju untuk menuarkannya bagi mengukuhkan maksud item tersebut.

- b. Item “Saya tidak pernah meninggalkan amalan berpuasa di bulan Ramadhan”.
- c. Item “Saya sering mengamalkan berpuasa sunat terutamanya “Puasa Enam Syawal”
- d. Item “Saya sering mengamalkan berpuasa sunat terutamanya puasa Isnin dan Khamis”.

Item bagi b, c dan d adalah item baru yang ditambah dalam dimensi Ibadah.

3. Dalam dimensi Syariat (Mencegah diri dari perkara negatif dan amalkan perkara positif) terdapat satu item yang telah dibuat penambahbaikan dengan menggantikan item yang sedia ada kepada yang baru. Ini dilakukan oleh panel pakar bagi mengukuhkan maksud yang hendak diukur oleh item tersebut. Item tersebut adalah;

- a. Item “Saya sering menghidupkan amalan sunnah di kalangan pelajar seperti membaca doa sebelum melakukan sesuatu”; di gantikan dengan item; “Saya membimbing pelajar membaca doa sebelum melakukan pengajaran dan pembelajaran”.

Secara ringkasnya, terdapat 132 item yang telah ditemui dalam sesi pusingan kedua Delphi. Item ini digunakan dalam sesi pusingan ketiga Delphi.

4.4.3 Dapatan Pusingan Ketiga Delphi

Soal selidik bagi pusingan ini adalah hasil dapatan sesi pusingan kedua Delphi. Instrumen dihantar semula kepada lima belas orang panel pakar beserta analisis pusingan yang lalu. Semua panel pakar tidak boleh membuat penambahbaikan pada item yang telah diberikan. Panel pakar hanya boleh memberi skala kepada semua pernyataan yang diberikan dan memberi persetujuan. Skor mod, median dan Julat Antara Kuartil digunakan dalam Ukuran Kecenderungan Berpusat. Kajian ini ditamatkan pada keseluruhannya apabila semua panel pakar telah mencapai kesepakatan pandangan yang tinggi bagi setiap item. Dapatan ditunjukkan dalam jadual 4.7.

Jadual 4.7: Perincian Penganalisan Data Sesi Pusingan Ketiga Delphi

Bil	Item	SKALA			Tahap Kesepakatan
		Mod	Med	JAK	
MENG ESA KAN ALLAH (Tauhid)					
1	Kepercayaan kepada Allah atas keimanan saya.	5	5	0.00	Tinggi
2	Guru merupakan pewaris para nabi dalam menyebarkan ilmu.	5	5	0.50	Tinggi
3	Saya menguatkan jiwa dengan bersabar terhadap sesuatu perkara.	5	5	0.00	Tinggi
4	Saya menyucikan jiwa dengan berzikir sebagai amalan harian.	5	5	0.00	Tinggi
5	Saya memperkuatkan ikatan kekeluargaan kerana Allah.	5	5	0.00	Tinggi
6	Saya taat kepada ibubapa kerana Allah.	5	5	0.00	Tinggi
7	Saya menyahkan nilai-nilai mungkar dalam kehidupan.	5	5	0.00	Tinggi
8	Saya menerapkan nilai bahawa Allah melihat perbuatan kita setiap masa kepada pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
9	Saya mengamalkan zikir di dalam amalan sehari saya.	5	5	0.00	Tinggi

10	Saya mengingatkan pelajar bahawa, jiwa yang tenang ialah jiwa yang sentiasa ingat kepada Allah.	5	5	0.00	Tinggi
11	Saya melahirkan perasaan kagum pelajar terhadap kekuasaan Allah S.W.T dengan bukti yang nyata.	5	5	0.00	Tinggi
12	Saya mengaitkan pengajaran dan pembelajaran dengan keagungan ciptaan Allah.	5	5	0.00	Tinggi
13	Saya menanamkan niat pelajar belajar kerana Allah.	5	5	0.00	Tinggi
14	Saya mengingatkan kepada pelajar bahawa hubungan sesama manusia hendaklah berlandaskan kepada mengagungkan Allah.	5	5	0.00	Tinggi

(Ibadah)

15	Saya berusaha untuk khusyuk dalam solat.	5	5	0.00	Tinggi
16	Saya mengamalkan solat berjemaah.	5	5	0.00	Tinggi
17	Saya mampu mengajar pelajar cara solat yang betul.	5	5	0.50	Tinggi
18	Saya mampu mengajar pelajar cara bacaan di dalam solat yang betul.	5	5	0.00	Tinggi
19	Saya mampu membaca al Quran dengan baik.	5	5	0.00	Tinggi
20	Saya memaklumkan kepada pelajar bahawa membaca al Quran dapat menajamkan fikiran.	5	5	0.00	Tinggi
21	Saya tidak pernah meninggalkan amalan berpuasa di bulan Ramadhan.	5	5	0.50	Tinggi
22	Saya sering mengamalkan berpuasa sunat terutamanya “Puasa Enam Syawal”.	5	5	0.50	Tinggi
23	Saya sering mengamalkan berpuasa sunat terutamanya puasa Isnin dan Khamis.	5	5	0.50	Tinggi

Mencegah diri dari perkara negatif dan amalkan perkara positif (Syariat)

24	Islam menjadi peraturan kehidupan saya.	5	5	0.00	Tinggi
25	Saya bersangka baik terhadap orang lain.	5	5	0.00	Tinggi
26	Saya bersangka baik terhadap apa jua peristiwa yang terjadi.	5	5	0.00	Tinggi
27	Saya berfikiran positif di dalam menghadapi sebarang permasalahan.	5	5	0.00	Tinggi
28	Saya membina disiplin kendiri berdasarkan syariat Islam.	5	5	0.00	Tinggi
29	Saya merujuk Al Quran dan Hadis untuk menentukan hukum sesuatu perkara.	5	5	0.00	Tinggi
30	Saya mengetahui tujuan hukum syariat di jalankan.	5	5	0.00	Tinggi
31	Saya tahu batasan pergaularan dengan penganut agama lain.	5	5	0.00	Tinggi
32	Saya mengasingkan pelajar lelaki dan perempuan di dalam aktiviti yang melibatkan sentuhan.	5	5	0.00	Tinggi

33	Saya mengingatkan pelajar batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan.	5	5	0.00	Tinggi
34	Saya mengamalkan batasan aurat di dalam pergaulan antara pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
35	Saya menerapkan kepada pelajar cara berfikir mengenal pasti sesuatu yang baik dan buruk.	5	5	0.00	Tinggi
36	Saya mengetahui bahawa meninggalkan perkara yang dilarang merupakan perkara yang utama.	5	5	0.00	Tinggi
37	Saya membimbing pelajar membaca doa sebelum melakukan pengajaran dan pembelajaran.	5	5	0.50	Tinggi

Sabar (Akhlak)

38	Saya berpuasa untuk memperkuatkkan sifat sabar.	5	5	0.00	Tinggi
39	Saya melayan keranah rakan sejawat dengan tenang.	5	5	0.00	Tinggi
40	Saya sering memikirkan implikasi marah.	5	5	0.00	Tinggi
41	Saya berlapang dada dengan perbezaan agama dalam masyarakat.	5	5	0.00	Tinggi
42	Saya redha dengan ketentuan Allah terhadap sesuatu kejadian.	5	5	0.00	Tinggi
43	Saya tidak merugut di dalam menjalankan tugas.	5	5	0.00	Tinggi
44	Saya tidak terburu-buru di dalam membuat sebarang tindakan.	5	5	0.00	Tinggi
45	Saya dapat mengawal perasaan saya di dalam sebarang situasi senang dan sukar.	5	5	0.00	Tinggi
46	Saya sering menerangkan kepada pelajar tentang kelebihan bersabar dalam menghadapi dugaan.	5	5	0.00	Tinggi

Bijaksana

47	Saya memilih aktiviti riadah yang sesuai dengan syariat Islam.	5	5	0.00	Tinggi
48	Saya yakin bahawa emosi yang stabil dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi.	5	5	0.00	Tinggi
49	Saya menggunakan ilmu untuk peningkatan akidah dan rohani.	5	5	0.00	Tinggi
50	Saya berfikir terlebih dahulu sebelum bertindak.	5	5	0.00	Tinggi
51	Saya melihat sesuatu perkara dengan pandangan jauh.	5	5	0.00	Tinggi
52	Saya suka mendekati ahli ilmuan.	5	5	0.00	Tinggi
53	Saya boleh melakukan pedebatan yang sihat.	5	5	0.00	Tinggi
54	Saya mengamalkan sifat musyawarah dalam kehidupan.	5	5	0.00	Tinggi
55	Saya berusaha untuk mendalami ilmu agama.	5	5	0.00	Tinggi
56	Saya dapat membezakan sesuatu perbuatan itu baik dan buruk.	5	5	0.00	Tinggi
57	Saya mengamalkan kerja berpasukan.	5	5		Tinggi

Berkasih Sayang

58	Saya suka membantu masyarakat yang berada dalam kesusahan.	5	5	0.00	Tinggi
59	Saya mendoakan kejayaan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
60	Saya membantu pembentukan akhlak mulia di kalangan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
61	Saya memanfaatkan ilmu untuk diri dan orang lain.	5	5	0.00	Tinggi
62	Saya melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dapat mewujudkan perasaan kasih sayang di kalangan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
63	Saya mewujudkan suasana perpaduan dan muhibbah antara bangsa dan agama.	5	5	0.00	Tinggi
64	Saya bekerjasama dengan rakan sejawat dengan perasaan hormat menghormati.	5	5	0.00	Tinggi
65	Saya menggunakan bahasa komunikasi yang sesuai dengan situasi.	5	5	0.00	Tinggi
66	Saya mengenali pelajar yang saya ajar.	5	5	0.00	Tinggi
67	Saya mendampingi pelajar dengan mesra.	5	5	0.00	Tinggi
68	Saya memanggil pelajar dengan nama panggilan yang baik.	5	5	0.00	Tinggi
69	Saya menganggap pelajar seperti anak sendiri.	5	5	0.00	Tinggi
70	Saya memasak makanan untuk dimakan bersama-sama dengan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
71	Saya bertanya khabar pelajar sekiranya mereka sakit.	5	5	0.00	Tinggi

Mendidik

72	Saya juga mendidik pelajar bagi mencapai kecemerlangan sahsiah.	5	5	0.00	Tinggi
73	Saya sering mengingatkan pelajar tentang kesabaran.	5	5	0.00	Tinggi
74	Saya mendidik jiwa dengan zikir dan fikir.	5	5	0.00	Tinggi
75	Saya menerapkan sifat bimbingan di dalam pergaaulan dengan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
76	Saya berkongsi ilmu dengan kawan-kawan.	5	5	0.00	Tinggi
77	Saya sering memotivasiikan pelajar.	5	5	0.00	Tinggi
78	Saya sering menegur kesalahan pelajar secara hikmah.	5	5	0.00	Tinggi
Rajah 4.2: Model Ubah suai ujian Konfirmatori Antara Dimensi

Jadual 4.23: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling*

bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Antara Dimensi

Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatkan Model	Keterangan
Chi-Square	≤ 525.026	1011.051	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.892	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.867	Baik
CFI	≥ 0.90	0.947	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.057	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	2.856	Baik
TLI	≥ 0.80	0.939	Baik

Selepas modifikasi dilakukan, Model Ubahsuai ujian Konfirmatori Antara Dimensi menunjukkan Chi-square bernilai 1011.05 dengan probabiliti $p = 0.00$. Ini menunjukkan dimensi di dalam model tersebut adalah signifikan *** pada aras 0.00 dengan mempunyai hubungan yang baik. Nilai-nilai GFI, AGFI, TLI dan RMSEA juga menunjukkan nilai yang hubungan yang baik iaitu $GFI = 0.89$, $AGFI = 0.87$, $CFI = 0.95$, $TLI = 0.94$ dan $RMSEA = 0.06$. Ini menunjukkan dimensi yang diuji boleh diterima dengan baik (Bentler, 1993 dalam Bollen, 1993).

Nilai GFI sebesar 0.89 berstatus baik kerana bernilai lebih dari 0.80. Manakala RMSEA sebesar 0.06 berstatus baik kerana bernilai kurang dari 0.08. RMSEA merupakan indeks kelayakan model yang mengukur penyimpangan nilai parameter suatu model dengan matriks kovarian populasinya (Browne dan Cudek, 1993 dalam Bollen, 1993). Nilai AGFI sebesar 0.87 adalah berstatus baik di mana bernilai lebih dari 0.80 , dan TLI bernilai 0.94 berstatus baik kerana melebihi nilai 0.90. Indeks kelayakan model pada bahagian *incremental fit* diukur dari nilai CFI. Nilai indeks kelayakan dengan

Comparative Fit Index (CFI) dicadangkan nilai lebih dari 0.95 (Hair *et al.*, 1998) atau sekurang-kurangnya 0.90 (Kelloway, 1998) dan hasil pengiraan model telah mencapai CFI=0.95 dengan berstatus baik. Ini menunjukkan komponen *incremental fit* model ubah suai ini boleh diterima.

4.6 Model Moderasi Kepimpinan Murabbi


Bagi menjawab soalan kajian “Bagaimakah model Kepimpinan Murabbi untuk organisasi pendidikan berdasarkan konteks Malaysia?” Pengkaji menggunakan model SEM (Model Persamaan Struktural) bagi melihat pengaruh moderasi antara model Ciri-ciri Kepimpinan Murabbi. Di mana metod termudah pengaruh moderasi antara ciri-ciri Kepimpinan Murabbi pada SEM yang kompleks adalah metod Ping (1995).

Analisis bagi setiap ciri dilakukan bagi membandingkan nilai chi-square, probabiliti, GFI, AGFI, CFI, RMSEA dan CMIN/DF setiap cadangan model asal ciri-ciri Kepimpinan Murabbi dengan model ubah suai ciri-ciri Kepimpinan Murabbi. Ini di lakukan bagi mendapatkan satu model fit (Ping, 1995) yang sesuai digunakan dalam membentuk Model Kepimpinan Murabbi.

Ciri Kepimpinan Murabbi yang pertama ialah Tauhid (meng Esa kan Allah). Rajah 4.3 dan jadual 4.23 menunjukkan Model Ubah suai Ciri Tauhid dan nilai chi-square, probabiliti, GFI, AGFI, CFI, RMSEA dan CMIN/DF.

CIRI TAUHID

Fitness Indexes
ChiSq= 13.457
Probability = .491
GFI=.994
AGFI=.985
CFI= 1.000
RMSEA=.000
CMIN/DF= .961
TLI = 1.001



Rajah 4.3: Model Ubah suai Ciri Tauhid

Selepas modifikasi dilakukan, Model Ubahsuai ujian Konfirmatori ciri Tauhid menunjukkan wujudnya perhubungan antara setiap item yang dikaji dalam ciri Tauhid. Ini ditunjukkan melalui anak panah hubungan antara setiap item dengan item yang lain.

Jadual 4.24: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling*

bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Ciri Tauhid


Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatkan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	142.232	13.457	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.491	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.939	0.994	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.889	0.985	Baik
CFI	≥ 0.90	0.935	1.000	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.104	0.000	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	7.112	0.961	Baik
TLI	≥ 0.80	0.910	1.001	Baik

signifikan ***pada aras 0.01

Chi-square sebelum dilakukan model ubah suai adalah 142.232 iaitu lebih besar berbanding dengan nilai selepas dilakukan model ubah suai iaitu bernilai 13.46 berstatus baik dengan probabiliti $p = 0.049$. Ini menunjukkan ciri di dalam model tersebut adalah signifikan ***pada aras 0.01 dengan mempunyai hubungan yang baik. Nilai-nilai GFI, AGFI, CFI, RMSEA, CMIN/DF dan TLI sebelum model ubah suai menunjukkan status baik dengan nilai $GFI = 0.94$, $AGFI = 0.89$, $CFI = 0.94$, $RMSEA = 0.10$, $CMIN/DF = 7.11$ dan $TLI = 0.91$. Selepas model ubah suai di lakukan, model menunjukkan nilai yang hubungan yang baik iaitu $GFI = 0.99$, $AGFI = 0.99$, $CFI = 1.00$, $RMSEA = 0.00$, $CMIN/DF = 0.96$ dan $TLI = 1.00$. Ini menunjukkan ciri yang diuji boleh diterima dengan baik (Bentler, 1993 dalam Bollen, 1993).

CIRI SYARIAT

Fitness Indexes
 ChiSq = 70.696
 Probability = .000
 GFI=.964
 AGFI=.927
 CFI=.974
 RMSEA=.084
 CMIN/DF= 5.050
 TLI = .961



Rajah 4.4: Model Ciri Syariat

Jadual 4.25: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling*
bagi Model Ujian Konfirmatori Ciri Syariat


Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	70.696	-	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	-	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.964	-	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.927	-	Baik
CFI	≥ 0.90	0.974	-	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.084	-	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	5.050	-	Baik
TLI	≥ 0.80	0.961	-	Baik

signifikan *** pada aras 0.01

Model Ubah suai Ciri Syariat tidak di lakukan kerana Model Ciri Syariat telah *fit*. Model menunjukkan nilai yang hubungan yang baik iaitu GFI = 0.97, AGFI = 0.93, CFI = 0.97, RMSEA = 0.08, CMIN/DF = 5.05 dan TLI = 0.96. Ini menunjukkan ciri yang diuji boleh diterima dengan baik.

CIRI IBADAH

Fitness Indexes
 ChiSq= 21.955
 Probability = .000
 GFI=.983
 AGFI=.913
 CFI=.978
 RMSEA=.132
 CMIN/DF= 10.978
 TLI = .934



Rajah 4.5: Model Ciri Ibadah

Jadual 4.26: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling* bagi Model Ujian Konfirmatori Ciri Ibadah


Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	21.955	-	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	-	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.983	-	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.913	-	Baik
CFI	≥ 0.90	0.978	-	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.132	-	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	10.978	-	Baik
TLI	≥ 0.80	0.934	-	Baik

signifikan *** pada aras 0.01

Model Ubah suai Ciri Ibadah tidak dilakukan kerana ia telah mencapai nilai fit yang ditetapkan. Model menunjukkan nilai yang hubungan yang baik iaitu GFI = 0.98, AGFI = 0.91, CFI = 0.98, RMSEA = 0.13, CMIN/DF = 10.98 dan TLI = 0.93. Ini menunjukkan ciri yang diuji boleh diterima dengan baik.

CIRI ADIL

Fitness Indexes
 ChiSq= 10.174
 Probability = .038
 GFI=.994
 AGFI=.969
 CFI=.996
 RMSEA=.052
 CMIN/DF= 2.544
 TLI = .986



Rajah 4.6: Model Ubah Suai Ciri Adil

Jadual 4.27: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling* bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Ciri Adil

Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatkan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	78.636	10.174	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.038	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.954	0.994	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.893	0.969	Baik
CFI	≥ 0.90	0.957	0.996	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.117	0.052	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	8.737	2.544	Baik
TLI	≥ 0.80	0.929	0.986	Baik

signifikan *** pada aras 0.01


Model Ubah suai Ciri Adil di lakukan bagi mendapatkan model yang lebih *fit*. Bagi Model Ciri Adil, model ini boleh dikekalkan tanpa ubah suai. Ini kerana nilai *overall measurement* telah mencapai piawaian yang telah ditetapkan. Namun begitu, melalui model ubah suai tersebut, perkaitan antara item yang dikaji dapat dilihat dengan jelas dan menjadikan Model Ubah suai Ciri Ibadah lebih *fit*. Nilai Chi-square sebelum dilakukan model ubah suai adalah 78.64 iaitu telah mencapai nilai yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan 525.026. namun begitu, nilai Chi-square selepas dilakukan model ubah suai iaitu bernilai 10.17 dengan berstatus baik dan nilai $p = 0.04$.

Ini menunjukkan ciri di dalam model tersebut adalah signifikan *** pada aras 0.01 dengan mempunyai hubungan yang baik. Selepas model ubah suai di lakukan, model menunjukkan nilai yang hubungan yang baik iaitu $GFI = 0.99$, $AGFI = 0.97$, $CFI = 0.99$, $RMSEA = 0.05$, $CMIN/DF = 2.54$ dan $TLI = 0.99$. Ini menunjukkan ciri yang diuji boleh diterima dengan baik. Nilai-nilai GFI, AGFI, CFI, RMSEA, CMIN/DF dan TLI sebelum

model ubah suai jugamenunjukkan status baik dengan nilai GFI = 0.95, AGFI = 0.89, CFI = 0.96, RMSEA = 0.12, CMIN/DF = 8.74 dan TLI = 0.93.

CIRI AMANAH

Fitness Indexes
ChiSq= 271.722
Probability = .000
GFI=.897
AGFI=.828
CFI=.916
RMSEA=.126
CMIN/DF= 10.064
TLI = .888



Rajah 4.7: Model Ubah suai Ciri Amanah

Jadual 4.28: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling* bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Ciri Amanah


Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatkan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	34.084	4.308	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.230	Baik
GFI	≥ 0.80	0.975	0.997	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.926	0.985	Baik
CFI	≥ 0.90	0.981	0.999	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.101	0.028	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	6.817	1.436	Baik
TLI	≥ 0.80	0.962	0.997	Baik

signifikan *** pada aras 0.01

Model Ubah suai Ciri Amanah telah di lakukan bagi mengukuhkan lagi Model Ciri Amanah menjadi lebih *fit*. Walau pun nilai Chi-square sebelum dilakukan model ubah suai adalah 34.08 iaitu mencapai nilai yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan 525.026 namun begitu, model ubah suai dilakukan bagi mendapatkan nilai yang lebih baik dan *fit*. Nilai Chi-square selepas dilakukan model ubah suai iaitu bernilai 4.31 yang berstatus baik dengan nilai $p = 0.23$.

Ciri di dalam model tersebut adalah signifikan *** pada aras 0.01 dengan mempunyai hubungan yang baik. Nilai-nilai GFI, AGFI, CFI, RMSEA, CMIN/DF dan TLI sebelum model ubah suai menunjukkan baik dengan nilai GFI = 0.98, AGFI = 0.93, CFI = 0.98, RMSEA = 0.10, CMIN/DF = 6.81 dan TLI = 0.96. Selepas model ubah suai di lakukan, model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.99, AGFI = 0.99, CFI = 0.99, RMSEA = 0.03, CMIN/DF = 1.44 dan TLI = 0.99. Ini menunjukkan ciri yang diuji boleh diterima dengan baik.

CIRI BERANI



Rajah 4.8: Model Ubah suai Ciri Berani

Jadual 4.29: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling* bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Ciri Berani

Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	202.720	69.920	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.000	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.927	0.976	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.885	0.952	Baik
CFI	≥ 0.90	0.945	0.986	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.092	0.053	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	5.792	2.590	Baik
TLI	≥ 0.80	0.930	0.977	Baik

signifikan *** pada aras 0.01


Model Ubah suai Ciri Berani di lakukan bagi mengukuhkan lagi Model Ciri Berani menjadi lebih *fit* walaupun nilai *overall measurement model* Ciri Berani telah mencapai piawai yang ditetapkan. Nilai Chi-square selepas dilakukan model ubah suai adalah 69.92 iaitu lebih baik berbanding nilai Chi-square sebelum melakukan model ubah suai iaitu 202.72. Walau bagaimana pun, kedua-dua nilai tersebut telah mencapai nilai yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan 525.026 dengan berstatus baik dan nilai $p = 0.000$.

Ini menunjukkan ciri di dalam model tersebut adalah signifikan *** pada aras 0.01 dengan mempunyai hubungan yang baik. Selepas model ubah suai di lakukan, model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.98, AGFI = 0.95, CFI = 0.99, RMSEA = 0.05, CMIN/DF = 2.59 dan TLI = 0.98. Nilai ini adalah lebih *fit* berbanding sebelum model ubah suai dilakukan. Nilai-nilai GFI, AGFI, CFI, RMSEA, CMIN/DF dan TLI sebelum model ubah suai juga menunjukkan status baik dengan nilai

GFI = 0.93, AGFI = 0.89, CFI = 0.95, RMSEA = 0.09, CMIN/DF = 5.79 dan TLI = 0.93.

Ini menunjukkan kedua-dua Model Asal Ciri Berani dan Model Ubah suai Ciri Berani boleh di terima dengan baik.

CIRI BERKASIH SAYANG



Rajah 4.9: Model Ubah suai Ciri Berkasih Sayang

Jadual 4.30: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling* bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Ciri Berkasih Sayang


Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatkan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	185.785	41.984	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.033	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.935	0.985	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.898	0.970	Baik
CFI	≥ 0.90	0.950	0.995	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.087	0.031	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	5.308	1.555	Baik
TLI	≥ 0.80	0.935	0.992	Baik

signifikan *** pada aras 0.01

Model Ubah suai Ciri Berkasih Sayang di lakukan bagi mendapatkan nilai model yang lebih *fit*. Bagi Model Ciri Berkasih Sayang, model ini nilai *overall measurement* tidak mencapai piawaian yang telah ditetapkan. Nilai Chi-square sebelum dilakukan model ubah suai adalah 185.79 iaitu mencapai nilai yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan 525.026. Manakala, nilai Chi-square selepas dilakukan model ubah suai iaitu bernilai 41.98 dengan berstatus baik dan nilai $p = 0.03$.

Ini menunjukkan ciri di dalam model tersebut adalah signifikan *** pada aras 0.01 dengan mempunyai hubungan yang baik. Selepas model ubah suai di lakukan, model menunjukkan nilai yang hubungan yang baik iaitu $GFI = 0.99$, $AGFI = 0.97$, $CFI = 0.99$, $RMSEA = 0.03$, $CMIN/DF = 1.55$ dan $TLI = 0.99$. Ini menunjukkan ciri yang diuji boleh diterima dengan baik. Nilai-nilai GFI , $AGFI$, CFI , $RMSEA$, $CMIN/DF$ dan TLI sebelum model ubah suai juga menunjukkan status baik dengan nilai $GFI = 0.94$, $AGFI = 0.89$, $CFI = 0.95$, $RMSEA = 0.09$, $CMIN/DF = 5.31$ dan $TLI = 0.94$.

CIRI BERSOPAN



Rajah 4.10: Model Ubah suai Ciri Bersopan

Jadual 4.31: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling* bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Ciri Bersopan


Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	211.040	85.326	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.000	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.937	0.975	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.905	0.955	Baik
CFI	≥ 0.90	0.955	0.987	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.082	0.048	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	4.796	2.306	Baik
TLI	≥ 0.80	0.943	0.981	Baik

signifikan *** pada aras 0.01

Model Ubah suai Ciri Bersopan telah di lakukan bagi mengukuhkan lagi Model Ciri Bersopan menjadi lebih *fit*. Walau pun nilai Chi-square sebelum dilakukan model ubah suai adalah 211.04 iaitu mencapai nilai yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan 525.026 namun begitu, model ubah suai dilakukan bagi mendapatkan nilai yang lebih baik dan *fit*. Nilai Chi-square selepas dilakukan model ubah suai iaitu bernilai 85.33 yang berstatus baik dengan nilai $p = 0.000$.

Ciri di dalam model tersebut adalah signifikan ***pada aras 0.01 dengan mempunyai hubungan yang baik. Nilai-nilai GFI, AGFI, CFI, RMSEA, CMIN/DF dan TLI sebelum model ubah suai menunjukkan baik dengan nilai GFI = 0.94, AGFI = 0.91, CFI = 0.96, RMSEA = 0.08, CMIN/DF = 4.79 dan TLI = 0.94. Selepas model ubah suai di lakukan, model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.98, AGFI = 0.96, CFI = 0.99, RMSEA = 0.05, CMIN/DF = 2.31 dan TLI = 0.98. Ini menunjukkan ciri yang diuji boleh diterima dengan baik.

CIRI BIJAKSANA



Rajah 4.11: Model Ubah suai Ciri Bijaksana

Jadual 4.32: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling* bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Ciri Bijaksana


Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatkan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	167.355	50.529	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.000	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.937	0.981	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.895	0.958	Baik
CFI	≥ 0.90	0.942	0.987	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.096	0.052	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	6.918	2.526	Baik
TLI	≥ 0.80	0.923	0.977	Baik

signifikan *** pada aras 0.01

Seperti Model Ciri Bersopan, Model Ubah suai Ciri Bijaksana juga telah dibentuk bagi mengukuhkan lagi Model Ciri Bijaksana menjadi lebih *fit*. Walau pun nilai Chi-square sebelum dilakukan model ubah suai adalah 167.36 iaitu mencapai nilai yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan 525.026 namun begitu, model ubah suai dilakukan bagi mendapatkan nilai yang lebih baik dan *fit*. Nilai Chi-square selepas dilakukan model ubah suai iaitu bernilai 50.53 yang berstatus baik dengan nilai $p = 0.00$.

Ciri di dalam model tersebut adalah signifikan ***pada aras 0.01 dengan mempunyai hubungan yang baik. Nilai-nilai GFI, AGFI, CFI, RMSEA, CMIN/DF dan TLI sebelum model ubah suai menunjukkan baik dengan nilai GFI = 0.94, AGFI = 0.89, CFI = 0.94, RMSEA = 0.09, CMIN/DF = 6.92 dan TLI = 0.92. Selepas model ubah suai di lakukan, model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.98, AGFI = 0.96, CFI = 0.99, RMSEA = 0.05, CMIN/DF = 2.53 dan TLI = 0.98. Ini menunjukkan ciri yang diuji boleh diterima dengan baik dan lebih *fit* berbanding model asal.

CIRI MENDIDIK



Rajah 4.12: Model Ubah suai Ciri Mendidik

Jadual 4.33: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling* bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Ciri Mendidik

Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatkan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	152.811	22.306	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.219	Baik
GFI	≥ 0.80	0.943	0.991	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.905	0.979	Baik
CFI	≥ 0.90	0.957	0.999	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.090	0.021	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	5.660	1.239	Baik
TLI	≥ 0.80	0.943	0.999	Baik


signifikan *** pada aras 0.01

Model Ubah suai Ciri Mendidik di lakukan bagi mengukuhkan lagi Model Ciri Berani menjadi lebih *fit* walaupun nilai *overall measurement model* Ciri Mendidik telah mencapai piawai yang ditetapkan. Nilai Chi-square selepas dilakukan model ubah suai adalah 22.31 iaitu lebih baik berbanding nilai Chi-square sebelum melakukan model ubah suai iaitu 152.81. Walau bagaimana pun, kedua-dua nilai tersebut telah mencapai nilai yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan 525.026 dengan berstatus baik dan nilai $p = 0.22$ dan $p = 0.00$ pada model asal.

Ini menunjukkan ciri di dalam model tersebut adalah signifikan ***pada aras 0.01 dengan mempunyai hubungan yang baik. Selepas model ubah suai di lakukan, model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu $GFI = 0.99$, $AGFI = 0.98$, $CFI = 0.99$, $RMSEA = 0.02$, $CMIN/DF = 1.24$ dan $TLI = 0.99$. Nilai ini adalah lebih *fit* berbanding sebelum model ubah suai dilakukan. Nilai-nilai GFI, AGFI, CFI, RMSEA, CMIN/DF dan TLI sebelum model ubah suai juga menunjukkan status baik dengan nilai $GFI = 0.94$, $AGFI = 0.91$, $CFI = 0.96$, $RMSEA = 0.09$, $CMIN/DF = 5.66$ dan $TLI = 0.94$. Ini menunjukkan kedua-dua Model Asal Ciri Mendidik dan Model Ubah suai Ciri Mendidik boleh di terima dengan baik.

CIRI SABAR

Fitness Indexes
 ChiSq= 63.274
 Probability = .000
 GFI=.976
 AGFI=.932
 CFI=.980
 RMSEA=.072
 CMIN/DF= 3.955
 TLI = .955



Rajah 4.13: Model Ubah suai Ciri Sabar

Jadual 4.34: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling* bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Ciri Sabar


Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	251.398	63.274	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.000	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.905	0.976	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.842	0.932	Baik
CFI	≥ 0.90	0.905	0.980	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.121	0.072	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	9.311	3.955	Baik
TLI	≥ 0.80	0.874	0.955	Baik

signifikan *** pada aras 0.01

Model Ubah suai Ciri Sabar adalah sama keadaan dengan Model Ubah suai Mendidik di mana, model ubah suai di lakukan bagi mengukuhkan lagi Model Ciri Sabar menjadi lebih *fit*. Walaupun nilai *overall measurement model* Ciri Sabar telah mencapai piawai yang ditetapkan. Nilai Chi-square selepas dilakukan model ubah suai adalah 63.27 iaitu lebih baik berbanding nilai Chi-square sebelum melakukan model ubah suai iaitu 251.398. Walau bagaimana pun, kedua-dua nilai tersebut telah mencapai nilai yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan 525.026 dengan berstatus baik dan nilai $p = 0.000$.

Ini menunjukkan ciri di dalam model tersebut adalah signifikan *** pada aras 0.01 dengan mempunyai hubungan yang baik. Selepas model ubah suai di lakukan, model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu $GFI = 0.98$, $AGFI = 0.93$, $CFI = 0.98$, $RMSEA = 0.07$, $CMIN/DF = 3.96$ dan $TLI = 0.96$. Nilai ini adalah lebih *fit* berbanding sebelum model ubah suai dilakukan. Nilai-nilai GFI, AGFI, CFI, RMSEA, CMIN/DF dan TLI sebelum model ubah suai juga menunjukkan status baik dengan nilai $GFI = 0.91$, $AGFI = 0.84$, $CFI = 0.91$, $RMSEA = 0.12$, $CMIN/DF = 9.31$ dan $TLI = 0.87$. Ini menunjukkan kedua-dua Model Asal Ciri Sabar dan Model Ubah suai Ciri Sabar boleh di terima dengan baik.

CIRI TIDAK SOMBONG



Rajah 4.14: Model Ubah suai Ciri Tidak Sombong

Jadual 4.35: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling* bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Ciri Sabar

Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	117.351	42.353	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.001	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.947	0.982	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.905	0.962	Baik
CFI	≥ 0.90	0.962	0.990	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.092	0.051	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	5.868	2.491	Baik
TLI	≥ 0.80	0.947	0.984	Baik


signifikan *** pada aras 0.01

Seperti Model Ciri Bijaksana, Bersopan, Mendidik, dan Sabar, Model Ubah suai Ciri Tidak sompong juga telah dibentuk bagi mengukuhkan lagi Model Ciri Tidak Sombong menjadi lebih *fit*. Walau pun nilai Chi-square sebelum dilakukan model ubah suai adalah 117.03 iaitu mencapai nilai yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan 525.026 namun begitu, model ubah suai dilakukan bagi mendapatkan nilai yang lebih baik dan *fit*. Nilai Chi-square selepas dilakukan model ubah suai iaitu bernilai 42.35 yang berstatus baik dengan nilai $p = 0.00$.

Ciri di dalam model tersebut adalah signifikan ***pada aras 0.01 dengan mempunyai hubungan yang baik. Nilai-nilai GFI, AGFI, CFI, RMSEA, CMIN/DF dan TLI sebelum model ubah suai menunjukkan baik dengan nilai GFI = 0.95, AGFI = 0.91, CFI = 0.96, RMSEA = 0.09, CMIN/DF = 5.87 dan TLI = 0.95. Selepas model ubah suai di lakukan, model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.98, AGFI = 0.96, CFI = 0.99, RMSEA = 0.05, CMIN/DF = 2.49 dan TLI = 0.98. Ini menunjukkan ciri yang diuji boleh diterima dengan baik dan lebih *fit* berbanding model asal.

CIRI KREATIF DAN KRITIS

Fitness Indexes
ChiSq= 4.962
Probability = .084
GFI=.996
AGFI=.974
CFI=.997
RMSEA=.051
CMIN/DF= 2.481
TLI = .987



Rajah 4.15: Model Ubah suai Ciri Kreatif dan Kritis

Jadual 4.36: Penilaian *Overall Measurement Model Fit Structural Equation Modeling* bagi Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Ciri Kreatif dan Kritis

Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatkan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	41.779	4.962	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.084	Baik
GFI	≥ 0.80	0.972	0.996	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.917	0.974	Baik
CFI	≥ 0.90	0.967	0.997	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.114	0.051	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	8.356	2.481	Baik
TLI	≥ 0.80	0.934	0.987	Baik

signifikan *** pada aras 0.01


Sama seperti Model Ciri Bijaksana, Bersopan, Mendidik, Sabar dan Tidak Sombong, Model Ubah suai Ciri Kreatif dn Kritis juga telah dibentuk bagi mengukuhkan lagi Model Ciri Ktratif dan Kritis menjadi lebih *fit*. Walau pun nilai Chi-square sebelum dilakukan model ubah suai adalah 41.78 iaitu mencapai nilai yang ditetapkan iaitu mesti kurang atau sama dengan 525.026 namun begitu, model ubah suai dilakukan bagi mendapatkan nilai yg lebih baik dan *fit*. Nilai Chi-square selepas dilakukan model ubah suai iaitu bernilai 4.96 yang berstatus baik dengan nilai $p = 0.08$ dan nilai $p = 0.00$ bagi model asal.

Ciri di dalam model tersebut adalah signifikan ***pada aras 0.01 dengan mempunyai hubungan yang baik. Nilai-nilai GFI, AGFI, CFI, RMSEA, CMIN/DF dan TLI sebelum model ubah suai menunjukkan baik dengan nilai GFI = 0.97, AGFI = 0.92, CFI = 0.97, RMSEA = 0.11, CMIN/DF = 8.36 dan TLI = 0.93. Selepas model ubah suai di lakukan, model menunjukkan nilai yang hubungan yang lebih baik iaitu GFI = 0.99, AGFI = 0.97, CFI = 0.99, RMSEA = 0.05, CMIN/DF = 2.48 dan TLI = 0.99. Ini menunjukkan ciri yang diuji boleh diterima dengan baik dan lebih *fit* berbanding model asal.

Kesimpulannya, kesemua model ciri yang di terangkan menunjukkan bahawa model ciri tersebut boleh diterima dengan baik sama ada model tersebut di buat penambahbaikan dengan model ubah suai atau pun tidak. Ini menunjukkan kesemua ciri tersebut boleh digunakan dalam membentuk satu Model Kepimpinan Murabbi.

Ciri-ciri Kepimpinan Murabbi sebanyak tiga belas ciri dari empat dimensi kajian telah di *compute* nilai *variable*. Ianya dilakukan bagi meperolehi nilai dan gambaran penuh dan jelas. Model modifikasi Ciri-ciri Kepimpinan Murabbi di tunjukkan dalam rajah 4.16.

MODEL UBAHSUAI KEPIMPINAN MURABBI




Rajah 4.16: Model Ubah Suai Kepimpinan Murabbi

Jadual 4.37: Penilaian *Overall Measurement Model Fit* bagi Model Modifikasi Kepimpinan Murabbi

Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatan Model		Keterangan
		Sebelum	Selepas	
Chi-Square	≤ 525.026	572.526	274.827	Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	0.000	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.835	0.928	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.769	0.869	Baik
CFI	≥ 0.90	0.928	0.968	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.117	0.089	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	8.808	5.497	Baik
TLI	≥ 0.80	0.913	0.950	Baik

signifikan *** pada aras 0.01

Selepas model ubah suai dilakukan, Model Modifikasi Kepimpinan Murabbi menunjukkan Chi-square bernilai 274.83 menunjukkan status baik kerana kurang atau sama 525.026, dengan nilai $p = 0.00$ berstatus kurang baik kerana ia tidak mencapai nilai lebih atau sama 0.05. Nilai CFI sebesar 0.93 berstatus baik kerana bernilai lebih dari 0.80. Manakala RMSEA sebesar 0.08 berstatus baik kerana bernilai kurang dari 0.08 dan nilai TLI bernilai 0.95 berstatus baik kerana melebihi nilai 0.90. Nilai GFI = 0.93 juga adalah baik kerana melebihi nilai 0.80, nilai AGFI = 0.87 juga berstatus baik kerana melebihi atau sama nilai piawai 0.80. Nilai CMIN/DF pula adalah 5.49 iaitu kurang atau sama dari 5.00 nilai yang telah ditetapkan. Indeks kelayakan model pada bahagian *incremental fit* diukur dari nilai CFI. Nilai indeks kelayakan dengan *Comparative Fit Index* (CFI) merekomendasikan nilai lebih dari 0.95 (Hair *et al.*, 1998) atau sekurang-kurangnya 0.90 (Kelloway, 1998) dan hasil pengiraan model telah mencapai 0.998 dengan berstatus baik. Ini menunjukkan komponen *incremental fit* model ubah suai ini diterima.



MODEL MODERASI KEPIMPINAN MURABBI

Rajah 4.17: Model Moderasi Kepimpinan Murabbi

Jadual 4.38: Penilaian *Overall Measurement Model Fit* bagi Model Moderasi Kepimpinan Murabbi

Goodness-of-fit	Cut-off Value	Dapatkan Model	Keterangan
Chi-Square	≤ 525.026	1413.993	Kurang Baik
Probabiliti	≥ 0.05	0.000	Kurang Baik
GFI	≥ 0.80	0.842	Baik
AGFI	≥ 0.80	0.815	Baik
CFI	≥ 0.90	0.916	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.070	Baik
CMIN/DF	≤ 5.00	3.811	Baik
TLI	≥ 0.80	0.908	Baik

signifikan *** pada aras 0.01

Secara keseluruhannya, pengkaji telah membina satu Model Moderasi Kepimpinan murabbi yang dapat menggambarkan dimensi Kepimpinan Murabbi dan juga ciri-ciri Kepimpinan Murabbi. Nilai chi-square bagi model ini adalah 1413.99 berstatus kurang baik dengan nilai probabiliti adalah 0.00 . Namun begitu, nilai *fit* model tersebut adalah berstatus baik dengan nilai GFI = 0.84, AGFI = 0.82, CFI = 0.92, RMSEA = 0.07, CMIN/DF = 3.81 dan nilai TLI = 0.91. Secara keseluruhannya, nilai-nilai yang ditunjukkan tersebut menggambarkan Model Moderasi Kepimpinan Murabbi tersebut boleh diterima baik kerana telah melepas nilai *fit* yang ditetapkan.

4.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, Bab 4 ini telah memaparkan ke empat-empat dimensi Kepimpinan Murabbi dengan tiga belas ciri utama. Ke empat-empat dimensi tersebut adalah Meng Esa kan Allah (Tauhid) Ibadah, Syariat dan Akhlak. Ciri-ciri Kepimpinan Murabbi yang utama pula ialah Tauhid, Ibadah, Syariat, Sabar, Bijaksana, Berkasih

Sayang, Mendidik, Bersopan, Berani Berkata Benar, Adil, Tidak Sombong, Amanah, dan Kreatif dan Kritis.

Secara umumnya, model yang diubah suai adalah lebih baik berbanding model asal bagi semua hubungan dimensi Kepimpinan Murabbi dan juga ciri-ciri utama Kepimpinan Murabbi. Keadaan ini menunjukkan bahawa ada item-item yang kurang sesuai dengan budaya dan kebudayaan masyarakat tempatan telah dibuang. Model Moderasi Kepimpinan Murabbi juga menunjukkan model tersebut boleh diterima dengan nilai yang telah melepassi aras yang ditetapkan.

Bab 5 : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dapatan-dapatan yang telah diperolehi kajian ini. Ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, rumusan dapatan kajian, implikasi dapatan kajian dan cadangan kajian lanjutan akan dibincangkan dalam bab ini. Perbincangan turut dilakukan mengikut fasa kajian mengikut teknik Delphi iaitu fasa analisis keperluan, fasa rekabentuk dan fasa penilaian. Bahagian akhir bab ini membincangkan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji lain.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mendapat satu model Kepimpinan Murabbi yang berteraskan kepada iklim pembelajaran di Malaysia. Banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan kepimpinan dalam organisasi pendidikan namun, boleh dikatakan tidak banyak kajian berkaitan pembinaan model Kepimpinan Murabbi di Malaysia.

Kajian ini telah dijalankan dalam tiga fasa kajian iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan fasa penilaian. Dalam fasa pertama iaitu fasa analisis keperluan, data dikumpulkan menerusi temubual separa berstruktur dengan soalan respons tertutup dan soalan respons terbuka. Pada fasa ini, terdapat 24 orang peserta kajian yang terlibat yang terdiri daripada Pengetua Jusa C, Pengetua DG 52, Timbalan Pengetua / GPK DG48, Guru Cemerlang, Ketua Jabatan / Ketua Bidang, Guru Kanan / Ketua Panatia dan Guru. Peserta kajian ini dipilih mengikut pengalaman mereka di dalam pendidikan dan ciri-ciri yang tertentu. Peserta kajian ini juga mewakili sekolah berasrama penuh, sekolah luar

bandar dan bandar. Analisis daripada hasil dapatan menyokong keperluan terhadap pembinaan model Kepimpinan Murabbi. Fasa ini dapat menjawab tiga soalan kajian fasa analisis keperluan iaitu “Apakah keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan?”, “Apakah bentuk keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan?” dan “Apakah dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah.”

Fasa ke dua kajian ialah fasa reka bentuk dalam teknik Delphi. Dalam fasa ini, peserta kajian terdiri daripada 15 orang peserta kajian. Peserta kajian ini terdiri daripada panel pakar yang telah bersetuju memberi komitmen, mempunyai kepakaran dalam kepimpinan pendidikan, dan mempunyai pengalaman yang luas dalam pendidikan iaitu sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman. Panel pakar tersebut telah melalui tiga pusingan teknik Delphi sehingga mencapai kata sepakat yang diharapkan. Pada fasa ini, dua soalan kajian telah dijawab iaitu “Sejauhmanakah kesepakatan pandangan pakar dalam kalangan panel pakar tentang dimensi Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia?” dan “Sejauhmanakah kesepakatan pakar dalam kalangan panel pakar tentang ciri-ciri terbaik Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia?”.

Dalam fasa ini pusingan pertama, empat dimensi telah disepakati oleh panel pakar iaitu dimensi Meng Esa kan Allah (Tauhid) yang mengandungi 14 item utama yang telah dikenalpasti. Dimensi kedua ialah Ibadah yang mengandungi sembilan item yang telah dikenalpasti pada peringkat awal. Dimensi ke tiga ialah dimensi Syariat iaitu mencegah diri dari perkara negatif dan mengamalkan perkara positif yang mengandungi 14 item sebagai pengukuran. Dimensi terakhir ialah dimensi Akhlak yang dibahagikan kepada 10 bahagian utama iaitu Sabar (mengandungi 9 item sebagai pengukuran), Bijaksana (mengandungi 11 item sebagai pengukuran), Berkasih Sayang (14 item sebagai pengukuran), Mendidik (9 item sebagai pengukuran), Bersopan (11 item sebagai

pengukuran), Berani Berkata Benar (10 item sebagai pengukuran), Adil (6 item sebagai pengukuran), Tidak Sombong (11 item sebagai pengukuran), Amanah (9 item sebagai pengukuran), dan Kreatif dan Kritis (5 item sebagai pengukuran).

Dalam pusingan kedua fasa reka bentuk, beberapa pengubahsuaian, penambahan dan pengguguran item telah dilakukan hasil daripada kesepakatan panel pakar. Ini dilakukan bagi memantapkan lagi item pengukuran bagi setiap dimensi. Secara ringkasnya, pusingan kedua ini telah mencapai kesepakatan panel pakar terhadap 133 item dalam pengukuran dimensi dan ciri-ciri Kepimpinan Murabbi.

Dalam pusingan ketiga teknik Delphi bagi fasa rekabentuk, panel pakar telah diberikan semula item yang telah ditambah baikan dengan syarat panel pakar tidak boleh membuat penambahbaikan pada item yang diberikan. Panel pakar hanya boleh memberi skala kepada semua pernyataan yang diberikan. Skala satu hingga lima ini diberikan bagi menentukan tahap persetujuan panel pakar. Secara keseluruhannya, tahap kesepakatan pakar adalah tinggi bagi setiap item yang telah dibentuk dan dipersetujui. Analisis Diskriptif digunakan iaitu dengan mengambil kira pengukuran mod, median dan julat antara kuartil. Tahap persetujuan ini diuji dengan menggunakan Julat Antara Kuartil (JAK) yang menunjukkan skor $JAK = 0.00$ hingga 1.00 yang berada paras tinggi bagi setiap item. Skor mod dan median pula berada pada aras lima bagi kesemua item. Ini juga menunjukkan tahap kesepakatan pakar untuk sangat setuju terhadap setiap item yang dibentuk. Sebanyak 132 item yang dibentuk dan disepakati oleh panel pakar tersebut merangkumi empat dimensi utama.

Fasa terakhir adalah fasa penilaian dalam teknik Delphi. Bahagian ini menunjukkan hasil dapatan daripada analisis data yang dikutip melalui kajian tinjauan. Analisis dilakukan bagi menjawab tiga soalan kajian pada fasa penilaian iaitu “Apakah tahap persetujuan

perlaksanaan amalan Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah di Malaysia?”, “Adakah terdapat perhubungan yang signifikan dari segi dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah Malaysia?” dan “Bagaimanakah model Kepimpinan Murabbi untuk organisasi pendidikan berdasarkan konteks Malaysia?”.

Bagi menjawab soalan kajian yang pertama pada fasa penilaian, pengkaji menganalisis data yang diperolehi dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan peratusan dan min. Analisis data yang diperolehi dapat menjawab tahap persetujuan perlaksanaan amalan Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah. Sampel kajian yang terlibat adalah seramai 570 orang dari 11 buah negeri iaitu Kelantan, Selangor, Pahang, Johor, Sarawak, Sabah, Terengganu, Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perak. Sekolah-sekolah yang terlibat adalah MRSM dan sekolah menengah kebangsaan yang terpilih. Tahap persetujuan ini di analisis menggunakan analisis deskriptif iaitu peratusan (%) dan min bagi setiap item yang diuji mengikut dimensi. Nilai peratusan digunakan bagi menunjukkan tahap persetujuan sampel dengan menggunakan skala likert iaitu 1 = sangat tidak setuju (STS), 2 = tidak setuju (TS), 3 = kurang pasti (KP), 4 = Setuju (S) dan 5 = sangat setuju (SS). Nilai peratusan persetujuan sampel kajian adalah berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu berada pada tahap 90% ke atas bagi setuju dan sangat setuju untuk setiap item yang dianalisis. Manakala nilai min berada pada tahap yang tinggi iaitu pada paras $\text{min} = 4.0$ ke atas dan hanya tiga item sahaja yang mendapat nilai $\text{min} = 3.8$ hingga nilai $\text{min} = 3.9$ iaitu nilai bagi item nombor 3, 4 dan 9 bagi dimensi Ibadah. Walaupun nilai minnya di antara $\text{min} = 3.8$ hingga $\text{min} = 3.9$, nilai ini juga dikategorikan sebagai tinggi kerana iannya melebihi nilai $\text{min} = 3.5$.

Data kajian tinjauan dianalisis dengan menggunakan analisis SEM (Model Persamaan Struktural). Keempat-empat dimensi dikovariarkan dalam satu model bagi menjawab

soalan kajian iaitu “Adakah terdapat perhubungan yang signifikan dari segi dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah Malaysia?”. Terdapat dua model korfirmatori antara dimensi iaitu yang asal dan yang telah diubah suai. Dalam model asal model korfirmatori antara dimensi menunjukkan nilai Chi-square ialah 4116.160 dan nilai-nilai GFI, AGFI, TLI dan RMSEA menunjukkan nilai hubungan yang sederhana. Setelah model ubahsuai di jalankan, perhubungan antara dimensi menunjukkan peningkatan perhubungan antara dimensi. Di mana, nilai GFI, AGFI, TLI dan RMSEA menunjukkan nilai baik iaitu melepas tahap yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan oleh Bentler, 1993 dalam Bollen, 1993. Nilai indeks kelayakan dengan *Comparative Fit Index* (CFI) dicadangkan nilai lebih dari 0.95 (Hair *et al.*, 1998) atau sekurang-kurangnya 0.90 (Kelloway, 1998). Hasil dari model ubah suai ini telah menunjukkan perhubungan antara dimensi yang berstatus baik iaitu nilai CFI telah mencapai 0.923. Ini menunjukkan komponen *incremental fit* model ubah suai ini boleh diterima.

Bagi menjawab soalan kajian yang terakhir dalam fasa penilaian iaitu “Bagaimanakah model kepimpinan murabbi untuk organisasi pendidikan berdasarkan konteks Malaysia?”. Pengkaji juga menggunakan kaedah analisis SEM (Model Persamaan Struktural). Ia merupakan metod termudah pengaruh moderasi antara ciri-ciri Kepimpinan Murabbi pada SEM yang kompleks adalah metod Ping (1995).

Analisis bagi setiap ciri dilakukan bagi membandingkan nilai chi-square, probabiliti, GFI, AGFI, CFI, RMSEA dan CMIN/DF setiap cadangan model asal ciri-ciri Kepimpinan Murabbi dengan model ubah suai ciri-ciri Kepimpinan Murabbi. Ini di lakukan bagi mendapatkan satu model fit (Ping, 1995) yang sesuai digunakan dalam membentuk Model Kepimpinan Murabbi.

Secara keseluruhannya, nilai-nilai chi-square, probabiliti, GFI, AGFI, CFI, RMSEA dan CMIN/DF bagi setiap ciri-ciri Kepimpinan Murabbi telah mencapai nilai *Goodness-of-fit* (*cut-off value*) iaitu nilai Chi-Square kurang atau sama 525.026, nilai probabiliti lebih atau sama 0.05 (tidak dicapai bagi semua ciri), nilai GFI lebih atau sama 0.80, nilai AGFI lebih atau sama 0.80, nilai CFI lebih atau sama 0.90, nilai RMSEA kurang atau sama 0.08, nilai CMIN/DF kurang atau sama dengan 5.00 dan nilai TLI lebih atau sama 0.80. Nilai-nilai tersebut dicapai sama ada pada model asal mahupun pada model ubah suai bagi setiap ciri. Ini menggambarkan bahawa model tersebut adalah *fit* dan boleh diterima. Selain itu juga model-model yang dibina ini adalah signifikan dengan data yang dikaji.

Pada peringkat akhir analisis data fasa penilaian, pengkaji telah mereka bentuk satu model ubah suai Kepimpinan Murabbi. Nilai yang diperolehi oleh chi-square, probabiliti, GFI, AGFI, CFI, RMSEA dan CMIN/Df adalah mencapai nilai aras yang telah ditetapkan. Selain itu juga, model yang diubah suai adalah lebih baik berbanding model asal bagi semua hubungan dimensi Kepimpinan Murabbi dan juga ciri-ciri utama Kepimpinan Murabbi. Keadaan ini menunjukkan bahawa ada item-item yang kurang sesuai dan perlu penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Secara keseluruhannya, setiap fasa kajian teknik Delphi telah berjaya menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan. Bermula dari fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan fasa penilaian. Pada asasnya, ia telah berjaya membentuk satu Model Kepimpinan Murabbi mengikut acuan pendidikan di Malaysia.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan teknik Delphi tiga fasa. Fasa-fasa berikut merangkumi fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan fasa penilaian. Perbicangan terperinci dilakukan mengikut hasil dapatan bagi setiap fasa tersebut.

5.3.1 Fasa Analisis Keperluan

Fasa analisis keperluan yang dilakukan ke atas 24 peserta kajian bagi menjawab soalan kajian iaitu “Apakah keperluan Kepimpinan Murabbi di dalam organisasi pendidikan?”, Soalan yang dikemukakan adalah soalan jenis terbuka dan soalan tertutup. Peserta kajian yang ditemui telah mengemukakan pendapat mereka tentang keperluan Kepimpinan Murabbi diwujudkan di sekolah-sekolah. Penjelasan berkaitan panduan yang dimaksudkan telah diperincikan dalam jawapan respon terbuka. Peserta kajian menginginkan satu keperluan Kepimpinan Murabbi sebagai panduan kepada guru-guru terutamanya guru-guru baru. Selain itu juga, panduan yang khusus juga dapat membentuk budaya dan menjadi panduan kepada peranan yang harus dimainkan oleh seorang guru. Penegasan terhadap ciri-ciri seorang guru diperlukan di dalam pembentukan guru juga turun ditekankan oleh peserta kajian.

Keperluan terhadap panduan guru ini dapat menggerakkan guru-guru dalam membentuk corak kerja dan perkembangan kerjaya seseorang itu (Martinez-Lopez *et, al.* 2010; Mason 2010; Rafisah Othman 2009; Rimm-Kaufman & Sawyer 2004; Rorlinda Yusof 2009; Steele 2010; Weisel & Dror 2006). Panduan ini ditegaskan oleh Al Ghazali sebagai jambatan penggerak antara ilmu dan tindakkan seseorang. Amalan yang tidak sesuai dan tidak berterusan di dalam organisasi tidak dapat membentuk budaya organisasi (Alavi & McCormick, 2004; Harris, 2011; Jashapara, 2003; Lakomski, 2001; Rosnah, 2013).

Soalan kajian kedua dalam fasa analisis keperluan adalah “Apakah bentuk keperluan kepimpinan murabbi di dalam organisasi pendidikan?”. Bagi soalan kajian kedua ini, peserta kajian memilih satu amalan dan ciri-ciri terbaik bagi seorang guru. Peserta kajian mengharapkan dengan kajian yang dilakukan dapat menjadi rujukan kepada guru-guru di dalam membentuk guru yang hebat dan unggul. Pemilihan ciri-ciri dan amalan yang terbaik ini dapat membangunkan seorang guru menjadi lebih bermatlamat. Di mana, guru bukan sahaja berperanan di dalam kelas semata-mata tetapi juga menjadi model sahsiah peringkat tinggi (Noornajihan Jaafar, 2014). Ahli-ahli organisasi dapat menyumbangkan ke arah kecemerlangan organisasi dengan mengamalkan dan mempelajari amalan terbaik (Shahuren Ismail, 2007).

Dalam kajian ini, pemilihan ciri-ciri terbaik sebagai seorang murabbi menunjukkan ia menyumbang kepada pembentukan sahsiah serta penghayatan pelajar. Hal ini dibuktikan dengan kajian oleh Ab. Halim Tamuri (2011) bahawa, persekitaran dan contoh terbaik guru dapat membentuk sahsiah pelajar. Islam telah menggariskan beberapa langkah yang perlu di ambil oleh seorang muslim bagi meningkatkan nilai diri. Antara langkahnya ialah menyakini diri ini diciptakan dengan sebaik-baik kejadian seperti yang dinyatakan dalam Al Quran surah al-Tin, ayat 95 yang bermaksud;

“Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baiknya”

Al-Tin; 95:4

Selain itu juga, keperluan kepada ciri-ciri yang terbaik bagi seorang guru yang dijadikan asas panduan dalam kajian ini diperlukan bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam surah Ali Imran ayat 79 yang bermaksud,

“...Hendaklah kamu menjadi orang-orang robbani, karena kamu selalu mengajarkan Kitab dan disebabkan kamu tetap mempelajarinya”

Ali Imran; 3:79

Menurut Wan Ubaidillah (2014), konsep murabbi menurut kaca mata Islam merupakan satu tanggung jawab mengendalikan sesuatu urusan dan setiap seorang berperanan sebagai pemimpin. Dalam konteks pendidikan, guru berperanan penting membimbing pelajar ke arah matlamat menjadikan insan seimbang dan setiap guru mempunyai hak untuk mempunyai panduan di dalam kehidupan mereka sebagai guru.

Bagi menjawap soalan kajian “Apakah dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah” dalam fasa analisis keperluan. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini telah mengemukakan beberapa pandangan mereka terhadap dimensi Kepimpinan Murabbi di antaranya ialah berfokuskan kepada akhlak, akidah (tauhid), ibadah dan juga syariat. Ini dikukuhkan lagi dengan sorotan kajian yang dilakukan oleh Wan Ubaidillah (2014), dalam kajiannya menyatakan bahawa guru-guru harus memainkan peranan memimpin warga sekolah dalam mewujudkan budaya sekolah yang menghidupkan nilai-nilai akidah dan akhlak yang tinggi khususnya kepada pelajar. Di samping itu juga, akhlak yang mulia seperti sabar, syukur dan tawakal ditekankan di dalam amalan kehidupan orang Islam. Ini dibuktikan dengan hadis Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Muslim, bermaksud;

“Alangkah kagumnya dengan orang mukmin. Semua urusannya berjalan lancar.

Golongan mukmin itu apabila dikurniakan kesenangan, mereka bersyukur kerana itulah yang terbaik untuk mereka dan apabila ditimpa dengan musibah, mereka bersabar kerana itulah yang terbaik buat mereka.”

Sahih Muslim: Hadis no. 7692

Hasil dari pandangan dan pendapat peserta kajian di peringkat analisis keperluan, pengkaji dapat merumuskan iaitu terdapat empat dimensi utama yang harus diberi penekanan iaitu Tauhid, Ibadah, Syariat dan Akhlak. Ini dikukuhkan lagi dengan sorotan kajian yang dilakukan oleh Noornajihah Jaafar (2014) yang menyatakan sebagai seorang murabbi, pemikiran, sikap dan tingkahlaku guru haruslah berdasarkan kepada matlamat ketuhanan atau akhirat. Al- Hafiz al- Suwaid (1988) menyatakan pemikiran, sikap dan tingkahlaku guru haruslah selari dengan keredhaan Allah S.W.T. Hapidah Mohamed (2001) turut menyatakan bahawa domain pemikiran guru menyumbang secara signifikan dan langsung kepada prestasi pengajaran guru itu sendiri.

5.3.2 Fasa Reka Bentuk

Perbincangan dapatan fasa reka bentuk ini menjurus kepada soalan kajian yang telah dibentuk iaitu “Sejauhmanakah kesepakatan pandangan pakar dalam kalangan panel pakar tentang dimensi Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia?” dan “Sejauhmanakah kesepakatan pakar dalam kalangan panel pakar tentang ciri-ciri terbaik Kepimpinan Murabbi berdasarkan konteks Malaysia?”. Seramai 15 orang panel pakar telah bersepakat bahawa dimensi utama di dalam Kepimpinan Murabbi ialah Meng Esa kan Allah (Tauhid), Ibadah, Syariat dan juga Akhlak. Kesepakatan ini diperolehi melalui analisis julat antara kuartil ke atas data yang dikutip menggunakan teknik Delphi tiga pusingan. Ke empat-empat dimensi yang telah disepakati tersebut dikukuhkan lagi dengan sorotan kajian yang lepas dan disokong oleh dapatan kajian fasa analisis keperluan. Perbincangan dapatan fasa reka bentuk adalah berdasarkan kepada dimensi, elemen dan ciri-ciri seperti mana berikut.

Dalam kajian ini, dimensi Meng Esa kan Allah (Tauhid) mempunyai sebanyak 14 item yang telah disepakati oleh panel pakar untuk digunakan dalam pengukuran. Beberapa

item telah diubah suai bagi mendapatkan gambaran yang lebih tepat. Dalam dimensi Meng Esa kan Allah, terdapat banyak elemen yang boleh digunakan bagi pengukuran dimensi tersebut. Namun begitu, antara elemen yang ada dalam dimensi tersebut adalah menggunakan semua organ jasmani untuk tunduk kepada Allah, menguatkan jiwa seperti bersabar, menyucikan jiwa dengan zikir, meningkatkan budaya ilmu, memperkuuhkan ikatan kekeluargaan dan taat kepada ibubapa kerana Allah. Elemen yang disenaraikan tersebut merupakan kesepakatan pakar yang menjuruskan kepada pengamalan guru dan juga pelajar.

Ini dikukuhkan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Noornajihan Jaafar (2014) yang mendapati bahawa tahap sifat ikhlas dan taqwa yang ada dalam diri guru belum mencapai tahap yang memuaskan. Ikhlas kerana Allah merupakan sahsiah utama yang perlu ada pada seorang guru. Pandangan yang menyatakan murabbi perlu membebaskan diri daripada faktor-faktor lain untuk mengajar muridnya hanya kerana Allah S.W.T (Abdullah Nasih ‘Alwan, 1968; Anzali Samiun Jazuli 2006). Penghambaan diri kepada Allah merupakan pokok utama di dalam kehidupan seseorang muslim. Ini di kukuhkan lagi dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Bayyinah yang bermaksud;

“Dan tidaklah diperintahkan (kepada manusia) kecuali untuk menghambakan diri kepada Allah S.W.T dengan ikhlasNya.

Al-Bayyinah; 98:5

Sebagai murabbi, pastinya berusaha untuk mencapai tingkat taqwa dan tauhid yang tinggi (Abdullah Nasih ‘Alwan, 1968). Ini kerana mukmin hendaklah berusaha untuk mencapai tingkat taqwa merupakan perintah Allah S.W.T seperti di dalam surah al-Taubah. Di samping itu juga, murabbi yang berusaha untuk mengukuhkan tauhid dan taqwa ini akan

diberikan oleh Allah S.W.T jalan keluar daripada sebarang kesulitan sama ada dalam pengajaran mahupun kehidupan serta di datangkan rezeki daripada rezeki yang tidak disangka-sangka seperti firman Allah S.W.T yang bermaksud;

“Barangsiaapa bertaqwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar (2). Dan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangkanya dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya, sesungguhnya Allah melaksanakan urusan yang (dikehendaki) Nya, seseungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu (3).

Al-Talaq; 65:2-3

Selain dari itu juga, Allah S.W.T menjelaskan lagi firman Nya di dalam surah Luqman yang bermaksud;

“Dan ingatlah ketika Luqman berkata kepada puteranya, dikala dia mengajarinya: ‘Wahai anakku, janganlah engkau mempersekuat dengan Allah, sesungguhnya mempersekuat itu adalah anjaya yang amat besar’.”

Luqman; 31:13.

Kajian ini menunjukkan bahawa, seorang murabbi sewajarnya mempunyai dimensi Tauhid di dalam kehidupan mereka sebagai pengukuhan akidah dan pengangan hidup mereka. Ini ditunjukkan di dalam analisis julat antara kuartil bagi dimensi Tauhid, di mana semua panel pakar bersetuju sebulat suara dengan nilai mod dan median adalah 5, skala julat antara kuartil ialah antara 0.00 hingga 0.50, dan tahap kesepakatan yang tinggi.

Dimensi Ibadah yang telah disepakati oleh panel pakar mengandungi elemen utama yang diukur ialah penumpuan terhadap ibadah khusus, pengukuhan jiwa melalui ibadah, amalan di dalam ibadah, dan penekanan terhadap aspek sosial di dalam ibadah. Terdapat sembilan item yang telah dibentuk bagi mengukur dimensi tersebut.

Menurut hasil dapatan kajian oleh Noornajihan Jaafar (2014), guru-guru berusaha untuk mempertingkatkan masa bagi melakukan amalan sunat dengan pelbagai cara seperti menetapkan niat, mujahadah melawan nafsu, istiqamah melakukan amalan ibadah walaupun sedikit, dan memperuntukan masa khusus untuk beribadah ketika berada di rumah.

Dimensi ini juga disokong oleh dapatan kajian oleh Ab. Halim Tamuri *et, al.* (2010) yang menyatakan bahawa guru-guru masih lagi berada pada tahap sederhana di dalam mengamalkan ibadah sunat seperti berwirid / zikir, solat berjemaah, solat sunat rawatib, menderma, membaca Al Quran, berpuasa sunat Isnin Khamis, dan membaca tafsir Al Quran. Untuk membentuk keperibadian seorang murabbi, sudah tentu jiwa rohani dan amalan taqarrub perlu menjadi amalan kepada murabbi.

Ini dikukuhkan lagi dengan firman Allah S.W.T dalam surah Ar-Ruum yang bermaksud;

“Adapun orang-orang yang beriman dan beramal yang soleh-soleh maka mereka itu di dalam syurga akan dibuat gembira.”

Ar-Ruum; 30:15.

Hamka (1981), dalam tafsiran beliau terhadap ayat tersebut menyatakan bahawa hidup di dunia ini adalah sangat singkat dan hendaklah diisi dengan amalan dan ibadah yang

soleh serta perbuatan-perbuatan yang baik, kerana ia akan memberikan keselamatan di alam akhirat. Ini menunjukkan bahawa amal ibadah merupakan amalan yang perlu ada di dalam kehidupan seorang muslim di dalam mencari kerdhaan Allah.

Hasil dari dapatan kajian menunjukkan nilai min dan mod adalah 5 dan julat antara kuartil yang disepakati oleh panel pakar adalah di antara 0.00 hingga 0.50 dengan tahap kesepakatan yang tinggi. Selain itu, beberapa pengubah suaian terhadap item dilakukan bagi mengukuhkan lagi item tersebut sebagai alat pengukuran. Pengubah suaian tersebut dilakukan dengan menggunakan tiga pusingan fasa rekabentuk yang melibatkan 15 panel pakar sehingga mendapat kesepakatan yang tinggi.

Dimensi yang ketiga adalah dimensi Syariat iaitu mencegah diri dari perkara negatif dan amalkan perkara positif. Terdapat 14 item yang telah dikenalpasti sebagai pengukuran. Elemen utama yang diukur adalah berkaitan dengan batasan aurat, kemampuan mengenalpasti kebaikan dan keburukan sesuatu perkara, amalan sunnah, mengetahui tujuan hukum syariat, mengetahui batas pergaulan dengan penganut lain.

Dalam dimensi Syariat (Mencegah diri dari perkara negatif dan amalkan perkara positif) terdapat satu item yang telah dibuat penambahbaikan dengan menggantikan item yang sedia ada kepada yang baru. Ini dilakukan oleh panel pakar bagi mengukuhkan maksud yang hendak diukur oleh item tersebut.

Menurut pendapat Harun Nasution (1986) menyatakan bahawa amal ma'ruf nahi mungkar merupakan pintu keimanan dan ianya memelihara keimanan tersebut. Ini dikuatkan lagi dengan pengulangan sebanyak 32 kali perkataan ma'ruf di dalam Al Quran dengan membawa erti mengajak kearah kebaikan sama ada dalam pertuturan, bertindak dan tingkah laku. Manakala perkataan nahi munkar pula di dalam Al Quran memberi

maksud sesuatu yang dipandang buruk sama ada mengikut pandangan syariat mahu pun mengikut pandangan akal umumnya.

Menurut Hamka (1981) dalam Tasif Al Azhar menyatakan hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud;

“Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya tuhan Allah adalah baik dan tidak Allah suka menerima; kecuali yang baik pula. Dan Allah Ta’ala memerintahkan kepada orang yang beriman sebagaimana perintah yang diberikan Nya kepada rasul-rasul juga.”

Sahih Muslim, Tirmizi dan Abu Hurairah: Hadis No. 1686

Hasil dari dapatan kajian menunjukkan nilai min dan mod adalah 5 dan julat antara kuartil yang disepakati oleh panel pakar adalah di antara 0.00 hingga 0.50 dengan tahap kesepakatan yang tinggi.

Dimensi yang ke empat adalah Akhlak. Dimensi akhlak ini dibahagikan kepada sepuluh bahagian utama. Ini kerana, akhlak merupakan dimensi yang terbesar dalam pengukuran pembinaan Model Kepimpinan Murabbi. Terdapat 95 item yang dikenal pasti bagi pengukuran tersebut. Sepuluh bahagian utama yang yang diukur adalah untuk ciri-ciri akhlak tersebut ialah sifat sabar, berkasih sayang, mendidik, bersopan, berani berkata benar, adil, tidak sompong, amanah dan, kreatif dan kritis. Hasil dari dapatan kajian menunjukkan nilai min dan mod adalah 5 dan julat antara kuartil yang disepakati oleh panel pakar adalah di antara 0.00 hingga 0.50 dengan tahap kesepakatan yang tinggi.

Kajian yang di jalankan oleh Noornajihan Jaafar (2014) menunjukkan ciri murabbi guru terutamanya guru Pendidikan Islam di dalam kemahiran psikologi berada pada tahap cemerlang. Di mana seorang murabbi tersebut akan memudahkan urusan hal ehwal pelajar, berwajah ceria, mengambil tahu prestasi dan perkembangan pelajar, meraikan pendapat pelajar dan memberikan kata-kata perangsang kepada pelajar. Memberi hadiah juga merupakan satu contoh motivasi luaran yang diberikan kepada pelajar untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh (Rahil Mahyuddin & Habibah Elias 2003; Sahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub 2003).

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Tusoff (2007), pula dalam kajian mereka menyatakan tentang mewujudkan persefahaman yang baik antara guru dan pelajar, anatara guru sesama guru dan menggunakan bentuk komunikasi yang sesuai. Ini akan menjadikan suasana lebih harmoni dan suasana positif wujud dalam persekitaran persekolahan.

Kajian Salleh Abd Rashid (2003) mendapati ciri murabbi yang menjadi peramal terbaik kepada komitmen murid adalah hubungan guru pelajar. Ini kerana guru mampu membantu pelajar di dalam pembelajaran dan pembentukan sahsiah. Ini di sokong oleh Davis (2003) yang menyatakan tentang hubungan antara guru dan pelajar dapat memberi kesan terhadap pembelajaran pelajar dan pencapaian akademik mereka. Klem & Connell (2004) pula menyatakan bahawa apabila guru cuba menjadikan pengajaran yang menarik, menunjukkan sifat mengambil berat, jujur serta melayan tingkah laku pelajar secara adil, pelajar akan membalaunya dengan menunjukkan tingkah laku yang lebih positif.

Menurut pesanan Al Ghazali guru sebagai seorang murabbi, haruslah menjaga hubungan baik dan tutur kata dengan pelajar dan rakan terutamanya dalam usaha memberi penerangan dan mendidik sahsiah (Abdul Salam Yusoff, 2003).

Sahsiah diberi penekanan dalam pembentukan murabbi. Sahsiah merujuk kepada keperibadian yang sebat dengan diri seseorang (Al Ghazali t.th). Ini dijelaskan lagi oleh Ibnu Khaldun (1993), yang berpandangan bahawa falsafah di sebalik sesuatu bentuk pendidikan itu adalah untuk memperoleh *malakah*, yang penghujungnya dapat interpretasikan dalam bentuk tindakan serta sahsiah. Beliau juga turut menyatakan bahawa *malakah* merujuk kepada sifat yang sebat, terhasil daripada penggunaan dan pengulangan daari semasa ke semasa sehingga sifat tadi menjadi sebat dalam jiwa. Selain itu juga, beliau menyatakan *malakah* adalah merujuk kepada bakat, kepintaran, kemampuan dan kemahiran. Di mana makna-makna tersebut merujuk kepada guru sebagai murabbi.

Kajian oleh Noornajihan Jaafar (2014), mendapati sahsiah atau akhlak seorang murabbi di SMK menunjukkan tahap sahsiah berada pada tahap cemerlang dari segi memelihara kebersihan, berpakaian kemas, berani berkata benar, melayan kerena rakan sejawat dan pelajar, menggalakkan orang lain untuk melakukan kebaikan, membantu orang lain, menjaga tutur kata agar tidak menyakiti hati orang lain, bersemangat untuk menjalankan tugas di sekolah, bertindak ke arah memajukan diri dalam kerjaya perguruan, dan memberi nasihat kepada pelajar di luar waktu jadual rasmi sekolah.

Kazmi (1999) menyatakan guru sebagai murabbi seumpama ibu bapa kepada pelajar, malah memikul tanggung jawab yang lebih berat. Guru ini bukan sahaja mengajarkan ilmu seperti dalam silibus, malah mengajar murid dengan mempamerkan tingkah laku berdasarkan pengalaman mereka tentang sesuatu yang baik dan buruk, sesuatu yang perlu dilakukan dan tidak perlu dilakukan.

Kazmi (2003) sekali lagi menegaskan dalam kajian lanjutan beliau menyatakan bahawa, sahsiah yang terpuji dan teragung adalah sahsiah junjungan besar Nabi Muhammad

S.A.W. Baginda mempamirkan kebaikan dalam setiap pemikiran, pertuturan dan perbuatan. Nabi Muhammad S.A.W merupakan ‘ummi atau buta huruf, namun baginda merupakan pemikir agung yang bukan sahaja hebat dari segi teoritikal, iaitu idea dan perancangan, bahkan juga unggul dari segi praktikalnya iaitu tindakan melaksanakan idea dan perancangan.

Kualiti lain sebagai murabbi ialah sumbangan kepada masyarakat. Guru sebagai agen perubahan negara, tidak terbatas tugasnya hanya di sekolah, bahkan mereka juga mampu memainkan peranan membentuk masyarakat (Abdullah Hassan & Ainan Mohd, 2006).

Menurut Al Ghazali (t.th), seorang murabbi itu mesti mempunyai kekuatan jiwa iaitu memiliki ciri-ciri seperti gigih, tidak mudah putus asa, optimis, bermotivasi dan bijak memotivasi orang lain. Selain itu juga, mereka haruslah mempunyai kekuatan perasaan iaitu memiliki ciri-ciri seperti penyanyang, bertimbang rasa, sabar, bertolak ansur, simpati dan empati. Individu murabbi juga perlu adanya kekuatan akal iaitu mempunyai ciri-ciri seperti suka berfikir dan mengkaji.

Kajian yang dijalankan oleh Hidayat dan Hamidi Muluk (2007) di Indonesia mendapati peranan murabbi sebagai mentor atau model mendapat nilai min yang tinggi bagi tahap persetujuan peserta kajian. Guru akan terus menjadi mentor selagi guru tersebut tidak membuat maksiat kepada Allah.

Menurut Fatiah (2005), suasana sekolah yang mencerminkan ciri keislaman yang sebenar, boleh menyediakan persekitaran harmoni dan melahirkan kasih sayang, hormat menghormati serta perlaksanaan aktiviti pendidikan yang membawa kepada kejayaan sahsiah dan pencapaian murid-murid. Selain itu, pengetua yang memimpin guru-guru,

menjadi penyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran serta menjadi pencetus, penggerak dan pembina tamadun.

Hasil dapatan yang diperolehi dari kajian ini selari dengan pandangan Dziauddin (1999) yang menyatakan suasana persekitaran pendidikan yang menekankan kepada perkembangan akal dan fizikal serta permurnian dan pemantapan rohani serta iman sebagai satu pakej mantap. Oleh itu, persekitaran sekolah yang harmoni dari aspek rohani, emosi dan kemasyarakatan sebegini boleh mengukuhkan aqidah dan akhlak keislaman yang berasaskan ilmu yang benar, ikhlas dan menghormati masalah umum, bekerjasama dan ketaatan tanpa melibatkan derhaka kepada perintah Allah. Suasana sebegini dapat membentuk seorang guru murabbi yang unggul.

5.3.3 Faktor Demografi Fasa Penilaian

Kajian ini melibatkan seramai 570 sampel kajian. Faktor demografi yang dianalisis adalah guru yang beragama Islam sahaja, lokasi sekolah, jantina, pengalaman mengajar, kelayakan akademik tertinggi, kursus semasa dalam perkhidmatan. Menurut Maslow (1987), faktor demografi merujuk kepada latar belakang guru seperti jantina, pengalaman mengajar, umur, pendidikan tertinggi, pengalaman pekerjaan, sosio-ekonomi dan lokasi semasa.

Seratus peratus sampel kajian adalah beragama Islam. Ianya menjadi asas utama di dalam pengedaran soal selidik. Sampel kajian beragama Islam ini merupakan kriteria utama dalam menjawab soal selidik yang diedarkan. Ini kerana bagi mendapat data yang tepat. Sekiranya soal selidik tersebut dijawab oleh orang bukan beragama Islam, maka, data yang diperolehi adalah tidak tepat. Ini kerana, kemungkinan besar sampel bukan

beragama Islam tidak memahami persoalan yang dikemukakan dan akan memberikan respon yang tidak tepat.

Dari segi kelayakan akademik tertinggi, sampel kajian yang mempunyai kelayakan akademik sarjana muda merupakan peratusan tertinggi iaitu 84.2% iaitu seramai 480 orang, diikuti sarjana seramai 53 orang atau 9.3%. Jumlah sampel kajian yang memegang kelayakan akademik Doktor Falsafah (PhD) dan Diploma adalah sama ramai iaitu seramai 16 orang (2.8%). Seramai 5 orang sampel kajian sahaja yang memiliki kelayakan akademik tertinggi iaitu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau setarafnya yang mewakili 0.9%. Latar belakang kelayakkan akademik ini menunjukkan sampel yang dikaji adalah layak dan mempunyai kelayakan akademik yang sewajarnya. Ini memberikan gambaran bahawa, sampel adalah seorang yang berpendidikan dan layak membuat keputusannya sendiri dalam menjawab soalan kajian ini.

Seramai 193 orang (33.9%) sampel kajian dari sekolah bandar dan 377 orang (66.1%) sampel kajian dari sekolah luar bandar. Bilangan sampel kajian lelaki adalah seramai 191 orang (33.5%) dan sampel kajian perempuan adalah seramai 379 orang (66.5%). Dari segi pengalaman mengajar, 1 hingga 5 tahun adalah seramai 108 orang (18.9%), 6 hingga 10 tahun seramai 135 orang (23.7%), 11 hingga 15 tahun seramai 122 orang (21.4%), 16 hingga 20 tahun seramai 77 orang (13.5%), 21 hingga 25 tahun seramai 56 orang (9.8%) dan 26 tahun ke atas seramai 72 orang (12.6%).

Faktor demografi yang terakhir ialah kursus semasa dalam perkhidmtan (menjurus kepada kursus pembentukan personaliti guru). Seramai 328 orang (57.5%) sampel kajian yang pernah mengikuti kursus pembentukan personaliti guru dan seramai 242 orang (42.5%) sampel kajian yang tidak pernah mengikuti kursus pembentukan personaliti guru. Ini menunjukkan sampel kajian yang dipilih sebahagian besarnya telah terdedah dengan

pengamalan pembentukan personaliti guru. Kursus pembentukan personaliti guru tersebut memberikan pendedahan awal kepada mereka dalam mengenal pasti bentuk ciri-ciri seorang guru.

Melalui kajian-kajian lepas yang telah di selidiki, didapati tiada implikasi yang besar antara faktor demografi dengan pembinaan model (Egger 2006; Imants & De Brabander 1996; Klassen & Chiu 2011; Kurz & Knight 2004; Rahmah et al. 2006). Ini dikukuhkan lagi dengan teori warisan (al Ghazali t.th) yang merujuk faktor demografi sebagai faktor warisan. Faktor warisan merujuk kepada sifat semulajadi dalam diri seseorang manusia. Al Ghazali (t.th) menyatakan bahawa Allah S.W.T menjadikan manusia dengan sifat, watak dan bakat yang berbeza. Perbezaan ini menjadi dominan dalam diri individu. Perbezaan ini dibahagikan kepada tiga bahagian oleh al Ghazali (t.th) iaitu perbezaan kekuatan jiwa, akal dan perasaan. Individu yang didominasikan oleh kekuatan akal akan mempamerkan sifat-sifat seperti suka berfikir dan mengkaji. Manakala individu yang didominasikan oleh kekuatan jiwa akan memiliki ciri seperti gigih, tidak putus asa, optimis, bermotivasi dan bijak memotivasi orang lain. Kekuatan yang terakhir pula ialah kekuatan perasaan. Individu yang di dominasikan oleh kekuatan perasaan akan memiliki ciri-ciri seperti penyayang, bertimbang rasa, bertolak ansur, simpati dan empati.

Anderson (2005) dalam teori pembentukan persepsi menyatakan tiada perbezaan persepsi guru terhadap persekitaran berdasarkan lokasi sekolah. Ini kerana, sesuatu yang dipersepsikan itu adalah berdasarkan sejarah pengalaman yang telah dilalui oleh seseorang dan cara fikir seseorang guru. Bukan disebabkan oleh lokasi di mana guru itu di bandar mahupun di luar bandar.

Karakter dan tingkah laku antara guru lelaki dan perempuan adalah berbeza-beza. Ciri yang ditunjukkan oleh seorang lelaki adalah bersifat menguasai, kuat fizikal dan agresif.

Manakala ciri yang ditunjukkan oleh perempuan pula ialah bersifat lemah lembut, beremosi, terperinci dan feminin (Morris & Maisto, 2001). Ini selari dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Hujurat, ayat 49 tentang perbezaan antara karekter lelaki dan perempuan, yang bermaksud;

“... Wahai umat Manusia! sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang lebih bertakwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”

Al-Hujurat; 49:13

Dalam kajian lepas, kualiti guru menyumbang kepada kualiti sekolah secara umumnya dan prestasi murid secara khususnya. Menurut Berliner (2005). Kualiti guru boleh ditambahbaik menerusi program-program perkembangan profesionalisma seperti latihan, bengkel dan seminar. Selain itu, menurut Drake (2002) latihan sepanjang perkhidmatan adalah penting bagi mengekalkan motivasi guru dalam perkhidmatan untuk terus komited dalam tugas mereka sehari-hari. Ini selari dengan pendapat Huberman (1989) yang menyatakan tahap motivasi dan kualiti guru semakin menurun apabila memasuki tempoh pertengahan iaitu tahun ke 19 dan ke atas dalam kerjaya pengurusan. Pusingan kerjaya dalam bidang pengurusan telah dibahagikan kepada lima pusingan. Huberman (1989) menyatakan, pusingan tersebut dimulai dengan pusingan survival dan penerokaan (1-3 tahun), pusingan kestabilan (4-6 tahun), pusingan eksperimentasi, aktif dan penilaian terhadap keputusan pemilihan kerjaya (7-18 tahun), pusingan ketengen dan kekurangan

tenaga secara berkaaran (19-30 tahun) dan yang terakhir pusingan pengunduran yang disebabkan oleh ketengen dan kekecewaan (31-40 tahun). Oleh itu, Klassen & Chiu (2010) menyatakan latihan semasa dalam perkhidmatan adalah penting bagi mengekalkan momentum guru-guru baru.

Dari segi pengalaman mengajar, kajian ini menunjukkan terdapat pelbagai peringkat pengalaman guru yang terlibat sebagai peserta kajian. Teori pengembangan guru (Berliner 2005; Fuller 1969; Hapidah Mohamed 2001; Lilia Halim & Abdullah Mohd Noor 1998) menyatakan terdapat lima fasa kemahiran, kepakaran dan kecekapan seseorang guru itu mengajar adalah berkadar dengan tempoh pengalaman mengajar iaitu:

- a. Fasa Guru Permulaan (*Novis*) : Guru pada peringkat ini sedang cuba mempraktikan segala ilmu yang dipelajari semasa latihan ikhtisas. Mereka gigih meneroka pengalaman baru.
- b. Fasa Guru Lebih Maju (*Advance Beginner*) : Pada peringkat ini guru telah berpengalaman mengajar dua hingga tiga tahun. Segala pengalaman yang diperoleh digunakan untuk mencorakkan pendekatan dan teknik tersendiri dalam pengajaran.
- c. Fasa Guru Cekap (*Competent*) : pada peringkat ini, guru sudah boleh berdikari, membuat pilihan sendiri, sedar dalam tindakan, memilih keutamaan dan membuat perancangan rapi. Namun, kebolehan guru mengajar pada peringkat ini masih kaku dan kurang kreatif.
- d. Fasa Guru Mahir (*Proficient*) : Pada peringkat ini, guru telah mengajar lima tahun. Guru telah bijak mengesan maklumat yang wujud dalam semua keadaan serta bijak membuat ramalan tentang sesuatu perkara atau kejadian yang berkaitan dengan tugas.

- e. Fasa Guru Pakar (*Expert*) : Pada peringkat ini, pengajaran guru kelihatan lancar. Guru menjadi kreatif dan bersahaja dalam pengajaran. Namun tidak semua guru sampai ke tahap ini.

Dalam kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya, sampel kajian yang paling ramai ialah berada pada lingkungan satu hingga 15 tahun pengalaman mengajar. Hubberman (1989) menyatakan bahawa motivasi dan komitmen guru meningkat secara berkadar dengan tempoh pengalaman mengajar sehingga tempoh pertengahan (sehingga tahun ke 18) dan kemudian menurun juga secara berkadar bermula tahun ke 19 hingga tahun ke 45 mengajar.

5.3.4 Fasa Penilaian

Analisis data dalam fasa penilaian menjawab soalan kajian iaitu “Apakah tahap persetujuan perlaksanaan amalan Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah di Malaysia?”, “Adakah terdapat perhubungan yang signifikan dari segi dimensi Kepimpinan Murabbi di sekolah-sekolah Malaysia?” dan “Bagaimanakah model Kepimpinan Murabbi untuk organisasi pendidikan berdasarkan konteks Malaysia?”.

Analisis Model Persamaan Struktural (SEM) / Amos 16.0 telah digunakan. Ujian korfirmatori digunakan bagi melihat perhubungan antara dimensi Kepimpinan Murabbi. Dimensi Kepimpinan Murabbi yang di uji adalah dimensi Tauhid (T), Ibadah (I), Syariat (A) dan Akhlak (AK). Nilai *goodness of fit index* (GFI) digunakan untuk mengukur kelayakan model. Menurut Hair *et al*, (1998), nilai yang diharapkan untuk GFI adalah 0.90 atau lebih. Walau bagaimanapun, Wijanto (2008) pula menyatakan nilai 0.80 hingga 0.90 sudah termasuk pada status marginal. Sehingga apabila hasil penghitungan GFI lebih

besar daripada 0.80 bererti indikator yang dikaji pada sesuatu konstruk telah memiliki reliabiliti yang boleh diterima (Umi, 2012).


Pada peringkat pertama soalan kajian, menunjukkan 132 soalan kajian yang dikemukakan kepada 570 sampel kajian memilih pada skala “setuju” dan “sangat setuju” pada peratusan yang tinggi iaitu melebihi 85% ke atas. Nilai min bagi setiap item juga adalah tinggi iaitu antara 3.80 hingga 4.80. Ini menunjukkan tahap persetujuan sampel kajian adalah tinggi bagi setiap dimensi dan mengesahkan hasil dapatan pada fasa analisis keperluan dan fasa reka bentuk.

Bagi menjawab soalan kajian yang ke dua iaitu perkaitan empat dimensi kajian iaitu Tauhid, Ibadah, Syariat dan Akhlak. Pengkaji menggunakan analisis Model Persamaan Struktural (SEM) dan menunjukkan tahap perhubungan antara dimensi adalah tinggi iaitu dengan nilai CFI=0.923 dan Model Ubah suai Ujian Konfirmatori Antara Dimensi tersebut adalah *fit* dan boleh diterima dengan nilai GFI=0.847 .

Pada peringkat ke dua, pengkaji telah membina model ubah suai bagi setiap ciri-ciri Kepimpinan Murabbi. Ini dilakukan bagi melihat secara terperinci dan lebih jelas tahap hubungan antara item yang dibina. Sebanyak 13 ciri-ciri Kepimpinan Murabbi telah diuji. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan setiap model ubah suai yang dibina ada *fit* dan mendapat nilai CFI melebihi atau sama dengan 0.90 dan nilai GFI melebihi atau sama dengan 0.80 dengan status baik.

Bagi menjawab soalan kajian yang terakhir iaitu dan “Bagaimakah model Kepimpinan Murabbi untuk organisasi pendidikan berdasarkan konteks Malaysia?”, pengkaji telah membina satu Model Moderasi Kepimpinan Murabbi. Model tersebut dibina dan mendapat nilai GFI ialah 0.84, nilai AGFI ialah 0.82 dan nilai CFI ialah 0.92 dengan

status model adalah baik. Selain itu juga, model moderasi tersebut juga menunjukkan wujudnya perhubungan antara satu dimensi dengan dimensi yang lain dan komponen *incremental fit* model moderasi tersebut adalah diterima. Selain itu juga, didapati beberapa item telah dibuang dan ciri-ciri akhlah telah dicompute bagi membentuk model yang fit dan boleh diterima.



Rajah 5.0: Model Moderasi Kepimpinan Murabbi

Merujuk kepada Model Moderasi Kepimpinan Murabbi yang dihasilkan, secara keseluruhannya hasil dapatan kajian dirumuskan untuk menjawab soalan berikut:

1. Model moderasi yang dibina menunjukkan *fit* dengan data dimensi Kepimpinan Murabbi dan juga ciri-ciri Kepimpinan Murabbi. Nilai chi-square bagi model ini adalah 1413.99 berstatus kurang baik dengan nilai probabiliti adalah 0.00 . Namun begitu, nilai *fit* model tersebut adalah berstatus baik dengan nilai GFI = 0.84, AGFI = 0.82, CFI = 0.92, RMSEA = 0.07, CMIN/DF = 3.81 dan nilai TLI = 0.91. Secara keseluruhannya, nilai-nilai yang ditunjukkan tersebut menggambarkan Model Moderasi Kepimpinan Murabbi tersebut boleh diterima baik kerana telah melepas nilai *fit* yang ditetapkan.
2. Terdapat hubungan positif antara dimensi tauhid (T) dengan dimensi syariat (A) iaitu 0.76.

Hasil analisis Amos yang ditunjukkan dalam rajah 5 menunjukkan bahawa dimensi tauhid (T) berpengaruh positif dan signifikan terhadap dimensi syariat (A). Hal ini ditunjukkan dari koefisien jalur yang bertanda positif sebesar 0.76 dengan nilai CR sebesar 10.771. Diperolehi nilai probabiliti signifikansi (p) sebesar 0.000 . Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan iaitu 0.05. Kajian ini telah membuktikan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara dimensi tauhid (T) dengan dimensi syariat (A).

3. Terdapat hubungan positif antara dimensi tauhid (T) dengan dimensi ibadah (I) iaitu 0. 52.

Kajian ini telah membuktikan melalui hasil analisis Amos yang ditunjukkan dalam rajah 5 menunjukkan bahawa dimensi tauhid (T) berpengaruh positif dan signifikan terhadap dimensi ibadah (I). Hal ini ditunjukkan dari koefisien jalur yang bertanda positif sebesar 0.52 dengan nilai CR sebesar 8.081. Diperolehi nilai

probabiliti signifikansi (p) sebesar 0.000 . Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan iaitu 0.05. Kajian ini telah membuktikan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara dimensi tauhid (T) dengan dimensi ibadah (I).

4. Terdapat hubungan positif antara dimensi tauhid (T) dengan dimensi akhlak (AK) iaitu 0.45.

Hasil analisis Amos yang ditunjukkan dalam rajah 5 menunjukkan bahawa dimensi tauhid (T) berpengaruh positif dan signifikan terhadap dimensi akhlak (AK). Hal ini ditunjukkan dari koefisien jalur yang bertanda positif sebesar 0.45. Diperolehi nilai probabiliti signifikansi (p) sebesar 0.000 . Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan iaitu 0.05. Kajian ini telah membuktikan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara dimensi tauhid (T) dengan dimensi akhlak (AK). Kajian ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang antara dimensi tauhid (T) dengan dimensi akhlak (AK). Ia menunjukkan pegangan tauhid seseorang mukmin menentukan akhlak seseorang kearah yang lebih positif.

5. Terdapat hubungan yang negatif antara dimensi ibadah (I) dengan dimensi syariat (A) iaitu -0.01.

Kajian ini menunjukkan hasil analisis Amos yang dalam rajah 5 menunjukkan bahawa dimensi ibadah (I) berpengaruh negatif dan signifikan terhadap dimensi syariat (A). Hal ini ditunjukkan dari koefisien jalur yang bertanda negatif sebesar -0.01 dengan nilai CR sebesar -0.212. Diperolehi nilai probabiliti signifikansi (p) sebesar 0.000 . Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan iaitu 0.05. Kajian ini menunjukkan terdapatnya hubungan negatif signifikan antara dimensi ibadah (I) dengan dimensi syariat (A). Ini menunjukkan pengaruh dimensi ibadah sebesar -0.01 terhadap dimensi syariat, iaitu setiap kenaikan dimensi ibadah dan menurunkan dimensi syariat. Walaubagaimanapun, nilai

signifikan negatif ini adalah sangat kecil dan tidak memberikan kesan yang besar terhadap hubungan kedua-dua dimensi tersebut secara ketara.

6. Terdapat hubungan positif antara dimensi ibadah (I) dengan dimensi akhlak (AK) iaitu 0.07.

Hasil analisis Amos yang ditunjukkan dalam rajah 5 menunjukkan bahawa dimensi ibadah (I) berpengaruh positif dan signifikan terhadap dimensi akhlak (AK). Hal ini ditunjukkan dari koefisien jalur yang bertanda positif sebesar 0.07.

Diperolehi nilai probabiliti signifikansi (p) sebesar 0.000 . Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan iaitu 0.05. Kajian ini telah membuktikan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara dimensi ibadah (I) dengan dimensi akhlak (AK) walaupun hubungan signifikansi kedua-dua dimensi tersebut adalah rendah

7. Terdapat hubungan positif antara dimensi syariat (A) dengan dimensi akhlak (AK) iaitu 0.36.

Hasil analisis Amos yang ditunjukkan dalam rajah 5 menunjukkan bahawa dimensi syariat (A) berpengaruh positif dan signifikan terhadap dimensi akhlak (AK). Hal ini ditunjukkan dari koefisien jalur yang bertanda positif sebesar 0.36. Diperolehi nilai probabiliti signifikansi (p) sebesar 0.000 . Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan iaitu 0.05. Kajian ini telah membuktikan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara dimensi syariat (A) dengan dimensi akhlak (AK). Kajian ini membuktikan bahawa terdapat hubungan antara dimensi syariat (A) dengan dimensi akhlak (AK).

5.4. Implikasi Dapatan Kajian

Pada dasarnya kajian ini mengguna pakai model guru sebagai murabbi oleh Al Ghazali t.th. Model guru sebagai murabbi oleh Al Ghazali menyatakan bahawa hubungan guru dengan pelajar di perlukan dalam proses pendidikan. Hubungan kasih sayang antara guru dan pelajar diperlukan di dalam kejayaan proses pendidikan yang mana ianya menekankan kepada aspek sikap dan perkara yang perlu ada pada seorang pelajar seperti kebersihan jiwa dan adab pelajar dengan guru.

Secara umumnya, hasil dapatan kajian ini mengukuhkan lagi model guru sebagai murabbi oleh Al Ghazali t.th. Ini dibuktikan dengan hasil dapatan Model Ubah suai Kepimpinan Murabbi yang menunjukkan terdapat hubungan yang tinggi bagi setiap ciri-ciri yang telah dikenal pasti dan nilai-nilai bagi *Fitness Indexes* adalah tinggi dan mencapai nilai yang dikehendaki.

5.4.1 Implikasi terhadap Dimensi

Hasil dapatan pada fasa analisis keperluan telah menunjukkan keperluan terhadap Kepimpinan Murabbi. Pemimpin di peringkat sekolah telah menyatakan tentang kepentingan terhadap keperluan model Kepimpinan Murabbi dalam membentuk seorang guru yang unggul dari semua aspek. Keunggulan bukan sahaja dari aspek kecemerlangan akademik pelajar semata-mata tetapi juga kecemerlangan dari segi akidah dan akhlak serta personaliti guru sebagai murabbi itu sendiri dengan berlandaskan niat kerana Allah.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, sebagai murabbi seorang guru itu perlulah meningkatkan lagi pegangan mereka terhadap ke empat-empat dimensi Kepimpinan Murabbi iaitu Tauhid, Ibadah, Syariat dan juga Akhlak. Ini kerana, seorang guru itu

merupakan contoh ikutan kepada semua pelajarnya. Ini kerana, pada era globalisasi banyak memberi pendedahan kepada pelajar dari pelbagai sudut. Pendedahan sama ada positif mahupun negatif serta ledakan malkumat tanpa had. Oleh itu, guru sebagai murabbi hendaklah menggunakan kemahiran dan kelebihan yang ada pada mereka bagi membimbing pelajar sama ada dari segi akademik dan juga sahsiah.

Setiap guru sebagai murabbi hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi kemahiran dan penampilan mereka. Ini penting kerana kemahiran dan sahsiah guru mestilah berkembang sejajar dengan pengalaman kerjaya guru tersebut. Perkembangan ini amat diperlukan kerana guru adalah contoh ikutan kepada pelajar.

Guru hendaklah sentiasa melazimi amalan sunat bagi membentuk keperibadian seorang murabbi. Antara amalan sunat yang boleh dipraktikkan adalah sembahyang berjemaah dengan pelajar, berpuasa sunat Isnin dan Khamis, zikir, membaca al Quran sekurang-kurangnya tiga muka surat sehari dan sebagainya.

Sebagai murabbi, guru hendaklah kreatif dan kritis di dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah penting agar sejajar dengan perkembangan pendidikan alaf 21. Murabbi yang boleh menguasai teknologi merupakan seorang guru yang lebih kehadapan di dalam era globalisasi. Selain itu juga, ia menjadi ikutan dan menarik minat pelajar untuk meneroka pembelajaran yang lebih menarik.

Murabbi juga hendaklah bijak menggunakan kemahiran komunikasi dan psikologi bagi mendampingi pelajar. Menganggap pelajar sebagai anak sendiri dapat mengeratkan lagi hubungan pelajar dengan guru. Pelajar yang mempunyai hubungan yang rapat dengan guru akan lebih mudah dibentuk sama ada dari segi sahsiah dan juga akademik.

Sebagai murabbi, guru hendaklah menjaga dan berhati-hati dalam mempamerkan akhlak mereka. Akhlak ini akan mempamerkan perwatakan seorang guru yang mencakupi pemikiran, tutur kata, gaya, pemakaian dan lain-lain aspek yang menjadi perhatian dan teladan kepada pelajar.

Murabbi juga merupakan agen perubahan kepada masyarakat dan juga negara. Seorang murabbi perlulah melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan agar menjadi contoh teladan kepada masyarakat. Selain itu, murabbi perlulah lebih kehadapan di dalam aktiviti-aktiviti kebajikan sama ada di sekolah atau masyarakat setempat. Ini akan menjadi ikutan kepada pelajar dan meningkatkan lagi rasa hormat pelajar dan masyarakat terhadap kerjaya keguruan.

Ajzen (1991) dalam teori tingkah lakunya menyatakan motif seseorang terhadap sesuatu perkara dipengaruhi oleh corak pemikirannya. Sebagai seorang murabbi, hendaklah mempunyai niat yang ikhlas kerana Allah di dalam menjalankan tugas kerana ia dapat membentuk murabbi yang berkualiti tinggi sama ada dari segi keperibadian dan pekerjaan.

Seorang murabbi hendaklah mempunyai sifat ingin meningkatkan lagi ilmu pengetahuan. Guru hendaklah senantiasa mencari peluang untuk menambahkan lagi ilmu sama ada untuk kepentingan pelajar, diri sendiri, organisasi dan juga masyarakat. Antara langkah yang boleh dilakukan oleh murabbi adalah dengan menambah koleksi bahan rujukan, menghadiri kursus, kuliah, ceramah, sambung belajar keperingkat yang lebih tinggi dan pelbagai lagi.

Kajian ini hanya membentuk Model Kepimpinan Murabbi dari sudut dimensi dan ciri-ciri Kepimpinan Murabbi. Ia mungkin penting bagi menganalisis dimensi dan ciri-ciri

Kepimpinan Murrabi namun penambahbaikan boleh dilakukan dengan melihat tahap pengamalan dimensi dan ciri-ciri tersebut. Walaubagaimanapun, kajian ini telah berjaya mendapatkan dimensi dan ciri-ciri serta menjawab soalan kajian yang telah dikemukakan.

5.4.2 Implikasi terhadap Polisi

Implikasi yang paling besar hasil dapatan kajian ini adalah dari aspek pengurusan, perancangan dan juga dasar pendidikan. Sewajarnya pihak pengurusan MARA dan Kementerian Pelajaran Malaysia melihat Model Kepimpinan Murabbi di dalam membentuk dan melatih guru-guru. Latihan yang dijalankan dalam pembentukan personaliti guru hendaklah berlandaskan kepada pembentukan seorang murabbi. Model Kepimpinan Murabbi ini wajar dijadikan bahan rujukan utama kerana ianya dapat membentuk seorang guru yang lengkap. Latihan yang diberikan hendaklah menyeluruh, bukan semata-mata kepada guru baru (perkhidmatan antara 0 hingga 5 tahun) sahaja tetapi mencakupi semua peringkat guru.

Melalui hasil dapatan kajian ini, pihak kepimpinan sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, dan Kementerian Pelajaran Malaysia serta MARA dapat merangka modul latihan kepada semua guru. Di mana hasil dapatan ini selaras dengan fokus utama Pelan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Mutu kepimpinan, kualiti pengajaran dan kemahiran guru adalah fokus utama dalam gelombang pertama (2013-2015). Ini dapat direalisasikan sekiranya penerapan dan perlaksanaan Model Kepimpinan Murabbi dilakukan dengan berkesan.

Selain itu, institusi latihan keguruan seperti Institut Aminuddin Baki, Maktab Perguruan dan institusi latihan guru yang lain seharusnya mengkaji kembali modul latihan guru dengan menjurus kepada pembentukan murabbi. Model yang dibentuk hasil dapatan

kajian ini boleh dijadikan asas kepada modul latihan guru dan kepimpinan sekolah. Kepimpinan Murabbi ini bukan hanya sesuai untuk guru-guru muslim semata-mata tetapi ianya adalah menyeluruh. Bagi yang bukan muslim, mereka juga turut mempercayai adanya tuhan dan penerapan dari segi akhlak boleh ditekankan dalam modul latihan kerana ianya bersifat universal.

Pemimpin sekolah boleh menggunakan Model Kepimpinan Murabbi ini dalam membentuk kepimpinan sekolah dengan melakukan pengubah suaian mengikut kesesuaian dan persekitaran sekolah. Ini kerana dalam Model Kepimpinan Murabbi adalah menjurus ke arah kecemerlangan akademik, akhlak, kecemerlangan organisasi dan ianya sangat menyeluruh.

Selain itu, institusi pengajian tinggi terutamanya di dalam menjalankan diploma pendidikan dan ijazah pendidikan hendaklah memasukkan dimensi dan elemen yang ada dalam Model Kepimpinan Sekolah ke dalam kurikulumnya. Ini adalah untuk melahirkan guru yang unggul dan berketrampilan selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Selain itu, kajian ini boleh digunakan dalam mempertingkatkan pembangunan kerjaya guru. Segala usaha dalam mempertingkatkan pembangunan kerjaya guru dengan berlandaskan kepada syarat memenuhi semua dimensi dan ciri-ciri Kepimpinan Murabbi. Perlu ada suatu peraturan terhadap kenaikan dan pembangunan kerjaya guru dengan berlandaskan kepada Model Kepimpinan Murabbi sama ada secara struktural maupun fungsional, yang setara dengan syarat arus perdana.

Pembinaan Model Kepimpinan Murabbi ini juga adalah selaras dengan fokus utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Hasrat kerajaan untuk meningkatkan kemahiran guru, kualiti pengajaran serta mutu kepimpinan dalam Pelan

Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 akan tercapai sekiranya Model Kepimpinan Murabbi dapat dilaksanakan dengan jayanya di sekolah. Pengamalan Model Kepimpinan Murabbi ini akan meningkatkan profesionalisma keguruan serta prestasi kepimpinan dari semasa ke semasa. Oleh itu, hasrat kerajaan dalam gelombang ketiga (2021-2025) iaitu sekolah, guru dan kepimpinan sekolah menunjukkan prestasi melebihi standard minimum dalam tempoh lima tahun akan dapat dicapai dengan mudah.

Implikasi terhadap pihak pengurusan MARA pula adalah menggunakan Model Kepimpinan Murabbi ini di dalam modul pemilihan guru-guru baru, orientasi guru-guru, latihan sepanjang perkhidmatan, saringan pemilihan bagi kenaikan pangkat dan lain-lain. Ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Mara bagi melahirkan pendidik yang berketrampilan. Institut Latihan Keguruan Mara boleh memasukkan dimensi dan elemen yang ada dalam hasil dapatan kajian ini ke dalam perancangan latihan keguruan. Selain itu, melalui hasil dapatan kajian yang aplikasikan dalam institusi tersebut dapat menjuruskan matlamat latihan keguruan yang akan di adakan.

5.5. Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan perbincangan kajian yang telah dijalankan, terdapat beberapa cadangan yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak bagi meningkatkan lagi kajian berkaitan dengan Model Kepimpinan Murabbi.

Penyelidikan selanjutnya boleh ditumpukan tahap perlaksanaan Kepimpinan Murabbi sama ada di Maktab Rendah Sains Mara mahupun di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. Di samping itu kajian hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan penciptanya yang perlu dititik beratkan dalam kajian selanjutnya. Kajian sebegini amat perlu dilaksanakan memandangkan kajian-kajian

kepemimpinan sedia ada kebanyakannya hanya mengaitkan dengan kepuasan kerja guru, motivasi guru, konstruk kepimpinan dan komitmen guru sahaja.

Kajian ini juga hanya dijalankan di sekolah menengah sahaja. Kajian lanjutan boleh dilakukan di semua peringkat sama ada di sekolah rendah, sekolah jenis kebangsaan, sekolah swasta, sekolah antarabangsa, institusi latihan keguruan, dan institut pengajian tinggi. Kajian-kajian tersebut akan dapat mengukuhkan lagi teori kepimpinan terutamanya dalam teori kepimpinan dalam Islam.

Fasa analisis keperluan yang dilakukan dalam kajian ini hanya difokuskan kepada peserta kajian yang terlibat secara langsung dalam kepimpinan pendidikan. Kajian lanjutan boleh dilakukan ke atas pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kepimpinan pendidikan seperti ibu bapa, pihak pengurusan MARA, pihak pengurusan Kementerian Pelajaran Malaysia dan lain-lain. Ini dapat memberikan gambaran yang lebih luas terhadap keperluan Model Kepimpinan Murabbi.

Satu kajian terhadap pembinaan modul pengaplikasian Model Kepimpinan Murabbi dapat dibuat sebagai kajian lanjutan. Ianya adalah penting bagi membina satu saluran pengaplikasian model yang dibina dalam suasana kepimpinan pendidikan dan organisasi pendidikan yang sebenar. Ianya bukan hanya boleh digunakan di sekolah-sekolah sahaja tetapi kesemua peringkat organisasi yang berkaitan.

Kajian lanjutan lain yang boleh dilakukan adalah kajian bagaimana Model Kepimpinan Murabbi ini boleh diaplikasikan kepada pelbagai kaum dan juga agama. Kajian ini boleh dilakukan kerana dimensi serta elemen yang ada dalam Kepimpinan Murabbi adalah bersifat universal dan terbuka. Kajian boleh dijalankan secara berperingkat sama ada dalam bentuk melihat perbeza amalan di sekolah rendah atau menengah jenis kebangsaan

dengan sekolah kebangsaan, perbezaan amalan antara sekolah kebangsaan dengan sekolah menengah agama dan sebagainya. Ini akan melahirkan satu kajian bentuk amalan Kepimpinan Murabbi yang lebih jelas dari segi amalannya yang pelbagai sudut.

Mengadakan kajian lanjutan berbentuk pemerhatian (*observation*) terhadap guru di dalam kelas-kelas sebenar untuk melihat dapatan yang lebih tepat. Selain dari itu, kajian kualitatif boleh dilakukan terhadap individu yang telah dikenal pasti sebagai murabbi. Ini dilakukan bagi melihat dengan lebih mendalam bentuk amalan yang telah digunakan oleh beliau. Kajian tersebut dapat dikukuhkan dengan kajian tinjauan terhadap mereka yang terlibat secara langsung dengan beliau.

Cadangan kajian lanjutan yang lain ialah, memperluaskan kajian ini ke sekolah-sekolah di luar negara. Kajian ini dibuat bagi melihat perbandingan antara perbezaan budaya pembelajaran dan kepimpinan sekolah di dalam negara dan luar negara. Perbezaan dari segi dimensi dan elemen boleh dijangka daripada kajian tersebut. Semoga dengan dapatan kajian tersebut dapat menambah lagi khazanah ilmu kepimpinan Islam dalam pendidikan.

Dapatan kajian ini dan lanjutan diharap dapat menambahkan lagi nilai dan kualiti kepimpinan guru di institusi pendidikan seluruh Malaysia. Kajian penambahbaikan bidang kepimpinan amat perlu dititik beratkan memandangkan bidang kepimpinan merupakan suatu bidang yang akan menentukan hala tuju sesebuah negara yang bermula dari kepimpinan di peringkat sekolah. Pihak berwajib haruslah sentiasa memantau tahap kepemimpinan sama ada guru, pengetua sekolah atau pentadbir sekolah. Ini diharapkan agar wujudnya hubungan dua hala di mana pentadbiran sekolah berjaya melakukan perubahan positif dan guru-guru mencapai tahap seorang murabbi. Kepemimpinan yang baik bakal melahirkan permuafakatan seluruh warga pendidikan yang terdiri dari

pemimpin dan pentadbir, guru-guru dan staf sokongan. Keadaan ini akhirnya akan melahirkan iklim pendidikan yang kondusif seterusnya akan mencapai kecemerlangan.

5.6 Rumusan

Kajian yang dijalankan ini melibatkan tiga fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa analisis reka bentuk yang merangkumi tiga pusingan teknik Delphi dan fasa penilaian di dalam membentuk Model Kepimpinan Murabbi. Fasa analisis keperluan melibatkan 24 orang peserta kajian yang berlatar belakangkan pelbagai jenis sekolah menengah iaitu bandar dan luar bandar.

Manakala fasa reka bentuk pula dijalankan ke atas 15 panel pakar dengan menggunakan tiga pusingan teknik Delphi. Pada pusingan pertama, temubual berstruktur telah digunakan bagi bagi mendapatkan pandangan dan pendapat pakar. Pusingan kedua dan ketiga pula dijalankan menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data dalam pembentukkan item pengukuran setiap dimensi dan elemen. Pusingan Delphi ditamatkan apabila pengkaji mendapat kesepakatan yang tinggi di dalam pengumpulan data dan pembentukan item bagi setiap dimensi dan elemen. Terdapat 4 dimensi utama yang telah disepakati iaitu dimensi Meng Esa kan Allah (Tauhid), Ibadah, Syariat dan Akhlak yang mengandungi 132 item sebagai pengukuran.

Fasa terakhir adalah fasa penilaian yang melibatkan 570 peserta kajian dari sebelas buah negeri dan 20 buah sekolah menengah dan MRSM yang terlibat. Hasil dapatan kajian di analisis menggunakan analisis diskriptif bagi melihat tahap persetujuan peserta kajian di dalam pembinaan Model Kepimpinan Murabbi. Manakala analisis SEM digunakan untuk membina Model Kepimpinan Murabbi. Model yang dibina menunjukkan terdapat hubungan yang tinggi antara dimensi yang dikaji. Model juga dibina bagi setiap ciri

Kepimpinan Murabbi yang dibina bagi melihat tahap hubungan antara elemen dan item yang dikaji. Keputusan yang diperolehi telah menunjukkan terdapat hubungan yang tinggi dalam setiap elemen ciri dan model berada tahap baik dan diterima.

Dalam fasa terakhir, pembinaan satu Model Kepimpinan Murabbi telah dibentuk dan hasilnya menunjukkan terdapat hubungan bagi setiap ciri dengan ciri yang lain bagi ciri-ciri Kepimpinan Murabbi. Oleh itu, satu Model Ubah Suai Kepimpinan Murabbi telah dibina dan menunjukkan hubungan antara ciri-ciri Kepimpinan Murabbi dan ianya telah membentuk satu model yang *fit* serta diterima.

Terdapat beberapa implikasi yang dibincangkan oleh pengkaji. Antara implikasi tersebut adalah implikasi terhadap guru sebagai murabbi, implikasi terhadap dasar Kementerian Pelajaran Malaysia, dan juga kepada pihak Mara.

Hasil dapatan juga memberi implikasi keseluruhan terhadap pembentukan guru sebagai murabbi di dalam organisasi pendidikan. Oleh yang demikian, diharapkan dengan kajian ini, dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kajian ini juga disertakan dengan cadangan dengan kajian lanjutan agar perkembangan ilmu dalam bidang kepimpinan Islam terus bercambah.